

DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 50

Isnin

10 Oktober 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006 (Halaman 26)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006 (Halaman 26)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 10 Oktober 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakan Petronas kurang berminat untuk membuka Stesen Gas Asli untuk kenderaan (NGV) secara menyeluruh walaupun permintaannya tinggi.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekarang jumlah NGV di seluruh Malaysia ialah sebanyak 39 buah, di mana 32 buah letaknya di Lembah Klang, dua di Negeri Sembilan, empat di Johor Bharu dan sebuah di Perai. Sementara 12 stesen lagi masih dalam proses pembinaan. Kesemua stesen ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah milik Petronas.

Mengenai Petronas kurang berminat untuk membuka Stesen Gas Asli untuk kenderaan NGV, tidak timbul kerana Petronas akan membangun lebih banyak stesen minyak yang dilengkapi dengan kemudahan pam NGV iaitu selain daripada penambahan jumlah pam NGV di stesen-stesen minyak yang sedia ada. Di samping itu pembinaan stesen-stesen NGV baru terutamanya di kawasan yang mempunyai permintaan tinggi di sekitar Lembah Klang dan di bandar utama masih dipergiatkan untuk menggalakkan kenderaan menggunakan gas asli. Petronas merancang untuk membina sekurang-kurangnya 10 stesen minyak NGV setiap tahun sehingga penghujung tahun 2010 berjumlah keseluruhannya pada tahun 2010 adalah melebihi 90 buah. Terima kasih

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita semua tahu bahawa di dalam bajet yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan bahawa banyak

insentif yang diberikan kepada penggunaan gas asli ini. Jadi, sebelum daripada itu pun telah diberikan insentifnya seperti mengurangkan cukai jalan sebanyak 50 peratus dan sebagainya. Tetapi apa yang berlaku pada hari ini ialah kita dapati bahawa kenderaan-kenderaan yang telah pun menukar menggunakan gas asli ini seperti kenderaan teksi dan sebagainya, didapati bahawa masih lagi tidak cukup stesen menjual gas runcit ini seperti mana yang berlaku kadang kala berlaku kesesakan di jalan-jalan apabila teksi berbaris untuk mendapatkan gas ini.

Jadi, soalan saya, bolehkah kerajaan membenarkan selain daripada Petronas ini untuk sama-sama mengedar atau membekalkan gas asli ini di Malaysia dan kedua, adakah kita berhasrat untuk meletakkan penggunaan gas asli ini ataupun mengawalinya ini di bawah satu kementerian yang betul-betul boleh memberikan pembangunan ataupun memberikan supaya ianya dapat diperluaskan lagi kerana pada hari ini kita lihat ianya terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri dan yang mana saya difahamkan bahawa Jabatan Perdana Menteri hanya membuat dasar sahaja tetapi dari segi pelaksanaannya, biasanya dilaksanakan oleh kementerian-kementerian yang lain. Jadi, adakah kita berhasrat untuk berbuat demikian? Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama sekali kita kena faham bahawa penggunaan gas asli ini ialah sebenarnya bukan kita nak ambil alih penggunaan petrol dan diesel kepada kenderaan-kenderaan. Sebenarnya penggunaan gas asli ini ialah untuk mengurangkan pencemaran udara terutama sekali di bandar-bandar besar. Sebab itulah kita tengok sekarang ini pembinaan stesen-stesen minyak ini hanya ditumpukan kepada Lembah Klang iaitu 31 buah. Begitu jugalah di negara-negara lain kalau saya lihat di Korea, di India semua menggunakan bandar-bandar besar.

Jadi, berkenaan dengan soalan Yang Berhormat tadi, sama ada kita memberi kebenaran kepada stesen-stesen minyak lain atau pengusaha lain untuk membekal gas asli ini, sebenarnya kita tidak ada halangan. Setakat hari ini Petronas tidak menghalang mana-mana stesen minyak untuk menceburi perusahaan NGV ini, tidak ada halangan. Dan berkenaan dengan mewajibkan penggunaan NGV di stesen-stesen minyak, kita setakat ini belumlah bercadang untuk menggunakan undang-undang kepada mana-mana stesen minyak ini berkenaan dengan penggunaan NGV ini. Kita lebih suka kepada pendekatan secara komersial iaitu *willing buyer* dan *willing seller*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Satu lagi Yang Berhormat tadi berkenaan dengan sama ada stesen minyak, perkara ini terletak kepada Petronas sendiri bukan di Jabatan Perdana Menteri. Perkara ini saya rasa adalah dasar, mungkin dikaji pada masa depanlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat mengatakan bahawa Petronas tidak menghalang sesiapa pun, sebab apa, syarikat yang lain tidak berminat. Adakah ini kerana ada halangan yang lain? Saya pun, Tuan Yang di-Pertua, tolong juga dari masa ke semasa bila kita naik teksi, ada di stesen-stesen itu yang berbaris dengan panjang, lama tunggu, lama tunggu. Macam mana kita selesaikannya? Hanya satu stesen kalau kita pergi *ELITE Highway*, pergi ke KLIA, itu yang lapang, tidak ada orang. Semua angguk sekarang, setuju dengan saya *[Disampuk]* Ketereh, saya ada kesinambungan.... *[Ketawa]*

Bagaimana pihak kementerian dapat menolong pihak pemandu teksi supaya kita tidak ada kesesakan. Kesesakan jalan itu cukup hebat dan kesesakan ada kerana NGV pun hebat juga. Jadi, ini sudah menyusahkan bukan sahaja penumpang bahkan juga pemandu teksi dan sebagainya. Saya berharaplah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat mengaturkan satu rancangan yang lebih teratur supaya kita dapat menikmati perkhidmatan itu. Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya syarikat-syarikat lain enggan melibatkan diri kerana untuk melibatkan diri dalam perniagaan ini mereka terpaksa memberi *investment* yang begitu tinggi kerana setakat hari ini Petronas sahaja yang mampu. Selain daripada itu juga mereka juga kena bagi subsidi dan semuanya kerana perkara-perkara inilah menyebabkan syarikat-syarikat seperti *Shell* dan lain-lain enggan menceburi dalam bidang ini.

Berkenaan dengan kesesakan di stesen-stesen minyak. Ini ada berlaku kalau kita tengok di KLCC lah terutama sekali. Ini berlaku pada waktu-waktu tertentu sahaja bukan pada sepanjang masa, terutama sekali apabila mereka hendak menukar syif dan sebagainya, itu sahaja. Tetapi kalau kita tengok di stesen-stesen minyak yang lain tidaklah sesak seperti yang di KLCC. Kebetulan di KLCC jalannya sempit sedikit dan tempat stesen itu pun saya rasa agak sempit.

2. **Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah jalan raya bandaran, jalan raya negeri dan jalan raya Persekutuan menepati piawaian Jalan Raya Kebangsaan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua jalan-jalan Persekutuan dan negeri direka bentuk mengikut piawaian jalan raya yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia - arahan-arahan teknik jalan dan spesifikasi-spesifikasi piawai serta garis panduan-garis panduan yang lain yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Arahan-arahan teknik jalan dan garis panduan yang dikeluarkan ini merangkumi seluruh aspek pembinaan jalan raya termasuklah bagi proses reka bentuk dan jajaran pembinaan fizikal jalan raya serta pembinaan kemudahan yang berkaitan seperti papan tanda dan lampu isyarat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selanjutnya syarat menggunakan arahan-arahan teknik spesifikasi serta garis-garis panduan ini juga dipanjangkan kepada semua jurutera-jurutera perunding swasta di Malaysia yang menyediakan reka bentuk bagi jalan kepada JKR. Manakala bagi jalan-jalan bandaran pula, pihak-pihak berkuasa tempatan pada kebiasaannya mengguna pakai piawaian dan spesifikasi yang serupa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, piawaian jalan JKR terbahagi kepada dua kategori iaitu jalan luar bandar dan jalan bandaran. Kategori jalan luar bandar dibahagikan kepada tujuh tahap iaitu R1 hingga R6. Tahap R1 dan R1A biasanya digunakan bagi jalan kampung dan jalan FELDA. Tahap R2 dan R3 biasanya digunakan bagi jalan-jalan kecil, *minor road*, dengan izin. Yang ketiga tahap R4 dan R5 biasanya digunakan bagi jalan utama iaitu, dengan izin, *major road*, perhubungan antara bandar-bandar utama dan tahap R6 pula biasanya digunakan bagi jalan bertaraf lebuhraya dengan kawalan jalan masuk iaitu, *control access highway*, dengan izin.

Manakala, kategori jalan bandaran dibahagikan kepada enam tahap, iaitu U1 hingga U5, U6 yang mempunyai sedikit perbezaan dengan jalan luar bandar dari segi kelebihan lorong, had laju, reka bentuk dan sebagainya yang mengambil kira persekitaran bandar dengan ruang yang terhad. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, jalan-jalan direka bentuk dan dibina berdasarkan pada

keperluan kuantiti trafik iaitu, dengan izin, *traffic volume*, bentuk muka bumi dan keupayaan kewangan yang sedia ada.

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Soalan tambahan. Terima kasih kepada Menteri yang sendiri datang untuk menjawab soalan saya. Kami semua tahu dari Sabah, ketiga-tiga jalan ini, iaitu jalan raya bandaran, jalan raya negeri dan jalan raya Persekutuan semua jalan ini cepat rosak selalu. Contohnya, seperti dekat *traffic light*, dengan izin, selalu ada jalan tidak rata, *there is always ripples*, dengan izin, dekat *traffic light*. Adakah ini standard JKR dan kenapa di Kuala Lumpur ini saya tidak nampak jalan raya begitu? Soalan tambahan ialah adakah kementerian, adakah kumpulan jurutera datang ke Sabah untuk siasat apabila jalan raya dibina ada siasatan waktu itu?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jalan raya bukan rosak sendiri, manusia merosakkan jalan raya. *[Ketawa]* Ha! Bukan. Mana boleh dia rosak sendiri? *[Disorak]* Yang kedua, kita sudah ikut dengan satu taraf. Jalan itu sudah dibina, khasnya di negeri Sabah dan negeri Sarawak, mana-mana satu jalan pun tidak boleh digunakan lebih dari enam bulan. Oleh kerana ada juga lesen-lesen diberi kepada lori balak. Lori balak muat 65 tan, merosakkan jalan. Satu contohnya di negeri Sarawak, Bakun di negeri Sarawak, Bakun punya jalan.

Kita belanja lebih dari RM 130 juta ringgit untuk membina jalan. Apa jadi pada hari ini? Tidak ada jalan lagi. Kalau kita mahu juga membina jalan untuk memuatkan 65 tan, ini jalan akan mengambil perbelanjaan banyak tinggi, Yang Berhormat. Itulah satu masalahnya. Jadi, jikalau kita boleh minta lori-lori tidak mengadakan lebih *excel*, kita tidak mahu lebih *excel*, lori yang muat 22 tan memuat 65 tan. Siapa yang boleh menjaga ini? Ini bukan tanggungjawab JKR untuk menjaga mana lori ikut dengan mana jalan, tanggungjawab JKR membina jalan mengikut piawaian yang sedia ada.

Jika ada juga orang yang tidak bertanggungjawab menggunakan, merosakkan harta kerajaan tidak ada orang mengambil tindakan atas mereka. Kuasa untuk mengambil tindakan atas *culprit* seperti itu bukan diletak dalam tangan JKR. Ini diletak dalam tangan polis. Terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima Kasih. Saya ingin tanya Dato Seri Menteri, mengapakah didapati sebilangan besar *high tension cable towers* di sepanjang Jalan Ipoh, berhampiran kediaman Dato' Seri Menteri, di mana Lebuhraya Duta-Ulu Klang atau Lebuhraya DUKE akan melalui. Dan, akibat cadangan

pembinaan lebuhraya itu, menara-menara *high tension cable* yang baru dibina lebih kurang dua tahun yang lalu dengan menelan kos yang tinggi oleh TNB terpaksa diroboh dan dipindahkan.

Saya ingin tahu manakah cadangan yang lebih awal dirancang? Jika lebuhraya, mengapakah menara didirikan dan jika menara lebih awal dirancang, lebuhraya terpaksa ambil alih tanah itu dan jika ini adalah akibatnya, apakah kos yang terlibat? Apakah kerugian yang dibebankan oleh TNB dan pampasan yang dibayar oleh kerajaan ataupun syarikat konsesi.

Soalan kedua saya ialah apakah benar saudara-mara Yang Berhormat Menteri telah membeli sebuah rumah banglo yang sangat berhampiran lebuhraya *due* itu dan beralamat di No. 2, Jalan Sungkai off Jalan Ipoh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini tidak ada...

Tuan Tan Kok Wai: Saya harap perkara ini bukan soalan peribadi kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada kaitan, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai:lebuhraya ini adalah di bawah kementerian Yang Berhormat. Saya percaya Yang Berhormat Menteri rela menjawabnya.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Tan Kok Wai: Diam sahajalah!

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada kaitan.

Tuan Tan Kok Wai: Jika pembelian ini adalah benar, adakah pembelian ini dilakukan atas nasihat Yang Berhormat Menteri, apakah harga banglo itu? Sila jawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau seorang Ahli Yang Berhormat suka juga membangkitkan apa-apa soalan, beliau mesti mengadakan butir-butir berkenaan perkara ini. Jikalau ada juga, saya minta pergilah lapor kepada ACA.

Tuan Tan Kok Wai: [*Bangun*]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak apa, tidak payah tanya. Tuan Yang di-Pertua, ada satu rumah No. 19 di mana saya sendiri duduk dibina dengan pinjaman daripada kerajaan. Saudara-mara saya semua duduk setengah batu jauh dari jalan itu. Kita tidak dapat bayaran, kita tidak bagi bayaran kepada sesiapa, tidak ada ganti rugi kepada sesiapa. Ganti rugi yang telah diberi kepada TNB oleh syarikat konsesi itu untuk memindahkan *high tension cable* yang sedia ada. Untuk memindahkan *high tension cable*.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Nantilah, dengarlah. Saya sabar sahaja dengar kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh dengarkah? *[Ketawa]* Bolehlah sedikit. Boleh ya?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Baguslah. Jadi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu tidak betul. Itu sahaja saya mahu cakap. Tanah ini sudah direserve untuk *high tension cable* dahulu dan jajaran itu digunakan oleh syarikat ini, kerajaan bersetuju. Kita meminda dan juga menukar *high tension cable* yang sedia ada dan jalan akan diikuti dengan *reserve* yang sama dengan *high tension cable* juga dengan jalan yang kita akan rancang.

Mula-mulanya rancangan itu untuk merobohkan banyak rumah tetapi saya telah mengadakan perbincangan dengan tiap-tiap rumah, panggil dia mesyuarat, dalam mesyuarat saya minta kita boleh juga menjalankan jajaran ini tanpa apa-apa gangguan kepada mana-mana rumah. Sekian. Sekarang sudah selesai, tidak ada masalah. Mana ada rumah orang beli atau orang tidak beli? Orang gila mana kata ini? Ini betul-betul, siapa bagi maklumat ini kepada Yang Berhormat, itu satu orang gilalah. Seorang...

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak, dengar, dengar, dengar. Ya.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ini saya sudah kata tadi. Kalau sesiapa juga yang ada maklumat, pergilah kepada BPR. Siasatlah! Saya tidak takut kena siasat punya. Dahulu pun orang lapor-lapor, apa jadi? Itulah! *[Ketawa]*

3. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah usaha yang telah dijalankan untuk memulihkan projek usaha sama Plaza Rakyat yang sudah lama terbengkalai dan menyebabkan ramai pembelinya tertekan dan menghadapi kesusahan dan mengapakah Dewan Bandar raya Kuala Lumpur (DBKL) tidak mengambil tindakan menyelesaikannya sedangkan projek ini adalah usaha sama DBKL.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Zulhasnan bin Rafique]:

Bismillahir rahmanir rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk menjawab bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat

bagi Bukit Bintang, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Jawatankuasa Pemandu Kajian dan ahli-ahlinya terdiri daripada Unit Perancang Ekonomi, JPM, Kementerian Kewangan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Peguam Negara, DBKL dan Bank Negara sentiasa memantau isu projek-projek terbengkalai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur termasuk kelewatan untuk menyiapkan projek usaha sama di antara Plaza Rakyat Sdn. Bhd. (PRSB) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Kementerian juga amat prihatin terhadap tekanan dan kesusahan yang dihadapi oleh para pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, Projek Plaza Rakyat, Jalan Pudu terletak di bawah status projek-projek terbengkalai yang telah diaktifkan semula. Mengambil kira masalah yang dihadapi oleh PRSB seperti krisis ekonomi, pentingnya memelihara imej DBKL dan kepentingan pembeli-pembeli sendiri, kerajaan telah bersetuju melanjutkan kontrak supaya PRSB menyiapkan projek tersebut sehingga 31 Mei 2007.

Dalam tempoh tersebut, beberapa langkah telah diambil oleh pihak DBKL seperti berikut:

- (i) PRSB telah diminta untuk menyediakan dan mengemukakan jadual kerja sehingga 31 Mei 2007 dalam usaha untuk memastikan kerja-kerja dilaksanakan mengikut jadual. Jadual tersebut telah dikemukakan kepada pihak DBKL;
- (ii) DBKL telah menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi memantau dan mengetahui semasa projek tersebut. DBKL juga telah mengatur, mengadakan lawatan dan mesyuarat tapak pada setiap bulan bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual;
- (iii) melalui laporan yang dikemukakan oleh pihak DBKL, projek tersebut telah menunjukkan kemajuan dalam pelantikan kontraktor-kontraktor tersebut dalam pelaksanaan kerja-kerja pembinaan dan mendapati jentera-jentera mesin juga telah diletakkan dan beroperasi di tapak pembinaan.

Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Projek Plaza Rakyat telah terbengkalai selama lapan tahun. Tapak pembinaan pun sudah jadi sarang nyamuk dan *eyesore* di Bandar Raya Kuala Lumpur. Para

pembelinya kini dikejar oleh institusi kewangan atau bank untuk menuntut hutangnya. Soalan saya ialah apakah punca sebenarnya kelewatan ini berlaku dan adakah pihak DBKL sebagai pemilik tanah memikul tanggungjawab sosial untuk mengambil alih projek ini bahawa ia dapat menguruskan dan menyempurnakan projek ini.

Saya difahamkan bahawa ada dua surat perjanjian usaha sama ditandatangani oleh kedua-dua pihak iaitu pihak Plaza Rakyat Sdn. Bhd., anak syarikat Wembley Industries Holding, sebuah syarikat di bursa saham dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur pada tahun 1992 dan 1993, dua perjanjian. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun Yang Berhormat Menteri tidak datang untuk menjawab saya, adakah pampasan yang diberi kepada para pembeli bahawa mereka rugi dengan satu angka yang sangat besar dalam tempoh 8 tahun ini, mereka kini dikejar oleh bank untuk menuntut wang yang dipinjam oleh mereka. Sekian, terima kasih.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, projek ini adalah satu projek usaha sama di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan pemaju iaitu Tetuan Plaza Rakyat Sdn. Bhd. (PRSB). Pada mula tahun 1992, pada masa itu PRSB dipunyai oleh syarikat lain dan sekarang ini Ekran telah mengambil alih Wembley Industries Holding pada tahun 1995.

So, dengan itu telah pun terlibat dalam projek untuk membangunkan plaza rakyat. Dengan apa yang saya sebutkan tadi, fakta-fakta krisis ekonomi yang telah berlaku, projek ini telah terbengkalai dan projek ini diletakkan balik, seperti saya sebutkan tadi dalam projek-projek yang telah diaktifkan. Dengan itu perjanjian-perjanjian tambahan telah pun diadakan di antara DBKL dan plaza rakyat, di antaranya ialah pemaju membuat permohonan supaya dapat dilanjutkan masanya dan kerajaan pun telah bersetuju untuk melanjutkan kepada Mei 2007.

Dari segi pembeli, ada 211 pembeli, sepatutnya siap Disember 2002, tetapi DBKL tidak menerima sebarang tindakan undang-undang daripada pihak pembeli dan mengikut perjanjian jual beli yang telah ditandatangani, pembeli-pembeli akan diberi pampasan kerugian sewajarnya di atas kelewatan projek tersebut oleh pihak pemaju.

Dari segi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur - status projek ini, untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, fasa 1 di dalam proses pembangunan. Fasa 1 itu termasuk blok podium 12 tingkat, terminal bas, teksi, pusat penjaja, ruang tempat letak

kereta, stesen LRT yang sudah pun siap pada tahun 1996, dan sedang beroperasi. Saya sendiri telah melawat tapak plaza rakyat ini pada minggu lepas, saya dapati tahap-tahap pembangunan dan kontraktor-kontraktor yang berkenaan telah pun masuk tapak dan pembinaan sedang dilanjutkan. Terima kasih.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, ramai pembeli, mereka melabur dalam projek pembangunan sama ada rumah ataupun plaza rakyat, seperti yang dikatakan tadi adalah kerana mereka mempunyai keyakinan terhadap agensi kerajaan yang menjadi pihak pemaju. Tetapi kita lihat ada banyak projek yang usaha sama di antara agensi kerajaan dan pihak swasta telah pun gagal dan menyebabkan ramai orang rugi dari segi pelaburannya.

Dalam jawapan yang diberi oleh kementerian pada tahun lepas, apabila saya tanya, berapa rumah pangsa di Kuala Lumpur yang mana pihak pemaju tidak memohon *strata title*? Jawapan yang saya terima adalah 21. *[Disampuk]* Soalan saya ialah, kenapakah projek perumahan yang diusahakan oleh DBKL dan juga pihak swasta, yang mana sudah lama mereka tidak pergi memohon *strata title*? Bukankah ini telah pun melanggar undang-undang dan saya juga merasa hairan, kenapakah pejabat tanah kita tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap DBKL?

Saya hendak tanya, macam manakah pihak DBKL menyelesaikan masalah ini, di mana flat, rumah pangsa yang dibina oleh mereka tidak ada membuat permohonan untuk *strata title*? Saya hendak minta jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kami juga sangat berminat untuk tahu, siapakah yang akan dilantik menjadi Menteri Wilayah Persekutuan? *[Disorak]* Diharap jawapan akan diberi. Terima kasih.

[Dewan gamat]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh tidak payah jawab, ya.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa soalan yang telah ditujukan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh. Dari segi rumah-rumah pangsa, soalan rumah pangsa dan soalan Menteri itu telah keluar dari soalan asal dan

saya tidak akan jawab. Dari segi projek plaza rakyat ini, saya pun telah terangkan tadi perjanjian tambahan telah ditandatangani di antara plaza rakyat dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Oleh sebab itu bukti-bukti telah pun dikemukakan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dan dengan itu kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan masa untuk menyiapkan projek ini. Dengan itu, pada pendapat kementerian tidak ada masalah-masalah yang tertentu melainkan daripada 211 orang pembeli tadi. Saya pun telah menjelaskan status 211 pembeli tadi. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak jawab. Dia tidak jawab soalan saya. Saya bukan tanya tentang plaza rakyat. Saya tanya tentang projek perumahan di antara DBKL dan juga pihak swasta. Macam mana DBKL menyelesaikan perkara ini? *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jawab. *[Disampuk]*

4. **Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan langkah kawalan keselamatan bagi membendung kejadian ragut, penipuan dan penculikan yang kerap berlaku sekarang.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia sentiasa mengambil berat dan memberi tumpuan yang khusus dalam memerangi kejadian ragut. Di antara pendekatan yang diguna pakai bagi mencegah dan menangkap penjenayah ragut adalah seperti berikut:

- (a) mengadakan lebih banyak rondaan (MPV) kereta peronda dan anggota bit di kawasan yang menjadi tempat tumpuan orang ramai dan pelancong asing serta kawasan yang telah dikenal pasti kerapnya berlaku kes ragut;
- (b) mengaturkan pasukan khas, *forward operation*, untuk membuat serbuan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti menjadi tempat penjenayah, menjalankan jenayah atau berkumpul;
- (c) mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran kepada orang ramai dalam usaha mencegah kes-kes ragut;
- (d) bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk menambahkan pemasangan papan tanda dan juga CCTV di kawasan yang menjadi tumpuan pelancong dan orang ramai;

- (e) menjalankan operasi risikan bagi mengenal pasti penjenayah-penjenayah yang terlibat dalam kes ragut;
- (f) melancarkan Program Rakan Cop di seluruh negara bagi mencegah jenayah;
- (g) melancarkan *Ops Python* sejak 19 Jun 2004 yang bertujuan untuk menangani kes-kes ragut secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mengawal serta membendung kejadian penipuan dan pencolekan, PDRM juga telah mengambil langkah-langkah seperti yang berikut:

- (a) menjalankan siasatan, tangkapan dan pendakwaan bagi kes-kes yang dilaporkan;
- (b) menjalankan operasi risikan dari masa ke semasa;
- (c) membuat analisis terhadap trend jenayah, penipuan dan pencolekan serta *modus operandi* bagi merancang tindakan susulan;
- (d) membuat hebahan melalui media massa dan laman web PDRM bagi mengesan penjenayah-penjenayah yang disyaki; dan akhirnya
- (e) menggalakkan orang ramai agar turut terlibat dalam membanteras jenayah dan memberi maklumat melalui Program Rakan Cop.

Sekian, terima kasih.

Tuan Henry Sum Agong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Timbalan Menteri. Masalah ragut dan lain-lain yang berleluasa sekarang menakutkan ramai orang. Golongan yang tidak ketinggalan menjadi mangsa ragut ialah pelajar-pelajar sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam satu kejadian tidak lama dahulu, pelajar-pelajar di kawasan saya, seramai tiga orang telah diugut oleh satu kumpulan sehingga mereka dipaksa mengeluarkan wang simpanan mereka dari bank. Begitu juga berlaku kejadian di Lapangan Terbang KLIA di mana satu ketika beg kawan saya dari Miri, Sarawak telah diambil tanpa pengetahuan beliau dalam sekelip masa suruhanjaya.

Soalan tambahan saya, adakah *Close Circuit TV* yang *diinstall*, dengan izin, di tempat-tempat tertentu beroperasi sepanjang masa sehingga mereka yang melakukan jenayah seperti ini tidak dapat dikesan dan di bawa ke mahkamah. Sekian, terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan dan menerangkan di sini, bahawa kes-kes jenayah pada keseluruhannya adalah dengan trend penurunan, khasnya untuk kes ragut, di mana kalau berbanding dengan jangka masa 8 bulan, iaitu Januari hingga Ogos, penurunan adalah sebanyak 26.3%. Jika dibandingkan dengan tahun yang lalu pun boleh dikatakan ada trend penurunan, di mana pada tahun 2003 lebih kurang atau lingkungan 15,000. Dalam tahun dahulu ialah lebih kurang 11,000. Sehingga Ogos tahun ini ialah dalam lingkungan 6,000 sahaja.

Jadi, saya ingin menegaskan bahawa trend sebenarnya adalah menurun. Tetapi CCTV yang dipasang itu, ada kesan untuk mengurangkan kes-kes ragut di banyak tempat, khasnya di Kuala Lumpur, di mana sejumlah 900 lebih kes adalah turun kalau berbanding dengan tahun lalu. Ini merupakan 44% penurunan daripada statistik. Dan, CCTV perlu ada ujian dan *test* supaya ia boleh dipakai dan boleh digunakan sebagai bukti. Jadi kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan sentiasa menjalankan ujian untuk memastikan CCTV boleh digunakan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan dan menerangkan di sini bahawa kes-kes jenayah pada keseluruhannya adalah dengan trend penurunan dan khasnya untuk kes ragut di mana kalau dibandingkan jangka masa lapan bulan iaitu Januari hingga Ogos itu adalah penurunan sebanyak 26.3% dan jika dibandingkan dengan tahun yang lalu pun boleh dikatakan adalah trend penurunan di mana pada tahun 2003 lebih kurang dalam lingkungan 15,000, dalam tahun yang terdahulu adalah 11,000 lebih kurang dan sehingga Ogos tahun ini dalam lingkungan 6,000 sahaja.

Saya ingin menegaskan bahawa trend sebenarnya menurun. Tetapi CCTV yang dipasang itu ada kesan untuk mengurangkan kes-kes ragut di banyak tempat khasnya di Kuala Lumpur di mana kes sejumlah 900 lebih kes turun berbanding dengan masa yang lalu. Ini merupakan 44% penurunan dari statistik. CCTV perlu ada ujian dan *test* supaya boleh dipakai dan kalau ada apa-apa bukti boleh digunakan. Kerajaan dengan pihak-pihak yang berkenaan sentiasa menjalankan ujian untuk memastikan CCTV di situ boleh digunakan.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa proses pemulihan ini adalah penting. Proses pemulihan akhlak di dalam penjara kerana jika hanya sekadar mengurung orang-orang

ini dan apabila mereka disabitkan bersalah tanpa pemulihan akhlak itu, saya apabila mereka dikeluarkan daripada penjara pada suatu hari nanti mereka akan berkecimpung lagi dalam perbuatan jenayah yang sama. Saya ingin tahu daripada pihak kementerian sehingga hari ini apakah program-program pemulihan yang dijalankan di dalam penjara?

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, program-program pemulihan yang dijalankan oleh Jabatan Penjara Malaysia adalah terbahagi kepada empat fasal:

- (i) memupuk disiplin di kalangan banduan;
- (ii) memupuk semangat dan memberi latihan dari segi modul-modul supaya mereka dapat menerima balik ke masyarakat;
- (iii) memberi latihan supaya mereka apabila keluar dapat mencari kerja; dan akhirnya
- (iv) fasal pra bebas di mana mereka boleh diberi peluang untuk bekerja di luar atau mana-mana tempat.

Sekian, terima kasih.

5. **Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]** minta Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi menyatakan senarai kontraktor Kelas A, B dan C yang disenaraihitamkan dari melaksanakan projek-projek kerajaan. Apakah punca utama kontraktor berkenaan disenaraihitamkan oleh kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 15 September 2005, bilangan kontraktor yang disenaraihitamkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MBCD) daripada melaksanakan projek-projek kerajaan ialah 124 syarikat bagi semua kelas pendaftaran daripada 'A' hingga 'F'.

Daripada jumlah ini adalah:

- (i) 31 syarikat Kelas A;
- (ii) 8 syarikat Kelas B;
- (iii) 6 syarikat Kelas C;
- (iv) 19 syarikat kelas D;
- (v) 6 syarikat Kelas E; dan
- (vi) 54 syarikat kelas F.

Bagi Kelas A, B dan C, sebanyak 45 syarikat dan senarai adalah seperti berikut:

Kelas A:

- AD Development Sdn. Bhd.
- Build Worth Malaysia Sdn. Bhd.
- Ghani bin Ahmad;
- DPMJ Sdn. Bhd.;
- DPP Sdn. Bhd.;
- Juara Prestasi Sdn. Bhd.;
- Juara KD Construction Malaysia Sdn. Bhd.;
- KB Realty Sdn. Bhd.
- Kemuning Resources Sdn. Bhd.;
- Landable Consortium Sendirian Berhad;
- Mystral Resourcer Sdn. Bhd.;
- Masmirin Corporation Sdn. Bhd.;
- Merpati Indah Construction Sdn. Bhd.;
- Merajadi Services Sdn. Bhd.;
- Paksi Alam Resources Sdn. Bhd.
- Maksimas Sdn. Bhd.Sdn.:
- Pembinaan Din Ibrahim Sdn. Bhd.;
- Salaksi Corporation Sdn. Bhd.:
- Sanglaiman Sdn. Bhd.;
- Seri Selasih Sdn. Bhd.;
- Shafie Ahmad Sdn. Bhd.;
- Tindak Cemerlang Sdn. Bhd.;
- UCH Properties Sdn. Bhd.;
- Usra Bina Sdn. Bhd.;
- Wadi Bina Malaysia Sdn. Bhd.; dan
- Waja Destinasi Sdn. Bhd.

Kelas B

- Aliran Wibawa Sdn. Bhd.;

- ASEAN Sectors Sdn. Bhd.;
- Jitu Trading & Construction;
- Muhamad & Muhamad Construction Sdn. Bhd.;
- Menoris Sdn. Bhd.;
- Roslan Ramli Sdn. Bhd.;
- Tegas Wira Sdn. Bhd.; dan
- Teraju Mercu Construction & Engineering Sdn. Bhd..

Kelas C

- Amir Dinar Sdn. Bhd.;
- Echo Elete Sdn. Bhd.;
- Lotri Construction;
- Sri Bara Sdn. Bhd.; dan
- Syarikat Sulaiman Mohamad Sdn. Bhd.;

Antara punca utama kontraktor berkenaan disenaraihitamkan oleh kementerian adalah:

- (i) kegagalan menyiapkan kerja;
- (ii) kerja yang dijalankan tidak sempurna atau tidak mencapai mutu yang dikehendaki;
- (iii) kerja yang dijalankan lewat daripada jadual dan tidak mematuhi arahan atau peraturan didenda.

Terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Setiausaha Parlimen. Senarai tadi telah diberi dengan begitu panjang. Soalan tambahan saya ialah apakah kementerian sedar bahawa ada syarikat-syarikat Kelas 'A' ini sebenarnya hanya ada pada nama walaupun syaratnya menyatakan bahawa ia memerlukan ada engineer, ada jurutera sendiri, tetapi ada setengah syarikat Kelas 'A' ini yang menggunakan nama jurutera tetapi bekerja di tempat lain, dipinjamkan sahaja kepada syarikat tersebut. Kemudian syarikat-syarikat ini hendak dikatakan syarikat palsu, *on paper* ia adalah betul. Kemudian dia dapat projek dan itulah sebenarnya menyebabkan mereka gagal untuk melaksanakan projek.

Kemudian apabila disenaraihitamkan, soalan tambahan yang kedua, apakah kerajaan mengambil tindakan, ada juga orang ramai yang telah disenaraihitamkan

tetapi kemudian dia daftar atas nama syarikat lain. Kemudian dia pula diberi projek. Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh, kedua-dua soalan ini ada berkaitan. Kementerian sebenarnya tidak mempunyai kuasa untuk melantik kontraktor. Sebaliknya pelantikan kontraktor-kontraktor, sebaliknya pelantikan kontraktor-kontraktor pelaksana adalah dibuat terus oleh agensi-agensi pelaksanaan yang berkenaan. Kementerian tidak dapat mengadakan jawapan berkaitan dengan kontraktor-kontraktor yang dapat disenaraihitamkan membuat permohonan syarikat lain dapat bekerja oleh kerana itu adalah bidang agensi yang berkenaan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Pendaftaran di bawah PKK. PKK di bawah kementerian.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kelas A dikatakan alhamdulillah Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara yang amat saya minati Tuan Yang di-Pertua. Tiap-tiap kali bercakap di Dewan, saya cerita Kelas 'F' khususnya, banyak Kelas 'F' ini mendapat masalah oleh kerana *main* kontraktor dapat daripada kerajaan tidak bayar. Bila tidak bayar dia tidak buat. Bila yang dapat salah nanti ialah Kelas 'F'. Tetapi bila Kelas 'F' dapat *allocate* kerja, pelan tidak cukup, penyelidikan oleh konsultan tidak buat betul-betul – salah. Saya boleh buktikan ini. Saya boleh buktikan kesalahan konsultan ini tetapi yang disalahkan ialah Kelas 'F'. Apakah pemantauan kementerian supaya jangan Kelas 'F' ini orang kampung yang tidak tahu hujung pangkal ini dianiaya oleh pihak-pihak bijak pandai ini pula. Kementerian tidak membuat pemantauan macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada jawab boleh jawab [*Dewan riuh*].

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan tadi, PKK atau Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi hanya tugasnya mendaftar syarikat-syarikat Kelas 'A' sampailah ke Kelas 'F'. Mengenai kerja pelaksanaan itu dapat kerja atau tidak dan begitu juga berkenaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong adalah tidak termasuk di dalam tugas atau hubungan yang dimaksudkan.

Walau bagaimanapun kita menyedari dari segi kemampuan keupayaan lesen-lesen yang disebutkan, maka kita akan membatalkan, memberi amaran, menggantung dan sebagainya tindakan-tindakan yang dikenakan sekiranya mereka telah melanggar

perkara-perkara yang dinyatakan lebih awal. Untuk yang sedemikian, maka kementerian sentiasa memantau dari segi pelaksanaan kerja ini, ertinya dari segi Lesen F ini dari segi peruntukan kursus dan sebagainya.

Begitu juga dengan pembaharuan-pembaharuan yang diberikan, sekiranya mereka layak dan tiada rekod menyalahi apa-apa yang telah dinyatakan, maka mereka terus akan diperbaharui lesen. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Santubong kita akan ambil perhatian. Terima kasih.

6. **Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan:-

- (a) langkah kerajaan dalam menyediakan keadaan yang kondusif ke arah menggalakkan syarikat bumiputera tempatan turut serta menerokai bidang Bio-teknologi; dan
- (b) usaha Kerajaan dalam mempromosikan sains dan teknologi di kalangan masyarakat luar bandar khususnya daerah Kinabatangan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Di bawah Dasar Bioteknologi Negara, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai pelan tindakan untuk membangunkan usahawan tempatan dalam bidang bioteknologi.

Di antara pelan tindakan yang digariskan di bawah dasar ini termasuklah melaksanakan program kebangsaan bagi pembangunan usahawan bioteknologi. Program yang akan dilaksanakan secara bersama di antara Perbadanan Pembangunan Bioteknologi dan Kementerian Pembangunan Usahawan ini bertujuan untuk membangunkan bio-usahawan dalam bidang tumpuan dan menyediakan kemudahan bagi pembangunan industri kecil dan sederhana dan menggunakan teknologi bagi membangunkan bidang-bidang yang mempunyai potensi. Walaupun pelan tindakan ini tidak secara spesifik ditujukan kepada usahawan bumiputera, perhatian khusus akan diberikan kepada usahawan bumiputera dalam melaksanakan pelan tindakan ini.

Sekarang ini MOSTI sedang mengenal pasti SME, bumiputera yang ingin diberikan bantuan sama ada dalam bentuk geran ataupun dalam bentuk teknologi.

MOSTI juga sebenarnya telah diperuntukkan modal teroka (*venture capital*) sebanyak RM100 juta pada tahun 2006 akan datang untuk program sains hayat (*life science*). Peruntukan ini boleh dipohon melalui Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi juga melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa mengambil usaha untuk memperkenalkan dan mendedahkan ilmu sains teknologi terhadap masyarakat bandar dan luar bandar. Usaha-usaha yang dijalankan adalah secara menyeluruh dan meliputi para pelajar sekolah dan masyarakat awam. Di peringkat Persekutuan aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah meliputi kedua-dua iaitu masyarakat bandar dan juga luar bandar. Antara programnya ialah:

- i) menerusi penerbitan sisipan *st dot my* bersama Utusan Malaysia;
- ii) Program *Future Aviators*;
- iii) Projek Inovasi Sains Kejuruteraan dan Reka Bentuk Sekolah Menengah dan MRSM;
- iv) Program *Mental Connection*;
- v) Program Sains Nasional;
- vi) Program berbentuk bantuan kewangan untuk penggalakan sains;
- vii) Program penggalakan sains teknologi di peringkat negeri;
- viii) Program Bulan Sains, Teknologi dan Inovasi Kebangsaan; dan
- ix) Pusat Sains Negara di desa.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pelbagai usaha mempromosi sains dan teknologi seperti mana disebutkan tadi telah diadakan di seluruh negara, namun berdasarkan rekod aktiviti promosi sains dan teknologi masih belum dilakukan di daerah Kinabatangan. Apa yang berlaku sebenarnya ialah bagi sasaran satu kawasan yang luas seperti di negara Sabah, biasanya jika program seumpama ini hendak diadakan di sesuatu daerah, maka daerah-daerah yang berdekatan juga adalah dijemput.

Justeru itu jika daerah Kinabatangan masih belum dikunjungi oleh agensi MOSTI untuk promosi SME, pihak MOSTI mencadangkan jika ada permintaan daripada kerajaan negeri ataupun wakil rakyat tempatan untuk mengadakan pameran SME, MOSTI akan memberikan pertimbangan. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat yang telah memberi penjelasan. Soalan tambahan, mengikut rekod yang saya ada, di seluruh dunia ini cuma ada 500 buah syarikat yang terlibat dalam industri bioteknologi secara berskala besar selebihnya adalah secara kecil-kecilan.

Saya melihat bahawa Kementerian khususnya, saya ambil contoh, kerajaan telah memutuskan bahawa sesuatu industri ini memang penting seperti industri asas tani yang kita nampak promosinya besar-besaran tiap-tiap bulan, tetapi impak daripada promosi itu tidak ada. Nyata bahawa petani kita masih miskin.

Jadi, kita meminta Kementerian ini lebih memfokuskan bilakah agaknya dalam tahun 2006 ini, berapa banyak usahawan bioteknologi yang telah kita kenal pasti dan diberi peruntukan ataupun bimbingan. Sebab terdapat banyak herba di kampung-kampung ataupun di luar bandar yang begitu bermutu tinggi seperti tongkat ali, kacip fatimah dan daun pegaga. Daun pegaga ini boleh menimbulkan rasa baik dalam rohani ataupun dalaman badan tetapi tidak dimanfaatkan.

Apakah Kementerian berhasrat benar untuk melihat - saya ingin tahun dalam tahun 2006, berapakah yang telah dikenal pasti dalam tahun 2005 ini, dan diberi pengiktirafan supaya kerajaan dapat memanfaatkan industri bioteknologi ini di negara kita untuk menambah sumber pendapatan ekonomi. Herba ini, kalau di negara China dan Taiwan terkenal dengan ginsengnya, walaupun ginseng tiruan dan sebagainya tetapi dapat diguna pakai oleh masyarakat walaupun tertipu. Di negara kita ini banyak yang asli tetapi tidak dimanfaatkan oleh Kementerian. Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Seperti yang telah saya nyatakan tadi, kita telah menubuhkan satu jawatankuasa yang mengadakan perbincangan dengan SME bumiputera dan bukan bumiputera untuk membantu meningkatkan lagi perniagaan mereka di dalam bidang-bidang yang berasaskan bioteknologi. Kalau kita tengok bidang-bidang yang berasaskan industri asas tani memang telah banyak sebenarnya. Itu pun merupakan sebahagian daripada bioteknologi dan Kementerian-kementerian lain juga sebenarnya pun sedang berusaha untuk memberikan peluang kepada SME bumiputera untuk *upgrade*kan perniagaan dan sebagainya.

Bagi Kementerian Sains kita sedang mengenal pasti dan bilangannya belumlah kita boleh putuskan, walau bagaimanapun kita ada geran yang seperti saya nyatakan

tadi RM100 juta untuk tahun 2006 untuk memandu usahawan-usahawan bioteknologi ini. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Daripada jawapan yang telah diberikan mengenai Dasar Bioteknologi Negara, memang saya difahamkan ada banyak agensi di bawah MOSTI ini akan membantu dasar bioteknologi negara. Tetapi saya hendak bertanya ialah mengenai di dalam bidang bioteknologi. Kita tahu bahawa di dalam bidang bioteknologi ini terdapat banyak bahagian, *bio-medicine*, bio-farmasi dan juga yang telah di*highlight* oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan iaitu bio-herba dan sebagainya.

Adakah kementerian bercadang untuk kita hanya memfokuskan kepada beberapa jenis bioteknologi di mana negara kita mempunyai daya saing yang tertentu? Saya tidak hendak nanti pada tahun-tahun yang akan datang, selepas tiga empat tahun kementerian gagal untuk melaksanakan dasar ini dan kita akan gagal di pertengahan jalan. Itu soalan yang pertama. Yang kedua mengenai sumber manusia atau *human resources* yang di bawah MOSTI, adakah kementerian setakat ini mempunyai pakar yang *expert* yang tertentu untuk melaksanakan dasar bio-teknologi di negara kita. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Untuk soalan yang pertama kita sebenarnya yang kita betul-betul sedang memfokuskan dalam bidang bioteknologi ini adalah dua, iaitu bioteknologi berdasarkan farmasi dan juga kesihatan dan satu lagi adalah bioteknologi yang berasaskan *agriculture* ataupun pertanian.

Untuk permohonan sumber manusia, kalau hendak dikatakan kita mempunyai kecukupan daripada sumber manusia, saya ingat itu merupakan jawapan yang tidak tepat. Sumber manusia boleh dikatakan bila-bila pun tidak cukup seperti yang kita harapkan tetapi berdasarkan kepakaran yang kita ada daripada universiti-universiti tempatan seperti UKM, UPM, MARDI, USM, UTM, mereka sebenarnya boleh menjadi *core* atau *human resource* yang menjadi teras kepada pembangunan bioteknologi ini dan kita juga menyediakan *fellow-ship* untuk mereka yang ada *Master* atau *Ph.D* untuk membuat pengajian *Post-Doctorates* di seberang laut supaya meningkatkan kepakaran mereka itu.

Selain itu, kita juga ada *grant* iaitu *grant* untuk mereka membuat *Master* dan *Ph.D* di universiti-universiti tempatan. Yang ini kita agihkan bukan sahaja daripada saintis-saintis yang berada di agensi-agensi kerajaan tetapi terbuka juga kepada mereka yang bekerja di pihak swasta. Terima kasih.

7. **Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Perpaduan Negara dalam usaha mengeratkan perpaduan di antara masyarakat di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]:
Tuan Yang di-Pertua untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sentiasa merancang dan merangka strategi serta melaksana akan beberapa program di dalam usaha mengeratkan perpaduan di antara masyarakat kita di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Pada ketika ini Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sedang mengkaji beberapa program baru yang akan dilaksanakan dan antaranya ialah :

- (i) memudahkan perjalanan antara ke tiga-tiga wilayah dengan memperkenalkan penggunaan *MyKad* sebagai dokumen perjalanan. Cadangan ini telah pun dipersetujui oleh kedua-dua kerajaan negeri Sabah dan Sarawak dan sudah pun dalam proses pelaksanaan di semua *entry* dan *exit point* dengan izin, semenjak bulan Julai yang lalu secara berperingkat;
- (ii) menggalakkan penyertaan lebih ramai warganegara Sabah dan Sarawak dalam sektor perkhidmatan awam, badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan. Kerajaan berharap pihak swasta juga akan menyedari tanggung jawab mereka dalam memainkan peranan yang positif bagi menunaikan perkara ini;
- (iii) Jabatan juga telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak MAS dan Air Asia ke arah untuk menetapkan suatu tambang penerbangan dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya dapat dimampui oleh sebahagian besar lapisan besar masyarakat;

- (iv) perkhidmatan feri antara Semenanjung ke Sabah dan Sarawak yang telah diadakan pada satu ketika dahulu dan dihentikan, kini dalam proses dikaji semula untuk dilaksanakan;
- (v) Jabatan juga dengan kerjasama agensi-agensi lain akan memperbanyakkan program pertukaran pelajar di antara ketiga-tiga wilayah. Program-program tersebut yang bakal akan dilaksanakan merupakan tambahan kepada aktiviti-aktiviti di jabatan yang sedia ada. Program-program tersebut adalah termasuk lawatan-lawatan integrasi sempena hari-hari perayaan nasional khasnya perayaan Kemerdekaan, perayaan Perasmian Persidangan Parlimen, perayaan Hari Keputeraan SPB Yang di Pertuan Agong dan majlis-majlis Rumah Terbuka Nasional serta kursus-kursus Orientasi Pegawai-Pegawai Persekutuan yang bertugas di Sabah dan Sarawak serta mereka yang bertugas di Semenanjung, program Latihan Khidmat Negara, Pejabat Perpaduan dan lain-lain.

Aktiviti-aktiviti ini juga akan diperluaskan agar dapat mempertingkatkan lagi interaksi dan perhubungan antara warga negara ketiga-tiga wilayah tersebut. Kerajaan berharap usaha-usaha ini akan memperkukuhkan serta memantapkan lagi perpaduan di antara masyarakat kita di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Satu artikel yang ditulis oleh Pengarang Johan Jaafar bertajuk '*Sabah's way is celebration of deferent*' membayangkan keseluruhan konteks perpaduan yang wujud di Sabah yang bukan sahaja *inter* kaum tetapi dalam satu kaum itu sendiri, ada *inter religious* ada persefahaman yang begitu rapi dari segi bangsa dan juga agama yang harus ditonjol oleh Jabatan Perpaduan Negara untuk satu konsep perpaduan yang matang sekali untuk negara kita.

Saya ingin tahu, apakah rancangan kementerian untuk menunjukkan ini kepada masyarakat Malaysia terutama yang berada di Semenanjung terhadap konsep perpaduan yang begitu mesra dan rapat di kalangan masyarakat yang berada di Sabah dan juga di Sarawak. Program menghantar penduduk-penduduk daripada Sabah dan Sarawak, melawat Semenanjung merupakan program yang sesuai tetapi

Tuan Yang di-Pertua ianya cuma melibatkan sebahagian kecil daripada aspek perpaduan. Saya melihat aspek perpaduan ini besar dan lebih banyak boleh dipelajari jika kita menghantar penduduk dari Semenanjung ini untuk belajar konsep perpaduan yang wujud di Sabah dan juga di Sarawak. Apa jawapan Kementerian dalam perkara ini.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Beluran. Artikel tersebut adalah satu artikel yang begitu baik yang akhirnya memberi kesimpulan bahawa sebagai satu *show case* dalam satu perhubungan kaum dan integrasi. Datuk Johan Jaafar mengatakan bahawa model di Sabah dan sebahagian dan juga di Sarawak juga boleh disentuhi. Beliau menekankan khususnya peranan *inter religious* dan pergaulan yang rapat di antara pemilik-pemilik agama, penganut-penganut agama.

Pihak kita dalam perkara ini memberi penekanan supaya dokumentasi dibuat kepada kes-kes yang begitu berjaya dan menyebarkannya sebagai satu dokumen yang boleh diguna pakai sebagai pengetahuan serta dilaksanakan di daerah-daerah atau pun tempat-tempat lain. Tetapi pada asasnya interaksi kaum ini Tuan Yang di-Pertua adalah berasaskan kepada perhubungan rapat.

Masyarakat kita tidak dapat bergaul dengan secara peribadi, berinteraksi, maka itu satu halangan yang besar dan itulah perkara mengenai dengan memudahkan perjalanan, mengurangkan kos perjalanan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung itu kita beri tumpuan yang besar sebagai landasan melakukan interaksi yang lebih rapat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru dapat peluang untuk bercakap.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soal tentang hasrat murni kerajaan untuk merealisasikan pengeratan perpaduan antara tiga kawasan iaitu Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Saya terdengar senarai yang telah dibaca oleh Menteri tentang program-program yang akan diusahakan oleh kementerian tersebut. Satu perkara yang teringat saya sebab, Ahli-ahli Parlimen ini yang dari Semenanjung yang sedang menggubal dasar kerajaan, yang sedang menggubal undang-undang kerajaan, seharusnya diberi peluang untuk melawat di pelosok-pelosok daerah Sabah dan Sarawak untuk membuat satu gambaran bagaimana kedudukan rakyat di Sabah dan

Sarawak supaya Ahli-ahli Parlimen dari Semenanjung memahami di dua-dua tempat tersebut.

Soalan saya, adakah kementerian bersedia untuk memberi satu peruntukan khas bagi Ahli-ahli Parlimen dari Semenanjung untuk melawat tempat-tempat di Sabah dan Sarawak di pelosok-pelosok daerah terutama sekali tempat-tempat orang yang miskin. Sekian.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Petua, itu adalah satu cadangan yang baik sekali dan sebenarnya pihak kerajaan telah pun mula melaksanakan program-program seperti itu, seperti perayaan hari Gawai dan Pesta Keamatan. Jika Ahli-ahli Parlimen dijemput itu, boleh hadir secara rasmi sebenarnya boleh *claim* daripada Parlimen dan walau pun bujet kita di sini pun terhad juga.

Jadi dalam perkara ini, satu cadangan yang baik nanti pihak saya akan berbincang dengan pihak jabatan di Jabatan Perdana Menteri mencari jalan apa lagi yang boleh dibuat membolehkan ahli-ahli parlimen kita mengunjungi serta memerhatikan secara peribadi keadaan ekonomi di peringkat akar umbi di negeri Sabah dan Sarawak dan *vice versa*, dengan izin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akhiri sesi soalan jawab ini dan sambung dengan ucapan.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada tiga puluh lima bilion lima ratus dua juta empat puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM35,502,044,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2006, yang dibentangkan sebagai kertas Perintah 21 Tahun 2005, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempit dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disah.” **[6 Oktober 2005]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat bagi Bintulu untuk menyambung ucapan.

11.11 pagi

Dato’ Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya mahu mengucap selamat datang kehadiran rombongan guru-guru dari Kemaman dan Ahli-ahli Rakan Muda daripada Ayer Hitam, Johor. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya beri saya punya pandangan kepada Yang Berhormat bagi Kudat, pada masa itu kita di negara hendak memasuki di dalam World Trade Organization (WTO) ataupun globalisasi memerlukan bank-bank yang boleh bersaing dengan baik bank-bank antarabangsa dan mempertahankan ekonomi negara kita selepas penggabungan. Tetapi hari ini rakyat dan ahli perniagaan ada berkata selepas penggabungan bank nampaknya bukan untuk bersaing dengan bank-bank antarabangsa tetapi memainkan peranan untuk memonopoli ekonomi negara sahaja.

Mungkin terlepas pandangan pada masa itu. Sepatutnya kita mestilah ada menimbang satu polisi dan mengarahkan semua bank-bank yang kita ada supaya menambahkan modal dengan jumlah tertentu barulah boleh dikategorikan sebagai 'dewan'.

Apa gunanya mana-mana bank mampu membeli bank yang lain atas premium sedangkan premium ini sepatutnya ditambah sebagai modal juga. Jika mana-mana bank yang tidak boleh menambahkan modal kita mesti boleh kategorikan sebagai K2 atau K3 dan boleh perniagaan tertentu. Kalau dahulu kita ada banyak bank sebelum bergabung lebih kurang 60 bank tentulah kita mempunyai 60 CEO, ini akan membantu ekonomi kita semasa kegawatan ekonomi. Tentulah mungkin ada di antara 510 CEO di bank-bank yang kecil yang mempunyai pemikiran terbuka di dalam bidang perniagaan dan sanggup turun padang untuk memahami perniagaan dan membantu ahli perniagaan di dalam masa kegawatan ekonomi pada masa itu serta boleh juga membantu negara *who have growth faster*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambungkan saya punya ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Seri Tiong King Sing: Tadi saya ada menyentuh mengenai isu Maybank mengeluarkan dan menggunakan *cheque deposit machine* supaya yang ingin menggunakan selari kontra dikenakan caj sebanyak RM10. Kalau negara kita mempunyai pekerja sebanyak 5 juta menggunakan sistem ini, maka tentulah bank akan dapat untung berjuta sebanyak RM50 juta sebulan dan RM600 juta setahun. Tetapi Maybank menasihatkan kepada pelanggan supaya menggunakan *automate payment system* tetapi juga kena caj sebanyak RM2 setiap akaun. Kalau ada RM5 juta tentulah dapat untung juta juga, RM10 juta sebulan dan RM125 juta setahun. Inilah yang menunjukkan satu ketidakadilan kepada ahli perniagaan. Sekarang bank-bank pun tidak suka pelanggan mengambil wang tunai di kaunter bank. Selalu mereka mengarahkan pelanggan menggunakan mesin ATM, kalau kita menggunakan caj penggunaan perkhidmatan *online* di bank dikenakan caj RM12 setahun dan bagaimana jika dapat 5 juta rakyat menggunakan *online* di bank setahun sudah tentulah bank untung RM60 juta setahun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Jasin, sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bintulu, saya tengok Tuan Yang di-Pertua dia banyak buat kajian tentang bank.

Seorang ahli: Ada bank sendiri.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dia ada bank sendiri, ya [*Ketawa*] Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat bagi Bintulu, sedar atau tidak kita pada hari ini bagaimana yang telah saya sebutkan dalam perbincangan berkenaan dengan bank bahawa bank-bank pada hari ini dia tidak fikir tentang pinjaman-pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil tetapi dia banyak tumpukan kepada pinjaman-pinjaman kereta, perumahan dan juga kredit kad. Tetapi akhir-akhirnya kita lihat bank di dalam *hire purchase agreement* yang dibuat antara pelanggan dengan bank apabila 3 bulan orang itu tidak dapat membayar, maka orang itu akan menyerahkan balik kereta kepada bank ataupun kalau bank hendak ambil tindakan kepada yang peminjam itu dia kena melalui mahkamah. Tetapi masalah yang berlaku pada hari ini kebanyakan bank menggunakan khidmat penarik-penarik kereta ini, yang menahan mereka yang meminjam dan yang tidak mampu hendak bayar di tengah jalan, pergi ke rumah orang dan paksa orang ini, dan tarik kereta itu.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat Bintulu yang membuat kajian kepada bank, adakah ini mengikut peraturan? Biasanya kalau mengikut daripada *hire purchase agreement*, maka ia hendak pergi ke mahkamah dahulu apabila mahkamah memutuskan untuk merampas kereta itu barulah dia ada boleh merampas kereta itu tetapi hari ini bank menggunakan penarik-penarik kereta yang bank beri kuasa kepada mereka dan mereka menahan orang-orang yang tidak mampu membayar di tengah jalan dan juga di rumah-rumah orang supaya memaksa kereta ini ditarik, apa pendapat Yang Berhormat?

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Memangnya sekarang banyak pinjaman-pinjaman ada beri maklumat kalau mereka mahu pinjam wang memangnya ada banyak syarat-syarat daripada bank tetapi syarat-syarat itu kadang-kadang macam mengeraskan kepada orang peminjam. Jadi memangnya itu ada satu polisi ataupun tindakan daripada bank menunjukkan tidak mesra rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat berkata bank sekarang paling proaktif dan efisien dalam satu perkhidmatan caj sahaja kalau begitu kenapa kita tidak bercadang terus

semua pintu di bank-bank dipasangkan mesin serupa lebuh raya Touch 'N' Go semua beri caj. Kalau tidak mungkin bank pun akan mengalami kerugian akibat penggunaan elektrik. Kementerian Kewangan terutama sekali Bank Negara ada sedar atau pun tidak sepatutnya dalam biaya sudah mencukupi membayar sebahagian kos pentadbiran operasi bank, kerana dalam biaya sudah ada lebih kurang 100 peratus atas kos tanah. Contohnya dalam deposit daripada rakyat iaitu hanya membayar faedah lebih kurang 3 peratus kepada pinjaman tetapi bank sudah bertambah sekarang menjadi kos. Bertambah sekarang sudah menjadi bank biaya 6.5 peratus.

Bila-bila bank-bank mahu memberi pinjaman wang kepada ahli perniagaan faedah akan menjadi BLR tumbuh lagi kemungkinan bertambah 1.5% ke 3% dan ini akan menjadi 8.5% atau 9.5%. Saya ingin bertanya ini tidak cukupkah untuk bank memberi perkhidmatan kepada pelanggan?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: [Bangun]

Dato' Seri Tiong King Sing: Sekejap. Rakyat kata sekarang bank-bank hisap darah rakyat dengan mengenakan caj-caj yang tidak tentu seperti memakai *licence loan shark*. Patutlah bank-bank ini sentiasa mendapat keuntungan berbilion ringgit setiap tahun. Apa guna kalau akhirnya orang perniagaan dan rakyat sudah habis dikenakan caj-caj dan terus masuk ICU. Pada masa itu apa keuntungan bank akan dapat, apakah bank akan mengalami kerugian jika tidak mengenakan caj-caj yang tersebut tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bintulu. Saya tertarik sekali dengan pandangan dan saranan Yang Berhormat terhadap gelagat bank-bank kita di dalam mengaut keuntungan dan kita tahu salah satu bentuk pinjaman yang paling menguntungkan bank ialah melalui kad kredit yang kita tahu mudah sekali mereka menawarkan kad kredit kepada sesiapa tanpa memenuhi syarat-syarat yang terlalu ketat seperti mana dahulu. Sekarang ini cukup mudah orang boleh memiliki sampai 7 atau 8 kad dan sebagainya. Puncanya menawarkan kad kredit ini ialah kerana kadar faedahnya tinggi dan sangat menguntungkan oleh pihak bank yang menawarkan ataupun yang membekalkan kad kredit.

Isu sekarang ini ialah orang memiliki kad kredit yang memberikan kemudahan dan dalam zaman sekarang ini orang seboleh-bolehnya tidak mahu menggunakan *cash* kerana *cash* ada faktor keselamatan dan sebagainya. Sekarang ini kita dengar tentang berlakunya kemelut antara pengusaha stesen minyak dengan bank-bank yang membekalkan kad kredit mengenai *surcharge* , siapa yang perlu bayar. Sekarang ini bank katakan kami *surcharge* mesti dikenakan kepada pengusaha dan pengusaha kata oleh kerana minyak akibat daripada kenaikan harga minyak adalah terlalu rendah dan sekarang ini bercakap tentang soal yang patut menanggungnya ialah *consumer* atau pun pengguna, kita semua lagi.

Ertinya dah lah kad kredit itu kadar faedahnya tinggi kita menggunakannya ada *surcharge* pula yang terpaksa kita bayar dan sekarang ini kemelut itu kita dengar berterusan dan berlarutan dan kemungkinan dikatakan bahawa tidak lama lagi tidak ada lagi penggunaan kad kredit di stesen minyak yang kita rasakan ini menyebabkan masyarakat kita dilihat ke belakang walaupun dikatakan “siapa suruh pakai,” ini pilihan pengguna dan sebagainya.

Tetapi akhirnya orang melihat negara kita ke belakang, seluruh dunia sekarang ini boleh *order* barang menggunakan kad kredit tetapi kemelut ini tidak dapat diselesaikan. Akhirnya hendak bayar minyak petrol di stesen minyak pun tidak boleh menggunakan kad kredit sekiranya kemelut ini tidak dapat diselesaikan. Saya minta pandangan Yang Berhormat Bintulu apa sepatutnya campur tangan yang patut diambil oleh pihak kerajaan sekarang dalam menyelesaikan soal kemelut antara pihak pengusaha minyak dan pembekal kad kredit ini? Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman. Memanglah seperti saya sudah sebut sekarang bank minat hanya mana tempat boleh untung dia buat, kalau mana tidak boleh untung ada *risk*, sikit punya *risk* dia pun tidak boleh ambil. Dia memang tetap seperti Yang Berhormat Sri Gading kata

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jasin bangun.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Bagi habis dahulu.

Dato' Seri Tiong King Sing: Dia mestilah lari cepat-cepat macam Sri Gading kata. Kita boleh nampak semua lain-lain negara juga mereka boleh ada kad kredit untuk stesen minyak. Saya hanya cuma kira RM300 juta katakan sebulan kita guna minyak, biasanya saya nampak 0.6% sahaja tetapi tidak boleh ada satu keputusan.

Kalau kita kata RM300 juta sebulan baru mungkin rugi RM1.8 juta sahaja tetapi bank-bank sudah caj berapa? Tak boleh bertimbang balik bersama-sama ke? Itulah saya kata ada bank ini memanglah kalau ada kerugian tidak boleh menanggung bersama-sama.

Jadi saya berharaplah kerajaan terutama sekali Kementerian Kewangan, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ataupun Bank Negara silalah ambil satu keputusan. Janganlah rakyat juga mangsa di atas perkara ini. Kenapa dahulu boleh tetapi sekarang tidak boleh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat Bintulu, ini menunjukkan seolah-olah hari ini Bank Negara tidak dapat mengawal bank-bank ini dan banyak perkara yang bank-bank buat seolah-olah Bank Negara tidak boleh menegur bank. Jadi siapa yang lebih berkuasa, Bank Negara terhadap bank-bank ataupun bank-bank terhadap Bank Negara? Kerana pada hari ini kita lihat banyak perkara yang dibuat oleh bank-bank yang dahulu tidak pernah buat, Bank Negara angguk sahaja. Yang Bank Negara suruh buat bank-bank tidak mahu angguk. Apa pendapat Yang Berhormat?

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Memanglah sekarang kita nampak semua kalau sikit-sikit kita kata demokrasi tetapi kita mesti mahu lihat kadang-kadang terlebih demokrasi itulah bank-bank ini memang jadi gila kuasa. Sama juga macam anak-anak kita di rumah, kalau ibu bapa sudah terlampau demokrasi bagi muka memanglah anak-anak itu akan jadi gila. Satu hari mestilah dia jadi ketua samseng di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Dato' Seri Tiong King Sing: Saya ada masa berapa lama lagi? Nanti masa habis, ini banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat hendak berhentikan ucapan pun boleh.

Dato' Seri Tiong King Sing: Ok, *last, last* bagi. [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bintulu. Saya sehaluan dengan Yang Berhormat daripada Jasin. Kadang-kadang kita merasa bertanya kepada yang berkuasa siapa sebenarnya yang menguasai institusi perbankan dalam negara kita, Bank Negara kah atau institusi bank

itu sendiri. Sebab terlalu banyak diimplementasikan oleh bank-bank dalam negara kita sehingga mengakibatkan kerugian kepada rakyat ataupun membebankan tetapi *service* nya tetap begitu. Kalau musim padat kadang-kadang waktu makan tengah hari dia punya *counter* satu sahaja yang buka. "Semua pergi makan" dia punya alasan makan. Jadi di mana, kalau dia memberi *service* yang baik, dia caj sana situ dan sebagainya itu tidak apa tetapi *service* nya tidak bertambah baik, bahkan menurun apa yang kita lihat, dan kadang-kadang kita tidak tahan nanti kita pun buat bising sedikitlah minta pegawai-pegawai bank keluar buat urusan kerana orang ramai makin bertambah. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan, Kementerian Kewangan supaya membuat satu sistem dan melihat sistem yang sedia ada supaya kalau boleh kita memperbaharui perkara-perkara yang boleh mengekang apa masalahnya Bank Negara tidak boleh mengarah atau mengongkong bank-bank ini, apa masalahnya dan di mana peraturan kerajaan yang tidak membolehkan. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kinabatangan. Macam tadi saya kata kita bagi terlampau lebih muka kepada bank-bank. Itulah sekarang nampaknya bank-bank lebih berkuasa daripada Bank Negara. Bank Negara tidak tahulah kita pula Gabenor sepatutnya sudah ada kata paling canggih punya Gabenor di dunia, [*Ketawa*] tetapi nampaknya sekarang apa perkhidmatan bank-bank beri kepada rakyat, ini serupa macam hanya tahun 50-an punya perkhidmatan.

Tetapi semacam tadi YB. Kinabatangan diberitahu, masalah-masalah atas bank - mengenai perkhidmatan. Memanglah sekarang perkhidmatan dalam bank memang tiada. Memang teruk. Sepatutnya selepas bergabung, macam tadi saya kata, mestilah lebih *efficien*. Lebih terbaik dalam perkhidmatan. Tetapi sekarang nampak memang tiada. Hanya cuma *monopoli*.

Saya berharaplah Kementerian Kewangan ambil tindakan berat atas isu-isu ini yang sudah dibangkit. Tuan Yang di-Pertua, rakyat dan ahli perniagaan ada persoalkan kenapa bank tidak begitu *effisien* di dalam perkhidmatan untuk peniaga? Contohnya, kalau ahli perniagaan buat satu *bank guarantee* atau *letter of credit (LC)* serta simpan seratus peratus deposit di bank, pun tidak boleh dapat diluluskan serta-merta. Mahu mengambil masa dua atau tiga minggu. Tetapi dulu boleh dapat kelulusan dengan serta-merta sebelum bank-bank bergabung.

Bila sampai masa untuk pengambilan alih deposit seratus peratus daripada bank juga mahu mengambil masa dua hingga tiga minggu mendapatkan wang deposit daripada bank berkenaan. Tetapi sebelum bergabung, penggabungan, bank hanya mengambil masa setengah atau satu jam sahaja kalau semua dokumen lengkap. Apa dah jadi? Sepatutnya kita sudah masuk dunia globalisasi, tetapi kita lihat dan rasa sistem ini tidak mengikut dunia globalisasi. Saya mahu persoalkan kenapa sistem bank kita masih ketinggalan, bukan bergerak ke hadapan, tetapi mundur ke belakang selepas bank-bank bergabung.

Ataupun betulkah bank hanya berminat dalam menaikkan caj dan monopoli ekonomi negara. Saya mohon kepada Gabenor Bank Negara mengambil perhatian yang serius atas perkara tersebut. Rakyat sudah tidak boleh tahan dengan caj-caj ini terutama sekali rakyat yang berpendapatan rendah dan peniaga-peniaga kecil. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, apakah tindakan dan bantuan serta polisi yang baru untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kita tahu *Money Laundering Act*,

dengan izin, bukanlah wujud hari ini di negara kita, tetapi selepas September 11 memanglah mereka ada meminta dunia bekerjasama atas akta ini.

Pada pandangan saya, saya fikir kita memang mencuba yang terbaik dan melaksanakan atas akta ini. Saya berharap kita janganlah terlebih membuat reaksi mengenai *Money Laundering Act* ini. Memanglah atas perkara ini, dulu pun sudah kita mengambil prihatin terhadap perkara ini. Rakyat bertanya kenapa sampai sekarang barulah ada bermacam-macam syarat dan membuat susah kepada rakyat bila menggunakan perkhidmatan bank untuk simpan wang. Tetapi untuk wang, terutama sekali orang kampung merasa sedih atas satu contoh kes di mana pelanggan dari luar bandar ingin menyimpan wang seratus ribu di bank, tetapi ditolak.

Bank minta hitam putih dari mana dia dapat wang berkenaan. Pegawai bank memberitahu, jika tidak ada hitam putih, memang bank tidak boleh menerima wang tunai tersebut. Tetapi orang itu sudah memberitahu itu daripada wang pampasan dari pemaju ladang. Tetapi pegawai masih lagi tidak menerima penjelasan, masih lagi mahu meminta hitam putih. Orang kampung itu terpaksa dan marah. Mahu balik ke ladang hampir lebih kurang 40 batu meminta syarikat pemaju memberi surat tersebut. Kenapalah, saya mahu mempersoalkan? Kenapa bank-bank ini mahu buat susah kepada rakyat? Jangan kata rakyat dari luar bandar, seratus ribu pun tidak boleh ada.

Seorang Ahli: Ya, pandang hina?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Tiong King Sing: Memang dia pandang hina sama orang kampung!

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: ... komen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Seputeh.

Seorang Ahli: ..bagi dia laluan.

Dato' Seri Tiong King Sing: Tak payah! *[Ketawa]* Saya sudah bagi dia, itu hari.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Tiong King Sing: Ini adalah satu contoh, yang tidak baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ... lagi contoh lagi.

Dato' Seri Tiong King Sing: Kerana memandang rendah kepada golongan ini terutama sekali tadi saya sudah sebut. Terutama sekali rakyat dari luar bandar. Orang miskin atau orang yang tidak berpendidikan. Begitu juga tentang kuasa, meluluskan pinjaman pada masa sekarang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Bintulu, saya mahu setuju dan sokong.

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasihlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya mahu bagi lagi satu contoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Seorang Ahli: Bagi *chance* dulu, bagi *chance*.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, wanita!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, terima kasih, terima kasih. Saya nak bagi satu contoh, tentang perkhidmatan bank kita. Di mana kita lihat, semakin banyak kes di mana barangan yang berharga, yang bernilai disimpan dalam apa tu? *Safe deposit?*

Puan Chong Eng: *Safe deposit box.*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *Safe deposit box, safety box. Safety box* di dalam bank, barang dia hilang! Saya terima kes, di Maybank di Kajang. Kita dah buat banyak laporan polis, pergi dan buat aduan dengan bank, tak ada apa-apa tindakan diambil. Dan selepas itu pihak pengadu disuruh ambil tindakan Mahkamah Sivil. Dia kena upah *lawyer* lagi. Dan kita lihat semakin banyak kes seperti ini berlaku, tetapi

nampaknya Bank Negara dan pihak bank pedagang tidak ambil apa-apa tindakan dan juga mendakwa pegawai yang terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan nak tanya Yang Berhormat Bintulu?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hanya...

Puan Chong Eng: Nak pasti.

Puan Teresa Kok Suh Sim: .. soalan saya ialah Tuan Yang di-Pertua, kita semua ingat dua tahun yang lepas bila bank mengenakan itu caj. Kalau kita ambil keluar wang daripada ATM mesin, selepas empat kali kena bayar 50 sen dan selepas itu banyak caj dikenakan terhadap kemudahan lain, dan yang kita ini semua Ahli Yang Berhormat sama ada dari Barisan Nasional, atau pembangkang membantah ini, dan kita masih ingat yang bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan kata, "Okey, saya akan balik bincang dengan bank". Saya setuju dengan pandangan semua Ahli Berhormat di sini dan kita semua tepuk. Lepas itu, kita lihat caj ini masih dikenakan walaupun bantahan kuat dilaungkan di dalam Parlimen, tetapi pandangan kita, suara kita tidak dihormati!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing: Okeylah, pandangan itu saya tidak soalkan, kerana saya sudah sebut. Memang dalam itu *fixed deposit*, kalau simpan di bank, di dalam *deposit box* sudah ada barang yang disimpan, dia belum ambil keluar, apa bukti menunjukkan dia belum keluar barang-barang di *fixed deposit box*. Memanglah itu bank-bank sepatutnya, memanglah mahu bertanggung jawab. Tidak boleh, orang-orang yang menggunakan *fixed deposit* jadi mangsa. Inilah, selalu ini, mungkin Bank Negara ataupun kita Kementerian Kewangan ada *overlook* mengenai undang-undang ini. Selalu bank ini, apa masalah sudah jadi, memang mereka tidak mahu bertanggungjawab. Memanglah pusing satu dunia. *Find all kind of excuse* dengan izin, menjawab kepada orang-orang atau pengguna itu. Pelanggan itu.

Sepatutnya bank mestilah, itu kementerian adalah satu tindakan dan penalti kepada bank-bank. Mengenai masalah yang berlaku ini, dulu semua pengurus cawangan dapat meluluskan pinjaman berdasarkan had yang didapatkan. Tetapi sekarang pengurus cawangan tidak ada berkuasa. Mereka hanya ada kuasa untuk menjual insurans tentang *unit trust*. Hanya ada kuasa melulus di pusat ibu pejabat

bank sahaja. *[Menyampuk]* Ini menyebabkan tempoh kelulusan pinjaman sekarang mengambil masa tiga hingga enam bulan. *[Menyampuk]*

Sekarang pengurus bank tidak ada pengalamankah dalam sektor banking atau tidak hanya pegawai dari sekolah rendah ataupun bank mengambil pekerja bodoh yang tidak pandai menjalankan tugas? Kenapa kita mahu buat orang susah semakin susah untuk meminjam wang di dalam jumlah yang kecil?

Satu lagi tentang CITOS. Semasa ekonomi gawat, ada atau keadaan peniaga tidak berjaya pada masa itu, memanglah tidak dapat membayar pinjaman bank dan mestilah disenaraihitamkan oleh CITOS ataupun bank-bank. Namun, peniaga ini dapat menyelesaikan pinjaman setelah ekonomi pulih atau peniaga telah kembali berjaya? Masalahnya apabila mereka sudah dibayar, hutang-hutang yang lama di bank ini kalau dia mahu buat pinjaman baru, bank tidak meluluskan kerana ada rekod berkenaan. Jadi bagaimana mereka mahu meneruskan perniagaan? Adakah polisi bank kita bukan untuk membantu peniaga, tetapi membunuh atau menutup peluang ahli perniagaan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Dato' Seri Tiong King Sing: Tunggu sekejap. Di sini hanya nampak CITOS mahu memainkan peranan membuat susah kepada ahli perniagaan, malah juga menunjukkan pengarah-pengarah atau pegawai-pegawai di syarikat CITOS ini dalam sektor kewangan paling sempurna dan tidak ada krisis dalam kewangan. Pihak Bank Negara ataupun CITOS sepatutnya memandangkan rekod mereka yang sudah membayar hutang dengan menunjukkan bukti. Kenapa Bank Negara atau bank-bank tidak mahu membuat satu sistem bagi membantu bank-bank mencari ahli perniagaan yang berhati ikhlas di dalam kegawatan di mana mereka tidak boleh membayar hutang tetapi apabila keadaan kewangan dan ekonomi pulih, peminjam terus membayar semua hutang kepada bank-bank. Inilah yang dikatakan pelanggan atau ahli perniagaan yang berhati ikhlas.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bintulu. Memang CITOS ini masalah besar pada hari ini. Masalah besar pada hari ini yang melibatkan peniaga-peniaga bumiputera yang kecil-kecil ini. Kerana apabila dipinjam duit dahulu, masa ekonomi gawat, tidak dapat bayar *black list*kan, tetapi apabila sudah selesai bayar, *black list* itu masih kekal ada dan CITOS ini tidak berapa efektif sangat. Sepatutnya bank-bank apabila peniaga-peniaga ini sudah

habis bayar, hantar kepada SITOS dan SITOS *cancel*lah nama orang ini. Tetapi bank tidak menghantar. Yang menjadi masalah sekarang, yang pemberi pinjaman ini apabila orang sudah selesai membayar hutang, dia tidak hantar kepada CITOS dan menyebabkan peniaga-peniaga ini apabila hendak ambil pinjaman baru, tidak dapat oleh kerana *diblacklistkan*.

Yang kedua ini, Yang Berhormat, sekarang ini satu masalah yang timbul berkenaan dengan bank juga ialah berkenaan dengan pinjaman. Pinjaman ini macam kata *bank manager*, tidak boleh buat keputusan sekarang. Kalau dahulu kita setakat yang *old customer*, kita pergi ke bank, *bank manager* boleh meluluskan *on the spot*. Kalau misalan kata *temporary OD*, dia boleh luluskan *on the spot*. Tetapi sekarang, kuasa ini tidak ada dekat *bank manager* ini. Terpaksa pergi kepada *regional* dan sebagainya. Ini melambatkan proses. Bagi kita yang hendak berniaga, peluang-peluang perniagaan ini bukan datang selal,. dia datang ketika itu. Ketika itulah kita memerlukan modal tambahan secepat mungkin, tetapi tidak dapat. Apa pendapat Yang Berhormat?

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Memanglah tadi saya sudah kata, sekarang *flexibility* daripada bank-bank memang sudah tidak ada. Bukan macam dahulu. Kita bank sekarang, mungkin kita pun kerajaan bagi peluang, bagi muka, mereka meng*create*kan salah guna kuasa, *abuse power*, dengan izin. Mereka bergabung semua kuasa ini di ibu pejabat bank. Saya berharaplah ini salah satu perkara juga Kementerian Kewangan boleh ambil perhatian.

Saya mahu bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, adakah satu tindakan akan dicadangkan di dalam isu CITOS untuk menyelesaikan kesusahan yang dihadapi oleh ahli perniagaan dan adakah kita boleh melaksanakan sistem ini dengan lebih efisien. Kalau orang sudah bayar, kitalah kasi padamkan dia punya nama-nama di CITOS. Sesiapa yang belum dibayar, kitalah masih lagi menyenaraikannya. Saya haraplah ini satu tindakan tegas diambil atas perkara tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Seri Tiong King Sing: Ada sedikit lagi. Ada dua, tiga isu lagi yang mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat kali ini cukup panjang, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing: Minta maaf, sekali-skala. *[Ketawa]* Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Bank Negara, adakah mereka sedar yang berkenaan ini berlaku boleh mewujudkan kes salah guna kuasa atau gila guna kuasa serta rasuah dan monopoli kerana sekarang bank-bank mempunyai kuasa *centralized*, macam tadi saya kata. Saya memohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan bank Gabenor menimbangkan semula *decentralized* kuasa. Diharapkan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dapat menimbangkan semula beberapa kesilapan dan caj-caj yang tidak patut dan perkhidmatan yang dikenakan kepada pelanggan bank di negara kita. Saya yakin Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dapat menyelesaikan isu ini demi untuk melihat ekonomi negara kita berkembang dengan lebih efisien lagi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sentuh sedikit mengenai isu-isu di Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ini memanglah kita dalam Budget 2006 pun ada sebut jumlah yang begitu besar untuk pembangunan luar bandar. Tetapi di sini saya mahu bagi maklumat dalam Dewan yang mulia ini, saya sangat sedih atas beberapa projek sudah diluluskan, contohnya di Rumah Merengai Suai, saya punya kawasan dari 24 Disember 2003, bekas Yang Berhormat Menteri sudah meluluskan. Katanya mesti akan dilaksanakan pada tahun 2004 tetapi sudah 2004 tidak dilaksanakan. Saya memberi lagi satu surat pada 9 Januari 2004, tetapi jawapan tidak diterima daripada kementerian ataupun bekas menteri.

Pada pertengahan September 2004, saya sekali lagi menulis satu surat kepada Menteri di Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah mengenai isu ini, tiba-tiba ada seorang setiausaha bahagian, Encik Mohd Mustafa bin Mohd Sidek kata ini projek tidak disenaraikan di Rancangan Malaysia Ke-8. Saya mahu bertanya, sekarang pegawai kerajaan punya kuasakah, ataupun Menteri punya kuasa?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Seri Tiong King Sing: Sekejap. *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit, nanti terlupa.

Dato' Seri Tiong King Sing: Saya pada 10 November 2004, saya tulis satu surat kepada menteri, saya beritahu projek ini sudah lulus, tetapi tidak dilaksanakan.

Kenapa sekarang dijawab, kata projek ini tidak ada di dalam Rancangan Malaysia Ke-8? Tetapi penjelasan tiada. Dia hanya jawab sama macam Encik Mohd Mustafa bin Mohd Sidek ini selaku Setiausaha Bahagian Pelaksana, Utiliti dan Ameniti Sosial, dia kata ia tidak dapat dilaksanakan melalui program jalan kampung dan dikategorikan sebagai jalan luar bandar.

Pegawai-pegawai ini tidak pandai menjalankan tugaskah? Saya mahu bertanya kepada pegawai ini, dia tahukah ini rumah Melingai di mana? Sudah turun padangkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tanya itu pegawai, pegawai itu pun tidak ada peluang menjawab.

Dato' Seri Tiong King Sing: Tidak apalah. Lagipun memang ada pegawai di sini, dia tolonglah beritahu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Okey, okey. Saya hendak tanya sedikit.

Dato' Seri Tiong King Sing: Belum.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Belum lagi?

Dato' Seri Tiong King Sing: Permohonan keempat, 4 Januari 2005, saya tulis surat lagi kepada Encik Mohamad Mustafa. Tetapi saya terus, di dalam surat saya ada marah sedikit. Langsung tiada jawab, sehingga hari ini. *[Ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing: Silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Mujur Yang Berhormat tidak puasa. Saya hendak tanya pada Yang Berhormat bagi Bintulu, dalam pembentangan bajet itu Perdana Menteri kita menyebut tentang *delivery system*, sistem penyampaian berkali-kali. Nampaknya masih jelas dengan apa yang telah Yang Berhormat bagi Bintulu sebutkan tadi tentang surat, pendekatan untuk menyelesaikan masalah.

Jadi, apakah Yang Berhormat bagi Bintulu melihat seolah-olah apa yang telah disampaikan itu seperti masuk telinga kanan keluar telinga kiri. Seolah-olah tidak langsung dipandang endah, sedangkan sektor awam ini sudah diberi insentif supaya mereka terus berdedikasi melaksanakan tanggungjawab dalam menjalankan tugas supaya segala masalah yang berlaku dapat diselesaikan dengan tidak adanya birokrasi dan apa juga yang boleh menghalang segala kelicinan pentadbiran kerajaan.

Jadi, apakah penjelasan, pandangan Yang Berhormat dengan Pilihanraya Negeri Sarawak yang hampir menjelang tiba. Apakah Yang Berhormat merasakan peruntukan untuk negeri Sarawak ini perlu dipertingkatkan dan dipercepatkan lagi sebagaimana yang telah dijanjikan Manifesto Parti Barisan Nasional? Minta sedikit penjelasan, Yang Berhormat. Kalau tidak pembangkang ambil kesempatan, terutama Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Memanglah saya setuju apa Yang Berhormat sebutkan. Memanglah kalau kita tidak selesai, rakyat sudah menunjukkan kepada saya manifesto kita di rumah panjang. Dia cakap, apa ini cemerlang, gemilang, terbilang dan semua apa bilang itu.....

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Seri Tiong King Sing: Apa pun tidak ada sampai sekarang. Hari-hari kata kita hendak membantu, akan bantu rakyat ataupun orang miskin di luar bandar tetapi hujung-hujung apa-apa pun tidak dapat. Saya ada dua lagi masalah ini, sama juga pembinaan jalan Kampung Hilir.

Pertama kali saya tulis surat 16 November 2001 kepada bekas Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada masa itu, tetapi tiada jawapan. Pada 9 April 2002, saya tulis surat lagi kepada bekas Yang Berhormat Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Jawapannya, dia akan kaji tetapi sampai 9 Ogos 2004, saya tulis surat kepada Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Menteri sekarang, dapat jawapan yang sama daripada Encik Mohamad Mustafa bin Mohamad Sidek, yang mengatakan telah diluluskan dan dilaksanakan pada tahun 2005. Tetapi saya dapat maklumat sekarang, bukan ada, tiada. Saya dengar maklumat daripada *resident office* mengatakan peruntukan memang tiada, memang tidak akan dilaksanakan. Jadi, mana satu betul mana satu bohong?

Beberapa Ahli: Semua bohong.

Dato' Seri Tiong King Sing: Hah! Ini menunjukkan satu ataupun pegawai kerajaan ataupun Menteri main-main sama orang-orang dari luar bandar.

Beberapa Ahli: Betul!

Dato' Seri Tiong King Sing: Saya mahu bertanya ini, pegawai-pegawai kerajaan ataupun Menterikah, Timbalan Menterikah ataupun Setiausaha Parlimen, saya berharap kita ambil perhatian atas perkara-perkara kita, Ahli-ahli Parlimen di

Dewan yang mulia ini. Apa yang mereka sebutkan, tolonglah ambil perhatian dan serius. Janganlah main-main sama kita, Ahli Parlimen. Kita wakil semua rakyat di kawasan tertentu. Janganlah kita beri janji atas angin sahaja.

Jadi, saya mahu sentuh sedikit mengenai saya mendapat banyak maklumat bahawa terdapat ramai pelancong negara asing yang mendapat visa untuk melawat negara ini yang pejabat kita keluarkan di negara mereka tetapi ditolak oleh pegawai-pegawai kita di lapangan terbang di negara ini. Apakah penjelasan imigresen terhadap perkara ini? Saya ingin memohon jasa baik pegawai-pegawai imigresen terutama sekali Ketua Pengarah, mestilah mahu menghormati semua visa ataupun pas yang sudah dikeluarkan daripada pejabat kita di negara itu ataupun *embassy*. Janganlah pegawai-pegawai buat susah kepada pelanggan bila masuk ke negara kita.

Saya ingin bertanya Menteri Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pegawai berkenaan dengan tingkah laku dan kecekapan kakitangan kerajaan. Di dalam masa ini terdapat sebahagian pegawai masih bersikap tidak mesra kepada orang ramai dan KSN sendiri ada beberapa kali mengumumkan di dalam surat khabar supaya kakitangan lebih mesra dengan orang awam dan lebih cekap.

Tetapi saya nampak ada sebahagian daripada KSU-KSU, terutama sekali KSN sendiri pun tidak berapa bermesra dengan rakyat. Bagaimana pegawai kerajaan boleh mengikut apa yang diumumkan oleh KSN di dalam surat khabar? Ada masa dalam majlis, kita sebagai Ahli Parlimen, mereka pun tidak mesra dengan Ahli Parlimen, apalagi dengan orang awam

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Seri Tiong King Sing: Kalau.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Dato' Seri Tiong King Sing: Sekejap. Kalau sebagai KSN tidak menunjukkan satu contoh kepimpinan melalui teladan, bagaimana pegawai-pegawai kerajaan boleh ikut apa yang kita arahkan. Saya harap KSU-KSU, terutama sekali KSN, bolehlah menunjukkan kepimpinan melalui teladan dan kecekapan dalam menjalankan tugas.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Bintulu. Sejak hari Khamis yang lalu banyak rintihan yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu. Itulah dari sanubari seorang wakil rakyat dan kita juga sentiasa tegur pegawai-pegawai termasuk pegawai polis supaya bermesra rakyat.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, dua tiga hari ini tidak sedap saya baca surat khabar apabila seorang wakil rakyat ADUN Barisan Nasional di Pulau Pinang yang minta polis jangan mengadakan *road block* di kawasan-kawasan gelap dan jangan berselindung atau sembunyi di belakang pokok. Ini kerana, akan mengakibatkan kemalangan dan juga orang awam tidak yakin ini adalah polis kerana tanpa uniform tidak ada *road block*. Perkara ini nampaknya, reaksi daripada pihak berkuasa mengatakan mungkin ADUN ini oleh kerana ada laporan yang dibuat oleh anggota polis mendakwa Ahli Dewan Undangan Negeri ini kononnya menghalang polis menjalankan tugas. Ini langsung tidak menghormati wakil rakyat. Sama juga rintihan kita.

Jadi, saya ingin meminta pandangan, adakah perkara ini patut berlaku? Ini adalah satu tanggungjawab wakil rakyat yang bertanggungjawab kerana kalaulah kita benarkan polis berselindung di belakang pokok melakukan operasi seperti itu, saya rasa kalau kita pun, saya tidak yakin saya akan berhenti, macam mana dengan rakyat yang lain. Minta pandangan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, memanglah saya setuju apa yang you sebutkan tadi mengenai

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Tiong King Sing: Nantilah, belum masuk lagi.

Beberapa Ahli Dewan: *[Ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing: Saya setuju memang tadi *you* sebut itu kita diperlukan menyelesaikan masalah ini. Saya mahu sebut ini, ini polis-polis punya pegawai itu memang dia tidak pakai otak. *[Dewan ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing: Cuma hanya tanyalah mana-mana satu rakyat,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau otak ada, macam mana tak pakai?

Dato' Seri Tiong King Sing: Memanglah kadang-kadang otak ada, tapi dia kadang-kadang lupa dia punya otak mana simpan.

Ya, kita mesti mahu fikir, kalau kita tapuk di belakang pokok, sembunyi ke tapuk sama sahaja, kita faham sudahlah. Dalam jalan raya yang gelap, kalau kita terus saja keluar daripada pokok, kalau orang ada *heart attack*, mesti mati terus *on the spot* punya [*Dewan semakin riuh*] Dia fikir dia jumpa hantu itu. Kenapa kita tidak boleh tunjuk rakyat, kita mahu terus pasang *road block*, apa kita mahu tapuk belakang pokok? Ataupun kalau rakyat biasa, dia fikir dia nampak hantu, memanglah dia lagi lajak minyak, dia lari. Nanti dia jadi *accident*, ataupun polis salah faham fikir dia penjenayah, apa ke, memang nanti dia tembak dan mati. Kalau hal ini berlaku, siapa salah? Salah kita polis, bukan salah rakyat. Saya haraplah, kita ambil tindakan atas itu Dewan-dewan Undangan Negeri ini.....

Cik Fong Po Kuan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

Dato' Seri Tiang King Sing:mengambil tindakan atas Dewan Undangan Negeri ini, memang tidak patut, saya haraplah Ibu Pejabat Polis Bukit Aman ini ambil tindakan balik semula, kaji balik semula atas perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu, boleh tengok apakah yang anda sampai? Saya balik kawasan juga nampak banyak polis, jarang nampak begitu banyak, tapi apabila bulan Ramadhan mula, perayaan sudah hendak sampai, kita nampak polis kita kuat kerja, memang kuat kerja. Saya juga sokong mereka mencegah kemalangan jalan raya.

Adakah Yang Berhormat Bintulu bersetuju bahawa bukan sahaja kita pentingkan keselamatan penunggang kenderaan dan juga polis kalau mereka sorok-sorok bawah pokok ini akan menimbulkan pelbagai masalah. Juga kalau mereka berterusan berbuat demikian juga akan menimbulkan persepsi orang ramai bahawa akan ada perbincangan di sebalik pokok-pokok atau di bawah pokok dan juga di dalam keadaan yang gelap ada perbincangan penyelesaian kes, *counting* berlaku di bawah pokok yang gelap itu. Ini akan menjejaskan imej polis.

Apakah Yang Berhormat akan meminta Kementerian agar mengumumkan garis panduan-garis panduan untuk pengetahuan orang ramai apakah yang patut, apakah yang tidak patut dijalankan oleh polis apabila menjalankan kerja-kerja mencegah kemalangan jalan raya. Tak patut di bawah pokok, di mana orang ramai

tidak boleh nampak, apakah Yang Berhormat akan mencadangkan ini untuk kebaikan kedua-dua pihak?

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan mesyuarat**]

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat bagi Alor Gajah, eh bukan! Batu Gajah. Mengenai isu pokok-pokok ini, pokok-pokok itu, tadi saya sudah jawab jadi janganlah Yang Berhormat buat satu tuduhan yang jahat. *[Disorak]*

Polis ini bukan semua polis rasuah, ada juga yang baik juga, jadi dalam Ramadhan ini mungkin lebih banyak *traffic* atas jalan raya, polis mahu jaga

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Thank you* ha.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tak payah bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing: Ha, okey, okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Satu minit?

Dato' Seri Tiong King Sing: Saya satu masalah lagi, nanti sekejap bang, sekejap, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak payah bagilah Yang Berhormat, Yang Berhormat gulunglah.

Dato' Seri Tiong King Sing: Ha, okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya nak minta penjelasan Yang Berhormat, kita kena adil dengan pasukan polis kerana kadang-kadang Yang Berhormat setuju dengan saya. Pasukan polis dia tidak boleh, dia kena kadang-kadang untuk tindakan-tindakan tertentu, dia kena menyamar untuk hendak tangkap penjahat dan sebagainya. Bila dia dok bawah pokok, bukan makna rasuah, kadang-kadang orang naik motor tak ada lesen, jadi bila dia nampak *road block*, dia akan lari. Tapi polis duduk bawah pokok mungkinlah, ini mungkin apabila motor itu datang dengan tak ada lesen, dia boleh cekup motor tu dan sebagainya.

Kita macam Yang Berhormat kata tadi, bulan Ramadhan kita jangan ada satu anggapan jahat pada orang, tak bagus. Yang Berhormat setuju tak dengan saya? Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing: Ha, setujuah Yang Berhormat. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu masalah lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya rasa cukuplah Yang Berhormat, gulung, gulung.

Dato' Seri Tiong King Sing: Ha gulung, bukan gulung ini satu lagi

Saya memohon jasa baik daripada Menteri-menteri, kalau memberi jawapan di dalam Dewan yang mulia ini ataupun menjawab surat kepada orang awam terutama sekali kepada Ahli Parlimen, janganlah memberi jawapan yang tidak konkrit. Kita mestilah mahu faham bila rakyat memerlukan jawapan daripada Menteri, jawapan yang diberikan mestilah lengkap dan konkrit. Tetapi kadang-kadang Menteri-menteri memberitahu dia tidak ada kuasa, saya memohon jasa baik kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menimbangkan dan kaji balik semula dalam pentadbiran kerajaan mestilah memberi kuasa penuh kepada Menteri-menteri.

Kalau Menteri-menteri tidak ada kuasa, tentulah dia tidak boleh menjalankan tugas sebagai Menteri, contohnya rakyat ada mengatakan ada beberapa pegawai di Kementerian Kewangan lebih berkuasa daripada Menteri. Di sini saya ingin persoalkan sampai masalah yang timbul di negara kita, siapa yang bertanggungjawab? Siapa akan turun padang memberi jawapan atau penjelasan? Pegawai kerajaan kah atau Ahli politik?

Saya berharaplah pegawai-pegawai kerajaan kaji balik semula, pertimbangkan semula, janganlah apa tindakan, arahan daripada Menteri pun tidak mahu ambil tindakan. Tetapi kalau-kalau Menteri-menteri sudah diberi kuasa penuh, mestilah menjalankan tugas dengan cemerlang, terbilang dan gemilang. Juga bagi kepentingan rakyat, kalau tidak boleh menjalankan tugas yang tersebut, silalah letak jawatan sendiri dengan segera, janganlah seperti Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, ada umum dalam surat khabar mengatakan beliau akan letak jawatan kalau atas permintaan Yang Amat Berhormat.

Pada masa itu, bukan dia sahaja yang malu, kita ahli politik pun malu. Kenapa Menteri-menteri tidak boleh jalankan peruntukan, tidak boleh letak jawatan, memberi peluang kepada lain-lain Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini. Contoh macam Sri Gading ataupun Kinabatangan, dia pun banyak buat bahas di dalam ini, kita mesti bagi dia peluang, kalau tidak boleh, barulah kita cuci sama dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Menteri sedar pihak yang berkaitan dengan isu-isu yang saya kemukakan tadi dapat memberi jawapan yang jelas serta menyertakan tindakan yang akan mereka ambil, akan diambil. Ini penting untuk kita sama-sama menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata ke arah negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Saya mohon menyokong, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Kinabalu dulu, ya Kota Kinabalu teruskan. Yang lain akan dapat peluang.

12.09 th.

Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua. *Please sit down.* Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2006 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 30 September 2005.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana telah membentangkan satu bajet yang penyayang serta mengambil kira keperluan-keperluan untuk terus membangunkan negara kita di samping memberi manfaat kepada rakyat. Dalam Bajet 2006, kerajaan telah memperuntukkan RM136.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM23 bilion telah diperuntukkan kepada negeri Sabah, khususnya untuk pembinaan jalan, penyediaan bekalan air, elektrik serta projek pendidikan dan kesihatan. Dalam pada itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana prihatin terhadap keperluan rakyat negeri Sabah. Peruntukan ini sudah tentu akan dapat memperbaiki keadaan hidup rakyat negeri Sabah, terutamanya penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya ingin membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan negeri Sabah yang memerlukan perhatian dan tindakan menggubal dasar dan melaksana sebagai satu keutamaan untuk memastikan pembangunan di negeri Sabah dapat dilaksanakan dengan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang paling mendesak yang dihadapi oleh pengguna domestik dan industri hampir setiap hari pada masa ini ialah kekerapan

gangguan bekalan elektrik. Gangguan tersebut telah mengakibatkan kerosakan dan kesulitan yang serius terutama sekali kepada industri pelancongan dan industri pembuatan. Perkhidmatan Sabah Elektrik Sdn. Bhd amat mendukacitakan dan telah merosot begitu teruk sejak ianya diswastakan. Sebenarnya rakyat Sabah sudah bosan dengan kualiti perkhidmatan yang ditunjukkan oleh *Sabah Electricity Sdn. Bhd.* disebabkan.....

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi jalan?

Datuk Dr. Yee Moh Chai: Saya tidak bagi. [*Ketawa*] Disebabkan kekerapan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Dr. Yee Moh Chai:.... gangguan bekalan elektrik. Saya tidak bagi, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Bagilah. [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Dr. Yee Moh Chai: Saya tidak bagi, tidak bagi.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Saya mahu sokong ini. Datuk.....

Datuk Dr. Yee Moh Chai: Yang Berhormat, saya faham. Yang Berhormat ada *chance* lagi nanti, ya. Memang ada *chance*. Saya teruskan ya, Tuan Yang di-Pertua. Ini ditambahkan pula tidak ada orang yang melayan *emergency hotline* apabila berlakunya gangguan bekalan elektrik. Adalah menjadi harapan setiap rakyat negeri Sabah untuk melihat perkhidmatan Sabah Elektrik Sdn. Bhd. diperbaiki. Saya berharap Kerajaan Pusat dapat masuk campur untuk memperbaiki keadaan ini bagi memastikan penderitaan dan kesulitan rakyat Sabah berakhir kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada PETRONAS kerana bersetuju untuk mendirikan kilang-kilang minyak dan gas mereka yang pertama di negeri Sabah. Ini adalah satu *catalyst* untuk menarik pelabur-pelabur lain ke negeri Sabah. Walau bagaimanapun, dalam proses untuk membangunkan kilang-kilang tersebut adalah diharapkan PETRONAS memberi peluang dan keutamaan kepada penduduk negeri Sabah, sama ada dari segi peluang pekerjaan

ataupun peluang mendapat kerja-kerja kontrak. Ini sudah tentu dapat meningkatkan lagi ekonomi negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas kepada Polis Diraja Malaysia di atas kerja mereka yang baik di negeri Sabah walaupun dalam keadaan bajet yang kurang. Disebabkan usaha gigih mereka, kadar jenayah dan keadaan keselamatan di negeri Sabah terkawal. Dalam pada itu, peruntukan sejumlah RM3.5 bilion yang diberi oleh kerajaan kepada Polis Diraja Malaysia adalah sangat dialu-alukan untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan mereka *and I hope this special attention and allocation will be given to our hardworking police in Sabah*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh bangga kerana kerajaan telah memberi keutamaan dalam pembangunan ICT di negara ini. Walau bagaimanapun, adalah menjadi harapan rakyat negeri Sabah supaya tidak ketinggalan dalam arus pembangunan ini. Sebenarnya negeri Sabah masih lagi dalam serba kekurangan dari segi infrastruktur dan keceklikan ICT. Dalam pada ini, Kerajaan Negeri Sabah telah mengemukakan permohonan peruntukan ICT kepada Kerajaan Pusat untuk pertimbangan. Saya berharap Kerajaan Pusat dapat mengambil perhatian yang serius dalam pemberian peruntukan kepada negeri Sabah untuk pembangunan ICT.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Yee Moh Chai: Ooh tidak. Saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Yee Moh Chai: *Saya finish already. You will have a chance.* Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Pusat kerana telah membentangkan bajet yang sungguh baik. Saya percaya rakyat Sabah akan lebih gembira lagi sekiranya isu-isu yang saya sebutkan di atas dapat diatasi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maran.

12.17 tgh.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang

Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut serta membahaskan rang undang-undang berkaitan dengan bajet dan Belanjawan 2006 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, juga Menteri Kewangan pada 30 September yang lalu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan Belanjawan 2006 yang saya sifatkan lebih prihatin dan penyayang terhadap masyarakat luar bandar dengan mencadangkan sejumlah RM176.6 bilion untuk Belanjawan 2006. Dengan memperuntukkan sejumlah wang sebanyak RM101.25 bilion untuk perbelanjaan mengurus, kira-kira 74% dan RM35.5 bilion atau 26% untuk perbelanjaan pembangunan, termasuk RM2 bilion untuk simpanan luar jangka.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mensasarkan pencapaian Belanjawan 2006 kepada empat strategi utama iaitu:

- (i) melaksanakan langkah positif kerajaan ke arah memasarkan kegiatan ekonomi;
- (ii) menyediakan persekitaran mesra perniagaan;
- (iii) membangunkan modal insan dan
- (iv) meningkat kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita panjatkan rasa syukur kepada Allah dan Tuhan semesta alam kerana telah menjadikan kita sebagai rakyat kepada negara yang bernama Malaysia. Sebuah negara yang diberikan Allah penuh keamanan dan kerahmatan, kita bukanlah sebuah negara besar dan kuasa besar tetapi kerajaan serta rakyatnya tidak pernah angkuh. Kita bukanlah sebuah negara kaya dan kita juga bukan sebuah negara yang miskin dan papa kedana. Tetapi pemerintah dan pemimpinnya sentiasa sedar bahawa terdapat rakyat yang perlu dibela kehidupan mereka dan menyedari bahawa tugas itu adalah amanah.

Kita perlu sedar semua keadaan yang kita ada adalah pemberian Allah dan perlu diberikan penghargaan dan dipertahankan. Kita jangan lupa kerajaan dan pemimpin juga jangan angkuh dan menyalahgunakan kuasa kerana akibatnya akan dirasakan oleh ramai rakyat. Nanti kita akan menjadi zalim. Orang miskin dan susah yang dizalimi akan berdoa kepada Allah dan Tuhan. Allah telah janjikan bahawa doa orang-orang yang dizalimi akan dikabulkan Allah tanpa ada hijab atau dinding.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pesanan dan ingatan ini telah ditujukan juga kepada sebuah negara kuasa besar iaitu Amerika Syarikat yang mengaku negara kaya, negara kuasa besar yang boleh berbuat apa sahaja kepada negara-negara kecil yang dianggap musuh dan menentang dasar mereka. Tetapi kuasa Allah dan Tuhan mengatasi segala-galanya.

Kita juga pernah dikejutkan dengan bencana tsunami yang melanda negara kita pada tahun lepas dan telah cukup untuk meninggalkan kesan duka dan trauma kepada kita semua. Kita ucapkan takziah Tuan Yang di-Pertua kepada mangsa gempa bumi di Pakistan, Afghanistan dan India baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini negara Amerika yang kita anggap kuasa besar, negara kaya dan kuat telah dibalas oleh Tuhan dengan malapetaka yang silih berganti dan menakutkan pemimpin dan rakyat mereka. Selepas taufan Katrina yang melanda New Orleans dan ikuti pula dengan taufan Rita dan seterusnya taufan *Stamp* dan penyakit Selesema Burung. Di manakah kekuatan yang ada pada Amerika bagi menghalang bencana ini, namun yang jelas banyak kemusnahan dan kematian yang dihadapi.

Inilah namanya balasan tuhan kepada mereka yang angkuh, adakah kita dan mereka menyedari hakikat ini. Diharapkan peristiwa ini menjadi iktibar kepada kita semua. Tuan Yang di-Pertua, ayuh saya menyeru semua pemimpin besar atau kecil, rakyat jelata yang kaya atau miskin supaya terus menanam semangat cintakan negara kita tanpa berbelah bahagi. Semua pemimpin tidak kira pihak kerajaan atau pembangkang agar dapat mempertahankan keamanan negara kita. Bala dan bencana yang diturunkan oleh Tuhan tidak memilih siapa kita, Melayu, Cina, India, kerajaan ataupun pembangkang, cintakan negara sebahagian daripada iman. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Perdana Menteri kerana turut prihatin dengan suasana masyarakat negara ini.

Sebagai sebuah negara yang membangun, pendidikan menjadi faktor terpenting ke arah menjadi negara maju dan mencapai hasrat Wawasan 2020. Sejumlah 20.9% agihan peruntukan 2006 iaitu sebanyak RM28.5 bilion disalurkan kepada sektor ini. Saya ingin bertanya kepada kerajaan dan kementerian apakah peruntukan ini telah disalurkan secara terus kepada sektor pendidikan atau pelajaran pertama di kawasan-kawasan luar bandar, kerana masih banyak sekolah luar bandar tidak mempunyai kemudahan asas yang mencukupi dan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta

aktiviti kokurikulum dan bina insan. Ramai orang bercakap dan melahirkan rasa kecewa dengan pencapaian dan prestasi pelajar-pelajar luar bandar.

Masih ada golongan murid yang tidak menguasai 3M - membaca, menulis dan mengira walaupun sudah tamat darjah 6. Mengapa perkara ini boleh berlaku? Kita sering menyalahkan guru, ibu bapa dan pelajar atau adakah pihak kementerian, Jabatan Pelajaran negeri ataupun daerah sendiri yang gagal menyelia dan memantau pelaksanaan sistem pendidikan yang kerap kali digubal untuk memenuhi cita rasa dan keperluan semasa negara. Masalah disiplin pelajar sering diperkatakan oleh pelbagai pihak sedangkan kita semua maklum bahawa golongan pelajar adalah merupakan aset negara dan barisan pemimpin negara pada masa hadapan. Konsep sekolah penyayang, guru tidak boleh merotan, pelajar dan ibu bapa pelajar pula terlalu sensitif terhadap tindakan guru menyebabkan pelajar terlalu manja, tidak boleh disentuh dan senang melanggar disiplin sekolah dan perbuatan ini berlanjutan hingga keluar dari sekolah, menjadi remaja yang mudah melakukan vandalisme dan jenayah dalam masyarakat.

Sesungguhnya masalah disiplin pelajar masa kini perlu ditangani secara serius dan bersepadu oleh semua pihak, agar tidak ada pelajar yang sanggup membakar kereta guru yang mendidik untuk menjadikan mereka manusia. Adalah dicadangkan supaya kementerian yang bertanggungjawab meneliti semula pekeliling yang berkaitan dengan disiplin pelajar dan mewujudkan mekanisme yang sesuai dengan situasi masa kini supaya masalah disiplin pelajar tidak lagi menjadi agenda utama dalam perbincangan di peringkat kementerian, jabatan, negeri, daerah dan seterusnya di peringkat sekolah. Guru selesai mengajar, dan kita harapkan pelajar suka belajar.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya konsep pendidikan perlu diutarakan dalam dua kaedah dan dilaksanakan secara serius. Kaedah pertama ialah penyampaian ilmu dalam bahasa Arab disebut '*taalim*' lebih kepada penyampaian maklumat dan ilmu menggunakan otak dan kaedah kedua ialah kaedah mendidik, tarbiah yang lebih kepada unsur-unsur naluri, rohani dan kejiwaan. Hasil daripada dua kaedah ini akan melahirkan modal insan yang berilmu, berpengetahuan dan bermaklumat serta mempunyai nilai-nilai murni, berakhlak tinggi dan berperibadi mulia. Modal insan yang beginilah yang akan menjadi warga negara yang tidak mudah goyang dengan sebarang anasir dan ancaman di samping memiliki semangat kecintaan yang tinggi kepada diri sendiri, keluarga, bangsa, agama dan negara tanpa berbelah bahagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru dan meminta kerajaan meneliti perkara ini jika kita ingin melihat pelaburan berjuta-juta ringgit untuk melahirkan anak-anak bangsa yang cintakan negara menjadi kenyataan

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kembali sedikit ke belakang dari segi cadangan supaya pihak kementerian, pihak sekolah mengadakan satu peraturan mengenai anak-anak kita yang nampaknya masalah disiplinnya semakin serius.

Saya berpandangan bahawa pihak sekolah, pihak guru di sekolah tidak ada masalah. Segala yang ada di sekolah itu saya rasa segala yang baik, yang hendak diatur pun baik, yang PNP guru pun baik, suasana sekolah pun baik, jadi pada saya yang menjadi masalah ialah apabila pelajar itu di luar sekolah. Jadi oleh kerana itu, saya berpandangan bahawa apa yang patut diperkasakan ialah permuafakatan antara pihak sekolah dengan pihak ibu bapa. Sama ada melalui PIBG ataupun melalui institusi-institusi yang lain, maksud saya institusi yang lain ialah biasanya kalau seseorang pelajar itu tidak bersekolah - saya menggunakan istilah ini istilah AP, anak ponteng. Kita banyak berbicara mengenai AP – Aprove Permit, AP – Ayah Pin.

Sebenarnya yang lebih penting antara 3 ini ialah anak ponteng, kerana apabila pelajar itu, murid itu ponteng dia pastinya tidak berbuat yang baik, pastinya mereka melakukan perkara yang negatif. Oleh kerana itu apa pandangan Yang Berhormat tentang permuafakatan antara sekolah dengan ibu bapa supaya masalah disiplin khususnya melalui anak-anak ponteng ini dapat disifarkan, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya secara peribadi memang bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat, bahkan kalau tidak silap saya di sekolah-sekolah sekarang telah pun ada jawatankuasa permuafakatan antara guru dan ibu bapa, cuma persoalannya sejauh mana jawatankuasa ini berkesan atau tidak, kita harap kita dapat teliti balik semula. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Saya teruskan perbahasan saya, Tuan Yang di-Pertua biarlah usaha dan belanja yang kita keluarkan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiu bangun.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Boleh sekejap tidak, saya habis sedikit sahaja. Biarlah usaha dan belanja yang kita keluarkan ini akan melahirkan warganegara yang tidak menyusahkan dan membebankan negara, silakan Yang Berhormat Setiu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Setiu sila.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid: Terima kasih Yang Berhormat Maran, dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak undur sedikit ke belakang sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat Maran mengenai peranan guru di sekolah, bahkan saya percaya juga peranan daripada ibu bapa juga iaitu memberi ilmu, *taalim* dan juga memberi pendidikan tarbiah.

Saya suka menambah dan untuk mendengar pandangan daripada Yang Berhormat Maran, bagaimana pula dengan bentuk kita memberi satu peradaban, *taadip*, memberi adab dan juga dari segi dikatakan sebagai *tarsyid* memberi nasihat dan juga tunjuk ajar. Saya rasa juga antara unsur-unsur yang perlu diterapkan kepada guru dan juga ibu bapa dalam mendidik dan membesarkan anak-anak, bagaimana pandangan Yang Berhormat Maran?

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Pada saya dua pendekatan pendidikan yang saya sebutkan tadi ialah telah merangkumi kedua-dua yang Yang Berhormat sebutkan. Konsep kaedah *taalim* iaitu kita memberikan ilmu pengetahuan, memberi *knowledge* kepada pelajar-pelajar dengan izin.

Tetapi konsep Tarbiah ini lebih bersifat ketuhanan, maknanya kita mendidik mereka, membina akhlak mereka, membina peribadi mereka dan membina personaliti mereka dalam konteks yang lebih luas, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin meminta Kementerian Pelajaran menyatakan berapa jumlah kursus-kursus dalam perkhidmatan yang dijalankan oleh kementerian setakat ini.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [Bangun]

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Daripada perhatian saya banyak kursus yang dilaksanakan oleh kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Maran Yang Berhormat Lipis.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sekejap ya, saya hendak habis sedikit sahaja - Jabatan negeri daerah untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru. Namun yang demikian, saya juga ingin bertanya tentang tahap keberkesanan kursus yang diterima oleh golongan guru yang terlibat. Di samping itu saya juga melihat kebanyakan kursus yang dilaksanakan pula oleh jabatan pelajaran, negeri, daerah diadakan di akhir sesi persekolahan, di kala sekolah sibuk dengan peperiksaan awam UPSR, PMR, dan peperiksaan akhir tahun. Pengetua, Guru Besar, Guru Penolong Kanan dan guru biasa diarah mengikuti kursus pengurusan dan sebagainya dan tempat-tempat kursus pula bukan di negeri sendiri, sebagai contoh kalau guru-guru berasal dari Pahang maka mereka akan berkursus di Langkawi ataupun di Johor Bahru dan begitulah sebaliknya.

Apakah rasionalnya kementerian/jabatan bertindak demikian? Adakah untuk memberikan peluang kepada guru untuk melancong, berehat atau hanya untuk menghabiskan bajet yang tidak diurus dengan cekap pada awal tahun? Saya bersetuju kursus diadakan untuk meningkatkan kecemerlangan guru-guru, tetapi susunlah dengan baik agar wang yang diluluskan di bawah belanjawan ini dapat kita gunakan untuk kepentingan anak-anak bangsa kita. Sila Lipis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Maran. Yang ini berkait dengan kursus dan berkait dengan pembahagian bajet juga atau peruntukan untuk sekolah-sekolah ini. Jadi rasa saya ini mungkin salah urus atau urusan kewangan yang tidak baik, di mana pada peringkat awal peruntukan ke sekolah atau ke pejabat-pejabat pelajaran tidak diberi dan bila akhir tahun peruntukan banyak dan akhirnya melambak peruntukan yang diberi kepada jabatan dan sebagainya.

Jadi untuk menghabiskannya mereka terpaksa menjalankan kursus bukan kerana hendak membuat kursus itu untuk tujuannya, tetapi terpaksa menghabiskan bajet. Jadi apa yang saya harapkan di sini sebenarnya peralatan sokongan kepada

guru-guru ini sangat penting. Sekarang ini di sekolah, mesin fotostat, mesin riso ini merupakan peralatan yang penting untuk menyokong guru-guru dalam mengadakan P&P. Ada sekolah masih menggunakan peralatan yang lama.

Baru-baru ini saya melawat sebuah sekolah, mereka masih lagi menggunakan mesin *gestetner* yang lama itu untuk membuat soalan-soalan dan juga bahan-bahan tambahan. Jadi, bersetuju atau tidak dengan saya supaya Kementerian membahagikan duit ini betul-betul melihat mesin dan alat-alat tambahan ini perlu diberi kepada sekolah supaya perjalanan P&P dapat berjalan dengan betul. Tidaklah mereka terpaksa meminta ataupun memohon peruntukan daripada wakil rakyat untuk membeli mesin riso dan *gestetner* ini. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Yang Berhormat Lipis, saya memang bersetuju dan sebenarnya dia boleh menjimatkan duit Ahli-ahli Parlimen Tuan Yang di-Pertua.

Kita tidak boleh menyalahkan sepenuhnya kepada Kementerian Pelajaran, kerana di bawah Kementerian Pelajaran mereka mempunyai lebih daripada 300 orang guru yang terpaksa diselia, tidak termasuk kakitangan yang lain cuma saya berharap supaya Kementerian Pelajaran akan memberikan perhatian ini dan wang yang banyak itu dapat disalurkan ke sekolah-sekolah ataupun untuk kemudahan guru dan pelajar di kawasan-kawasan luar bandar.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berpindah dan menyentuh mengenai pembangunan belia. Kajian pendudukan menyatakan bahawa lebih kurang 10 hingga 11 juta penduduk negara ini adalah daripada kalangan belia yang menjadikan separuh daripada penduduk negara kita. Masa depan negara dalam semua aspek terletak pada tangan belia hari ini. Belia yang ada pada hari adalah gambaran keadaan negara kita masa hadapan.

Jika kita melihat terlalu banyak masalah sosial yang melibatkan belia hari ini, sebenarnya itulah gambaran keadaan negara kita di masa hadapan kecuali kita cepat bertindak menangani masalah yang ada pada hari ini kalau tidak dapat dihapuskan pun kita dapat menyekatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua menyedari hakikat ini tetapi gambaran dapat dilihat melalui peruntukan yang diberikan kepada kementerian ini sebenarnya tidak cukup menyamakan kesedaran kita bahawa belia adalah masa depan negara.

Jika dibahagikan peruntukan yang ada kepada setiap remaja yang ada, setiap orang hanya akan mendapat berapa ringgit sahaja. Namun Tuan Yang di-Pertua, saya meminta pihak kerajaan dapat mengkaji semula dan jika boleh memberikan peruntukan yang lebih kepada kepentingan kaum belia dan remaja. Tidak ada bererti kita memberi peruntukan yang besar kepada sektor lain sekiranya mereka yang akan membangunkan sektor tersebut terdiri daripada mereka yang rosak akal dan fizikalnya.

Apakah salahnya kalau kita berikan sagu hati kepada pemimpin-pemimpin belia, ataupun Ahli Jawatankuasa Belia yang bekerja secara sukarela, kerana dengan cara itu akan memberikan galakan kepada mereka dan akibat daripada kehilangan masa bekerja mereka. Negara banyak membelanjakan wang dalam mengadakan berbagai sambutan dan perayaan kadang-kadang rakyat menganggap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Setiu bangun, bagi dekat dia.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Lagi ada. Jangan banyak sangat buang masa saya.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid: Terima kasih Yang Berhormat Maran, Tuan Yang di-Pertua saya apabila disentuh soal belia ini, saya rasa nak tanya sedikit dan juga mencadangkan kepada Yang Berhormat Maran bahawa bayaran sagu hati itu saya sokonglah 100 peratus, saya juga hendak mencadangkan supaya suatu pandangan daripada Yang Berhormat Maran kerana kita hendak melihat belia-belia kita pada hari ini juga diberi tempat dalam jawatan dalam NGO di peringkat kampung seperti JKK dan sebagainya, kerana kita boleh melatih mereka ini daripada awal lagi supaya mereka akan lahir sebagai seorang pemimpin di peringkat kampung dan sebagainya. Bagaimana pandangan yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiu. Saya bersetuju bahkan untuk makluman Yang Berhormat kita pernah mencadangkan supaya pemimpin-pemimpin belia ini dilantik sebagai ahli dalam majlis daerah, tetapi mungkin sambutannya kurang menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, perayaan dan sambutan boleh.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu pula bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sekejap ya, saya hendak habis sikit lagi. Kadang-kadang rakyat menganggap kerajaan membazir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Saya hendak habiskan ini.

Perayaan dan sambutan boleh diadakan dan memang ada yang membawa manfaat, tetapi saya ingin mencadangkan agar pihak swasta yang mendapat banyak keuntungan dilibatkan lebih dalam program seperti ini, manakala wang kerajaan digunakan lebih untuk pembangunan remaja dan belia dan masyarakat ramai. Sila, Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Maran. Setiu bercakap fasal belia, fasal baru balik dari Amerika. Yang Berhormat Maran saya hendak melihat pandangan Yang Berhormat Maran tentang sikap kementerian belia ini terhadap pembangunan belia itu sendiri. Cadangan demi cadangan telah dibuat di peringkat akar umbi. Berbagai-bagai peringkat, hatta Majlis Perundingan Belia Negeri, Majlis Perundingan Belia Negara juga membincangkan tentang bagaimana kita boleh menyunting apa juga bentuk elemen bagi membangunkan belia di negara kita pada hari ini untuk mengisi masa hadapan.

Hari ini kalau kita dapat lihat, bertahun-tahun kementerian telah bercerita tentang Akta Pembangunan Belia ini dan sampai ke sesi ini pun akta ini tidak boleh dibawa ke dalam Parlimen ini untuk diperbahaskan seterusnya diluluskan. Jadi dekat sini menampakkan seolah-olah pada kita dalam satu tangan, kementerian kata hendak bela orang muda fasal masa depan negara, tetapi dalam satu tangan yang lain dia bunuh belianya. Setuju tak Yang Berhormat Maran tentang perkara ini kita bercakap pemimpin belia negeri ini bercakap, cakap, cakaplah dekat PBB ke cakaplah dekat mana pun, tetapi tetap juga keadaan itu seolah-olah acuh tidak acuh dalam hendak menentukan belia yang sebenarnya, kata masa depan negara tadi itu. Hari ini dia dimomokkan dengan kata-kata manis, janji-janji manis sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat Maran tentang perkara itu? Saya dah bosan hendak bercakap ini. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tangga Batu saya bersetuju sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini telah kita bawa lama. Saya umpamanya sekarang dah jadi “beliwa”. Daripada belia yang muda jadi “beliwa” dan telah memperjuangkan belia ini cukup lama, walaupun saya tidak meletakkan 100 peratus kesalahan ini kepada kementerian belia, kerana tindakan susulan perlu dibuat bukan sahaja oleh kementerian bahkan oleh kerajaan, malahan banyak daripada cadangan-cadangan yang lain, bukan sahaja daripada kementerian belia bahkan di kementerian-kementerian lain yang kadang-kadang gagal kita laksanakan, kerana tidak adanya *follow up* dan *follow through* yang berterusan sama ada di peringkat kementerian ataupun di peringkat jabatan. Saya berharap cadangan yang diberikan oleh Tangga Batu itu akan diberikan perhatian oleh kerajaan bukan sahaja oleh kementerian belia sendiri, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua saya teruskan, saya juga ingin mencadangkan agar sektor-sektor itu kementerian-kementerian lain juga melihat kepada golongan ini dan bersama memberikan sokongan kepada mereka, dengan ini barulah peluang penglibatan kaum belia dan pelbagai sektor lebih luas. Saya ingin mencadangkan agar setiap kementerian mengadakan program khas kepada kumpulan belia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas kita pernah diperkenalkan dengan jawatan Pembantu Rakan Muda dan Pembantu Rakan Muda ini dilantik di peringkat Parlimen dan juga ADUN. Kini saya difahamkan jawatan pembantu ini telah pun ditiadakan. Di Parlimen saya umpamanya, saya telah berkenalan dengan seorang Pembantu Rakan Muda yang merupakan seorang bekas siswazah dan mempunyai peribadi dan personaliti yang baik yang sanggup menjalankan kerja pada bila-bila masa dan sekarang jawatan tersebut tidak ada lagi. Saya merasa kecewa dengan keadaan ini. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan dan kementerian dan saya kira kawan-kawan saya dari Ahli Parlimen bersetuju supaya kerajaan meneruskan jawatan Pembantu Rakan Muda ini, sama ada di peringkat Parlimen dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Bagi sekali, jangan lebih-lebih sangat.

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Petua, terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Saya setuju dengan cadangan itu. Tetapi lebih daripada itu, sebelum itu saya hendak kembali kepada pengiktirafan kepada kepentingan belia oleh semua pihak. Saya rasa tidak ada seorang pemimpin pun yang berkata bahawa belia itu tidak penting, malah sentiasa diwar-warkan, dihebahkan bahawa belia adalah generasi masa depan kita, tapi cakupnya itu tidak disusuli dengan tindakan.

Saya mengambil contoh dari segi koordinasi antara kementerian. Saya rasa kenyataan untuk semua atau seberapa banyak kementerian dan jabatan harus menyokong Kementerian Belia dan Sukan, membantu belia itu tidak memadai kerana sokongan itu ada dua. Biasa disebut sokongan moral, tetapi yang lebih penting daripada itu ialah sokongan material. Maksudnya ada projek-projek contoh, umpamanya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, perkataan usahawan itu boleh terus dikaitkan dengan belia, patut ada belia contoh, patut ada usahawan contoh daripada belia.

Begitu juga kalau dari segi Sabak Bernam, yang sangat jelas ialah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini boleh memainkan peranan yang khusus. Di Sabak Bernam, seorang belia dengan umpamanya mengusahakan tanah satu ekar atau dua ekar, pendapatan mereka boleh tidak kurang dari RM1,000 ke RM2,000 tetapi tidak ada pihak atau kurang sangat pihak untuk membantu belia-belia ini.

Dan yang ketiganya, dengan maaflah, ini pandangan ya. Yang ketiga ialah ramai mengatakan malah pihak kementerian sendiri menyatakan bahawa kebanyakan persatuan-persatuan belia lesu, tidak bermaya. Tetapi saya ingin bertanya, apakah usaha untuk membugarkan dan menyegarkan kembali persatuan ini? Saya berpandangan bahawa ini masalah yang selalu timbul. Pertama kepimpinan, yang kedua ialah kewangan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap dalam masa Yang Berhormat bagi Maran nampaknya.

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Sedikit lagi, yang terakhir. Ini saya rasa ialah supaya dapat Kementerian Belia dan Sukan sendiri mengatur supaya persatuan belia ini ada sumber pendapatan daripada projek ekonomi dia sendiri, jangan mengharap daripada pihak lain. Apa pandangan dari Yang Berhormat Maran? Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Tuan Yang di-Pertua bagi masa yang lebih kerana saya baik hati hendak bagi peluang sahabat-sahabat ini kerana idea mereka ini baik, Tuan Yang di-Pertua.

Saya bersetuju apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, bahkan kalau kita sendiri pun Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, kita tidak apa, kita ada gaji, kita ada pendapatan, tapi belia yang menjalankan kerja sukarela, dia sukarela. Kalau kita suruh dia buat kerja sukarela semata-mata duduk di pejabat, hendak bagi dia mampus? Dia pun perlukan pendapatan. Sebab itulah saya berharap, itu yang saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya kementerian memberikan perhatian. Kalau boleh ada satu bahagian di mana program itu khusus melibatkan belia, baru dia boleh bugar. Kalau tidak, dia akan sentiasa kurus kering. Sebab itu saya mencadangkan itu.

Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta sekali lagi supaya Penggerak Rakan Muda tadi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh, Yang Berhormat

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Minta maaf, sedikit lagi, saya beri kemudian. Penggerak Rakan Muda itu tadi dikekalkan dan supaya setiap Ahli Parlimen dan DUN mempunyai Penggerak Rakan Muda kerana mereka ini sebenarnya membantu kita dalam membantu kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, tentang belia juga? Saya bagi *last*, bolehlah, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pindah ke tajuk lain.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Saya tertarik pasal belia ini, sebab saya melihat kementerian di negara kita ini ialah Kementerian Belia dan Sukan, maknanya sama banyak antara belia dan sukan. Tetapi setiap kali menteri jadi Menteri Belia dan Sukan, semua orang akan ambil belah sukan yang banyak, sebab sukan ini dia *produce result*, jadi semua orang menumpu kepada sukan, sukan itu, sukan ini. Kepada belia, tidak ada penekanan. Sedangkan kata Ibnu Khaldun, "Bangsa ada tiga generasi. Generasi yang pertama ialah generasi yang membawa kepada kemerdekaan, generasi kedua ialah generasi yang menikmati kemerdekaan, generasi yang ketiga ialah generasi yang akan mempertahankan kemerdekaan itu". Generasi ketiga ini jika tidak dibela, maka kemerdekaan itu akan hilang. Maknanya ini belia.

Sayidina Ali berkata, “Umat yang tidak membela dan tidak memberikan pendidikan, penekanan yang wajar kepada belianya adalah umat yang tidak ada masa depan”. Nik Aziz, Menteri Besar Kelantan, dia faham masalah ini, dia tahu belia adalah masa depan dia, sampai dia sanggup bawa Mawi, *quote* percakapannya di Pasir Puteh, “Kita bukan nak makan katak, kita nak makan ikan haruan. Oleh kerana ikan haruan itu suka makan katak, maka kita gunakan katak sebagai umpan”. Mawi itu katak rupanya, belia itu haruan. Apa komen Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Yang Berhormat bagi Ketereh bersetuju dengan Nik Aziz? Tidak ya? Terima kasih. *[Ketawa]* Barisan Nasional!

Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau golongan ini tidak dibela, sebenarnya saya sudah sebutkan di awal tadi bahawa golongan inilah, kaum belia inilah masa depan negara. Bukan sekadar menjadi harapan, tetapi masa depan negara. Kalau kita tidak bela mereka, sudah tentulah masa depan negara kita akan hancur. Terima kasih.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sabah ini, serba salah juga. Saya minta Tuan Yang di-Pertua bagi saya lebih masa..

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin *quote* balik hujah saya di Dewan ini iaitu menggesa kerajaan supaya kementerian ini diasingkan iaitu kementerian yang menguruskan belia lain, kementerian yang menguruskan sukan lain, dipecahkan. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju, sebab sehingga hari ini kita gagal menangani isu belia, di mana kejayaan belia kita iaitu belia kita menjadi penagih dadah bertambah dari masa ke semasa. Contohnya dulu pusat serenti kita cuma tiga, sekarang sudah tiga puluh lebih, itu kejayaan kita. Dalam industri sukan pun kita menurun. Dua-dua tidak ada. Jadi mungkin kalau dipecahkan kepada dua, baru kita ada kemajuan. Contohnya bola sepak, sampai hari ini memang tidak ada jugalah, tidak ada kemajuan. Apakah Yang Berhormat setuju supaya kerajaan mempertimbangkan kementerian ini dipecahkan kepada dua, iaitu belia lain dan sukan lain. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya ada dua keadaan. Yang pertama saya bersetuju, kalau betul kajian dibuat dan kita rasa positif bahawa pecahan itu adalah baik. Yang kedua, mungkin tidak perlu pecah pun tidak apa. Walau pun kita ada belia dan sukan, tetapi kita hendak supaya belia itu dimartabatkan dan sukan itu dimartabatkan. Sekarang saya tengok Tuan Yang di-Pertua, sukan kita orang lain yang dapat nama. Bukan saya hendak usik Yang Berhormat bagi Larut, tidak! Bola sepak umpamanya, yang mempopularkan negara kita orang luar, bukan bangsa kita sendiri. *[Disampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sekejap, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Pada saya itu sahaja, tidak perlu pecah dan kalau kita rasa bahawa kita boleh membina negara kita dan imej negara kita melalui belia dan sukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak banyak masa, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Saya bagi *last* itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. Memang Tuan Yang di-Pertua, di sini walau pun tak banyak masa, sebagai hormat menghormati kawan, minta laluan selalu kita bagi, ini kita sebagai satu pasukan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, menteri biasa kata dalam surat khabar, peruntukan tidak cukup, peruntukan tidak cukup, jadi apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan memperuntukkan banyak lagi peruntukan kepada belia ini. Belia ini, Tuan Yang di-Pertua, dia stamina lebih, dia *power* lebih, bila dia tak ada aktiviti, *current* lebih, dia kelam-kabut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tanya dengan Yang Berhormat bagi Maranlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, sebab itu Yang Berhormat bagi Maran setuju tak, kerana belia ini tidak ada tempat hendak pergi, kadang-kadang rumah pangsa, tempat hendak beriadah tak ada, dia *current* lebih dalam badan, tenaga lebih, itu yang dia naik motor tayar angkat, dia naik basikal tayar angkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kerajaan peruntukkan lebih sedikit? Kemudian pasukan bola ini, di sebelah kampung saya, hendak pemain banyak mana, saya boleh bawa keluar - main bola dalam bendang, rumput pun tidak ada, itu pun memang. Jadi kita dok import buat apa? Kita ambil hak *local*, *polish* hak *local* jadi yang terbaik, macam Yang Berhormat bagi Sri Gading kata. Jadi Yang Berhormat setujuakah dengan saya supaya kerajaan tambah duit Kementerian Belia dan Sukan, pertingkatkan lagi martabat belia, jaga belia kita elok-elok supaya negara kita menjadi negara ini yang maju di masa akan datang.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai, bukan kerana *current* itu kuat pada belia ini dan bukan kerana menterinya wanita, tidak, tetapi kita rasakan bahawa belia itulah masa depan negara, itu sahaja. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya hendak kembali kepada tempat yang lain, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Hai, payahlah macam ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Saya tertarik dengan Yang Berhormat bagi Maran sebab Yang Berhormat bagi Maran sebelum jadi ahli politik adalah seorang pegawai tadbir. Saya hendak tanya apakah pengalaman semasa menjadi pegawai tadbir, iaitu langkah-langkah yang telah dimainkan oleh pentadbiran, khususnya di kawasan Maran untuk mendekatkan lagi belia ini dalam masalah sosial, masalah rakan muda, masalah-masalah yang menghimpit mereka. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Larut, kalau kita lihat peranan jabatan banyak. Saya lebih kurang 25 tahun dengan jabatan kerajaan. Oleh sebab saya terlalu hampir dengan belia maka sudah tentulah semasa saya memegang di jabatan kerajaan sebahagian daripada program-program itu kita melibatkan belia. Kerana kita merasakan bahawa mereka ini adalah masa hadapan kita, kalau kita tidak ada pun mereka akan pergi, mereka akan mengambil alih tempat kita. Jadi tidak ada tempat lain yang kita hendak

curahkan jasa kita dan peranan kita kecuali kepada belia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kerajaan melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana terus membela nasib masyarakat luar bandar melalui peruntukkan yang agak besar dalam Belanjawan 2006 untuk sektor luar bandar buktikan hakikat ini. Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang pernah terlibat dengan kerajaan dan pembangunan luar bandar lebih 20 tahun, saya melihat tahap pemahaman fizikal dan mental masyarakat berkenaan tidak seimbang. Kemudahan-kemudahan fizikal yang disediakan oleh kerajaan boleh dibanggakan walaupun masih perlu dipertingkatkan tetapi Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa program kerajaan yang membuatkan pembinaan sikap negatif rakyat.

Program PPRT umpamanya, yang dahulu semasa 80-an kita panggil (RPK) Rancangan Pemulihan Kampung, yang saya juga terlibat sehingga kita panggil program ini sebagai Rancangan Pening Kepala, umpamanya telah membuatkan sebahagian masyarakat ingin menjadi miskin, semata-mata ingin mendapatkan kewangan dan bantuan kerajaan. Si anak tidak lagi bertanggungjawab untuk membela ibu bapa mereka tetapi merelakan ibu bapa menjadi miskin hanya untuk mendapatkan bantuan PPRT kerajaan, walaupun mereka mempunyai kemampuan. Keadaan ini telah menimbulkan berbagai-bagai masalah dalam pelaksanaan program seperti ini. Banyak lahir rasa tidak puas hati, si berada mendapat bantuan sementara si miskin sering tersisih, tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa semakin rapuh.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mempercepatkan semula pertumbuhan dan pembangunan kawasan Parlimen Maran serta kawasan sekitarnya, termasuk sebahagian parlimen Kuala Kurau, Temerloh.....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, hendak beri jalan kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat?

Dato' Razali bin Ismail: Sekejap, satu sedikit, pendek sahaja ini. Kalau tidak terlepas.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tentang apa ini?

Dato' Razali bin Ismail: Iaitu tentang PPRT, disebutkan tadi itu.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sila, sila, sahabat saya.

Dato' Razali bin Ismail: Apakah Yang Berhormat bagi Maran mencadangkan supaya polisi kita dan dasar ke atas subsidi ini disemak semula. Sebab apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu gejala-gejala buruk dan kesan-kesan negatif akibat daripada pergantungan kepada subsidi itu, lebih-lebih lagi sekarang ini minyak kita, subsidi yang begitu parah sekali. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang ini, apakah perlu disemak semula tentang dasar-dasar subsidi ini?

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, saya bersetuju dan saya rasa terlalu banyak pengalaman saya dalam program ini. Bahkan saya kira bukan setakat sekadar di kaji semula dari segi polisi itu bahkan dari segi pelaksanaannya. Saya ambil contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya juga terlibat sebagai Pengarah Jabatan Orang Asli, kita ada Akta 134 bagi masyarakat Orang Asli dan sehingga kini kita menganggap masyarakat Orang Asli ini masih ketinggalan.

Di antaranya saya pernah menyebutkan bahawa di antara sebab yang menyebabkan sebahagian masyarakat Orang Asli tertinggal ialah kerana mereka mempunyai peruntukan khas yang mana dari segi subsidi terlalu tinggi. Sebab itulah andai kata orang Melayu juga mempunyai aktanya sendiri dan orang Cina juga mempunyai akta sendiri dan saya kira mungkin perkara yang sama akan berlaku. Tetapi kita tidak boleh menyalahkan akta ini kalau betul-betul pihak kerajaan dan pihak pentadbir melaksanakan kerja dan mengkaji supaya dasar dan akta tersebut dapat dilaksanakan secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan ucapan perbahasan saya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tolong habiskan ucapan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Bagi mempercepatkan semula pertumbuhan dan pembangunan kawasan Parlimen Maran....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh bangun, hendak beri jalankah, Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Minta maaf, tidak ada masa sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Serta kawasan sekitarnya termasuk sebahagian Parlimen Kuala Krau, Temerloh, Bera, Rompin dan Pekan. Saya ingin mencadangkan sekali lagi agar agensi-agensi pembangunan wilayah seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (IKWJ), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan IADP ataupun Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu yang telah dibubar dapat diwujudkan semula walaupun dalam bentuk yang berlainan tetapi membawa fungsi yang sama.

Sebenarnya banyak perancangan-perancangan yang dibuat oleh agensi-agensi tersebut tidak dapat dilaksanakan sebelum mereka dibubarkan. Sebagai contoh, Kawasan Industri Simpang Tajau telah terbiar dan tidak dapat dibangunkan, para peniaga mengeluh kerana perniagaan tidak mendapat sambutan. Saya telah mencadangkan agar beberapa institusi pendidikan seperti kolej komuniti, Maktab Rendah Sains MARA atau lain-lain institusi dapat dibina untuk menarik lebih ramai penghuni tetapi tidak mendapat respons yang baik daripada kerajaan.

Daerah Maran sudahlah tidak termasuk dalam zon pelancongan negara dan dikatakan dalam zon pusat pendidikan tetapi realitinya, sebenarnya tidak juga mendapat perhatian. Saya meminta Kerajaan Persekutuan memberikan perhatian dan saya yakin kerajaan negeri mengalu-alukannya. Saya bimbang Pekan dan Bandar Maran menjadi terasing apabila Lebuhraya Pantai Timur siap nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kaum bumiputera Melayu, bumiputera dari Sabah dan Sarawak serta orang-orang Asli dan sebahagian besar masyarakat India di estet-estet masih ketinggalan hidup mereka. Secara jujur dan ikhlas saya katakan bahawa rata-rata masyarakat Cina mempunyai taraf hidup yang lebih baik dan berjaya. Dalam mencapai hasrat perpaduan dan keseimbangan ekonomi antara kaum, saya ingin mencadangkan agar kerajaan menubuhkan satu institusi atau panel pemikir antara kaum yang terdiri daripada pelbagai kaum. Pertama kaum Cina yang telah berjaya agar mereka secara ikhlas membimbing dan membantu membawa kepada kejayaan saudara-saudara mereka dari kaum-kaum yang lain. Saya kurang pasti, sama ada ia boleh direalisasikan. Tidak ada apa yang mustahil jika semua dilakukan dengan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu lagi perkara iaitu masalah tanah. Walaupun masalah tanah ialah masalah negeri tetapi saya mendapat maklumat banyak daripada tanah-tanah di negara kita ini telah diteroka secara haram.

Saya ingin meminta kerajaan mendapatkan dan memberikan data yang lengkap. Berapa luaskah tanah-tanah yang telah diteroka secara haram yang melibatkan kerugian bukan sahaja kepada kerajaan tetapi kepada rakyat jelata yang sepatutnya boleh memohon untuk mendapatkan tanah.

Saya juga mendapat aduan daripada masyarakat Orang Asli bahawa kawasan-kawasan perkampungan mereka juga diceroboh oleh orang asing. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan kerugian kepada mereka tetapi mendatangkan masalah yang lebih besar sehingga kepada perpecahan, pergaduhan dan pernah suatu ketika kita mendengar satu insiden pembunuhan berlaku melibatkan Orang Asli dan masyarakat luar.

Saya ingin minta kerajaan supaya mengkaji semula perkara ini dan memberikan perhatian yang serius supaya pembangunan tanah di negara kita ini akan dapat dimajukan dengan sebaik mungkin. Faedah-faedah yang lebih besar akan dapat diterima oleh masyarakat luar bandar yang masih ketinggalan, sama ada dari kaum bumiputera Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, Asli dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan meletakkan keyakinan bahawa matlamat boleh dicapai jika kita bersungguh-sungguh maka saya mohon menyokong cadangan Belanjawan 2006. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

12.58 tgh

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak apa, tidak apa 20 minit sahaja. [*Dewan menjadi riuh seketika*] Tuan Yang di-Pertua, saya bangun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat teruskan ucapan, jangan hiraukan mereka, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya tidak hiraukan mereka.

Seorang Ahli: Ya, teruskan, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan bajet ini dengan harapan bahawa Yang Amat Berhormat akan mewujudkan satu wawasan yang jelas. Tidak wujud itu Wawasan 2020 sahaja, itu yang lama sudah. Dengan harapan bahawa Yang Amat Berhormat akan wujudkan

wawasan yang jelas terutamanya ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Bajet ini merupakan satu *interim budget* sahaja, Yang Amat Berhormat cuba mengurangkan defisit kepada 3.5 peratus dan pada tahun 2006 cadangan RM136.8 bilion di dalam bajet ini dengan hasil RM115.5 bilion dianggarkan, bererti defisit masih RM21 bilion. Saya berharaplah tahun hadapan pun dia ada usaha untuk mengurangkan. Sekarang ekonomi adalah muram walaupun pertumbuhan disebutkan sebagai 5 peratus untuk tahun ini dan 5.5 peratus untuk tahun hadapan. Yang menggalakkannya ialah seumpama peruntukkan RM29 bilion untuk pendidikan dan latihan yang merupakan satu perlima.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong, sambung petang.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, sambung, saya tidak akan memaksa.

Beberapa Ahli: Gulung, gulung sahaja. *[Dewan riuh seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

\$
 \$

Mesyuarat disambung semula jam 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mertajam.

2.32 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang untuk berucap.

Beberapa Ahli: Kepong

Puan Chong Eng: Kepong belum sampai lagi, tak apa. Tuan Yang di-Pertua.....*[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: Ya!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah sebenar Yang Berhormat bagi Kepong sekarang ada dalam *traffic jam*, setengah jam tidak boleh bergerak tetapi Yang Berhormat Bukit Mertajam ada peluang juga, baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Order.* Yang ini hak Tuan Yang di-Pertua bukan hak Ipoh Timur untuk menentukan

Tuan Lim Kit Siang: Sudah bagi, sudah bagi.

Puan Chong Eng: Sudah bagi.

Tuan Lim Kit Siang: Sudah bagi. Sudah bagi.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah memberi imbuhan kepada kakitangan kerajaan untuk tahun ini. Kita pun sokong kepada kakitangan yang telah menyumbang selama sepanjang tahun ini, mereka yang bekerja keras mereka yang berkesan, mereka yang mempunyai prestasi yang tinggi.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya juga adakah semua kakitangan akan dapat tidak kira sama ada mereka yang di *investigate under anti-corruption* seperti ada seorang pegawai di Majlis Perbandaran Ipoh yang sekarang disiasat oleh SCA adakah pegawai seperti ini akan juga diberi imbuhan dan juga ada pegawai di mana seperti siapakah yang bertanggungjawab untuk hospital yang diberi saman oleh Pejabat Kementerian Kesihatan kerana tempat kawasan hospital dan kawasan sekolah telah menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

Siapakah yang sepatutnya bertanggungjawab, kakitangan yang mana. Adakah kakitangan seperti ini juga akan diberi imbuhan dan juga ada seorang sekurang-kurangnya ada seorang guru yang telah didakwa mencabul kehormatan muridnya. Adakah kakitangan seperti ini juga diberi imbuhan dan juga ada seorang pegawai dari Antidadah Agensi yang dimarahi oleh Timbalan Menteri kerana tidak hadir walaupun telah janji akan hadir untuk mengambil bahagian dalam aktiviti antidadah. Adakah pegawai seperti ini juga akan diberi imbuhan?

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau kakitangan-kakitangan seperti ini juga akan diberi imbuhan jadi sudah menjadi tidak ada makna kepada imbuhan kerana imbuhan ini ialah untuk mengiktiraf sumbangan kakitangan yang berkesan yang sudah prestasi baik. Kalau seorang pekerja itu bekerja atau tidak kerja pun akan terus mendapat imbuhan jadi saya rasa ini akan menggalakkan satu budaya semua bersama-sama tidak payah kerja.

Sekarang kerajaan telah pun telah menghadapi masalah yang besar dikatakan *delivery system* di mana di Johor Bharu dikatakan SRJK (C) kalau kekurangan guru pihak kementerian ataupun Jabatan Pendidikan Negeri tidak mahu mengupah guru sandaran untuk sekolah itu, itu tidak apa. Pihak PIBG mengatakan mereka akan mengupah, mereka akan mencari duit cari gaji untuk mengupah guru sandaran dan dikatakan tidak boleh. Adakah ini patut? Kerajaan sudah tidak mahu memikul tanggungjawab untuk mengupah guru untuk SRJK (C) dan sekarang lagi dia kata kalau awak mahu keluarkan duit sendiri pun tidak boleh upah. Adakah ini patut dan adakah ini kalau ini bukan polisi kerajaan jadi siapa yang bertanggungjawab? Siapa yang sepatutnya bertanggungjawab untuk keputusan seperti ini dan kakitangan yang membuat keputusan seperti ini patutlah didisiplinkan dan tidak boleh diberikan imbuhan seperti ini dan mesti dikenakan tindakan tatatertib.

Keadaan yang serupa juga dikatakan berlaku di Pulau Pinang. Saya hendak tanya sama ada MCA akan boleh sokong saya di sini bahawa ini adalah polisi ataupun penyelewengan yang patut diambil tindakan serta-merta. Kalau tidak dia hanya akan mengakibatkan masyarakat China akan berpendapat bahawa kerajaan betul-betul tidak mengambil berat tentang keadaan mereka.

Pegawai di Jabatan Insolvency Malaysia, adalah mereka juga akan diberi imbuhan? Saya ada aduan di sini bahawa di Mega Mall, Pulau Pinang mengatakan mereka telah menulis beberapa surat kepada Jabatan ini dan tidak ada jawapan langsung. Ini adalah seperti apa yang dikatakan oleh Bintulu tadi. Ini bukan sahaja aduan dari pihak di sini, pihak kerajaan telah beberapa kali membuat aduan juga tentang *dilevery system*. Tetapi kalau kita, kerajaan tidak enggan mengadakan satu sistem budaya yang bertanggungjawab kita akan terus menghadapi masalah seperti ini. Ini adalah dikatakan oleh dengan izin *Auditor General* Tan Sri Hadenan Jalil di mana ia mengatakan yang sangat penting ialah kita mesti dengan izin *naturing of the culture of responsibility* kerana pada waktu sekarang kakitangan atau pegawai kerajaan yang tidak bertanggungjawab, dia tidak dihukum, dia tidak di *punish* tetapi hanya di *transfer*, dia ditukarkan ke tempat lain. Saya hendak tanya kalau seorang guru yang dikatakan telah mencabul kehormatan muridnya, kalau dia hanya ditukar ke tempat lain adakah ini akan menyelesaikan masalah ataupun dia hanya menukar tempat bermasalah sahaja.

Guru ini pergi ke tempat lain, adakah dia juga akan berbuat demikian? Jadi saya, saya harap kerajaan akan serius dengan mengatakan nak memperbaiki sistem pencapaian dengan mengadakan *culture of the responsibility* supaya siapa yang membuat salah, siapa yang membuat keputusan yang tidak baik, siapa yang terlibat dalam rasuah, dia harus dihukum supaya orang lain tidak terikut-ikut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga memberi insentif ataupun bantuan kepada kumpulan-kumpulan yang lemah, yang kurang upaya, seperti orang yang kurang upaya, orang tua, warganegara yang tua. Saya menyambut baik langkah seperti ini kerana dia bukan menolong orang yang kaya menjadi lebih kaya, tetapi dia hendak menolong orang yang miskin supaya boleh meningkatkan taraf kehidupannya. Tetapi ada satu golongan, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kerajaan telah tertinggal dalam bajet ini iaitu kumpulan *transsexual* iaitu mereka yang telah menukar jantina mereka, sudah menjalankan operasi dan sudah diiktiraf oleh doktor. Dulu mereka adalah lelaki, tetapi sekarang ini adalah wanita. Tapi kerajaan tidak membenarkan mereka menukar kedudukan ini di dalam kad pengenalan (IC) mereka. Ini akan menimbulkan masalah kepada mereka. Apabila pergi mencari kerja macam mana dia ini lelaki tetapi dilihat dia ini wanita?

Ada yang lebih serius lagi, kalau mereka dicabul kehormatan, kalau mereka dirogol, dalam undang-undang kita sekarang, mereka tidak boleh mengadu, kerana dalam undang-undang, statusnya adalah masih lelaki. Jadi saya rasa, orang-orang kumpulan seperti ini, bukan mereka yang buat pilihan seperti ini. Kalau kita percaya kepada Tuhan, ini adalah takdir! Jadi, saya rasa, kita perlulah bersimpati dan berperikemanusiaan kepada golongan seperti ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan..

Puan Chong Eng: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tadi Yang Berhormat bercakap kalau kita percayakan kepada Tuhan, takdir! Tetapi Allah Taala telah mentakdirkan dia dilahirkan sebagai seorang lelaki tetapi perwatakan wanita. Dia selalu macam tu. Yang Berhormat bagi Kepong, Kepong mai lambat buat terkejut pulak dah!

Puan Chong Eng: Jadi, jadi, jadi, jadi..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, Allah Taala mencipta manusia, makhluk dilahirkan sebagai lelaki. Dia ada perkakas semua. Tetapi ditakdirkan perwatakan dia, dia punya perwatakan dia jadi wanita.

Puan Chong Eng: Okey, sudah fahamlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:Jadi wanita, jadi kalau dia pi *operate*, dia pi buang dan jadi seorang wanita, jadi ini dari segi agama kita, ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, tak boleh.

Puan Chong Eng: Saya faham sudut yang dipandang, persepsi Yang Berhormat bagi Jerai, iaitu kita perlu tahu juga pada masa sekarang adalah berlainan dengan masa dulu. Dulu tak ada *loud speaker* jadi, azan pun tidak melalui *loud speaker*. Sekarang ini perubahan sudah begitu maju, dan mereka boleh pilih apakah kehidupan yang mereka ingin teruskan. Jadi, saya rasa kita perlu hormat kepada pilihan seseorang itu. Kita bukan dia, kita tak faham masalah yang dia hadapi.

Jadi, kalau ini katakan orang Muslim ada masalah, tapi orang yang ini bukan Islam, dan mereka pun menghadapi masalah yang sama. Saya hendak menyeru kepada kerajaan, berasaskan kemanusiaan, berasaskan ini katakan Tuhan Maha Sayang, kita perlu lah juga menyayangi golongan seperti ini. Saya menyeru supaya kerajaan membenarkan asasnya ada perakuan dari doktor yang mereka sudah menukar jantung mereka. Mereka dibenarkan tukar kedudukan di dalam IC mereka.

Ada satu golongan yang tidak diambil berat ialah pekerja seks ataupun dikatakan pelacur. Saya rasa golongan ini pun bukan sesiapa ada pilihan. Tidak akan memilih pekerjaan ini. Dan walau pun kita semua ingin masyarakat kita tidak mempunyai golongan seperti ini, tapi dari dulu-dulu sampai sekarang dan selamanya, golongan ini akan wujud di dalam mana-mana masyarakat juga kerana ini adalah satu keperluan di dalam masyarakat manusia.

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Tuan Yang di-pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebab Tuhan yang maha sayang tadi, sebenarnya dalam aspek hendak tukar jantung ini tidak boleh, sebab Allah jadikan lelaki, jadikan perempuan, kita perlu bersyukur, kita lelaki, kita perempuan. Walaupun dia berwatak perempuan, lelaki tetapi berwatak perempuan, jalan melenggang-lenggok, tapi dia tak boleh tukar jantung dia. Ditegah dalam hukum.

Jadi, walaupun kita simpati dengan mereka ini, kerana dunia moden YB kata tadi, apakah setuju dengan pandangan saya, walaupun dunia moden, semoden-

moden mana pun, kalau kita lelaki, jangan tukar jadi perempuan, perempuan jangan tukar jadi lelaki. Nanti kiamat cepat. Kita tak dan nak berniaga.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya rasa kita masing-masing mempunyai kepercayaan dan kita masing-masing mempunyai nilai. Saya rasa kita perlu hormat pilihan seseorang individu. Kalaulah Yang Berhormat bagi Pasir Puteh di dalam keadaan itu, dia mungkin akan berpegang kepada agama dia.

Tetapi ada orang lain, dia ingin memilih yang lain. Kita bukan semua sama. Jadi saya rasa kita perlu hormat pilihan individu, dan jangan kita mengatakan kita tak akan buat begini, jadi orang lain tidak boleh buat begini. Saya rasa ini, dia ini adalah dalam era yang menghormati, menghormati...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, sikit.

Puan Chong Eng: nanti, nanti, nanti, nanti

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak, pasal..

Puan Chong Eng: Menghormati ah..ah..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: pasal operation

Puan Chong Eng: *Human rights*, hak asasi,

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini hak asasi lah

Puan Chong Eng: Nanti, nanti

Tuan yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti, nanti lah..

Puan Chong Eng: Jadi saya akan balik kepada pekerja seksual. Ini adalah satu masalah atau pun satu gejala yang kita tak dapat menghapuskan semuanya. Jadi saya rasa, lebih praktikalnya ialah untuk mengawal dengan lebih berkesan. Sampai hari ini kita tak ada angka ada berapa orang pekerja seksual di dalam negara kita dan kita sering lihat ada wanita-wanita di negara yang lain, dari China, dari Indonesia, dari Vietnam, dari merata-rata mereka kata mereka ditipu ke sini dan dipaksa menjadi pelacur.

Negara Malaysia kita ini telah jadi satu negara untuk menyeludup untuk *trafficking woman* dan menjadi satu *center* untuk *transfer*. Saya rasa ini tidak baik kepada kita. Walau pun kita tidak mahu, tetapi ia wujud juga. Jadi saya rasa kalau kita nak membendung masalah seperti ini, kita patutlah mencari punca sebabnya mengapa wanita-wanita ini dapat senang masuk ke dalam negara kita. Mengapa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat...

Puan Chong Eng: Nanti, nanti, nanti

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Pasal seksual.

Puan Chong Eng: Yang Berhormat bagi Jerai, okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Okey, sebenarnya ahli Yang Berhormat, kita tahu. Kalau kita tanya setiap wanita, mahukah awak jadi pelacur? Sudah tentu tidak ada wanita yang mahu jadi pelacur, kerana ini adalah satu perbuatan yang hina, terkutuk kecuali dia ini kalau *sex maniac* dia hendak sangat, yang itu lain cerita. Jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kita kena hentikan benda-benda macam ini supaya kita bagi peluang pekerjaan lain, alternatif kepada mereka, membimbing mereka dan memang kerajaan tidak boleh hendak menyekat kerana dia orang sebagai *tourist* tetapi dia terlibat dalam kes ini kerana ada kumpulan-kumpulan bawa masuk. Jadi, kalau kita tanya seorang wanita, tidak ada wanita yang mahu.

Puan Chong Eng: Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Cuma lagi satu, saya hendak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat kata tadi laki-laki boleh tukar jadi wanita, okey itu saya boleh terima, tetapi suara macam mana? Adakah dengan peralatan moden suara boleh tukar?

Puan Chong Eng: Saya rasa itu bukan masalah kita. *[Ketawa]* Itu adalah masalah kepada orang yang hendak menjalankan operasi itu. Saya rasa kalau kita bersimpati kepada mereka, kalau mereka melayan seperti seorang manusia, tidak kira dia suara macam mana. Kita hormat dia seperti seorang manusia. Saya ingin mengatakan, saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Jerai, tetapi itu bukan senang satu langkah seperti ini boleh menyelesaikan masalah semua. Itu tidak. Jadi saya rasa, kita perlu melihat masalah ini lebih rasional. Seperti kita sekarang telah bersetuju untuk memberi jarum kepada penagih dadah dan memberi kondom kepada mereka supaya mengurangkan daripada merebaknya HIV. Jadi saya harap, kerajaan boleh lebih terbuka dan rasional juga untuk memberi bantuan kepada kumpulan pekerja seksual.

Saya rasa apa yang kita buat sekarang iaitu selalunya hanya tangkapan dibuat atas pekerja seksual ini, tetapi tidak ada ke atas pelanggan mereka. Saya rasa kalau kita hendak katakan ini adalah satu aktiviti yang tidak baik, kita perlu mengawal juga *demand*, dari segi *demand*. Tetapi saya lebih penting lagi, kita mesti kawal

penyebaran HIV dan juga penyakit-penyakit yang lain kerana sekarang dikatakan suri rumah tangga yang menghadapi HIV positif lebih ramai berbanding dengan pekerja seksual. Ini telah menunjukkan penyebaran HIV adalah melalui *heterosexual*, melalui suami isteri dan saya rasa kalau ini telah masuk kepada kumpulan wanita di rumah, ini akan menjadi satu *pandemic* dan kita mesti bertindak sebelum parah. Jadi saya harap semua Ahli Parlimen akan lebih terbuka minda untuk mengambil tindakan yang mungkin lebih drastik, lebih berkesan untuk membendung masalah seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik bahawa kerajaan telah memberi imbuhan *tax*, pelepas cukai kepada anak yang kurang upaya pergi ke universiti. Tetapi saya rasa ini tidak cukup. Bukan ramai kanak-kanak yang kurang upaya boleh sampai takat universiti. Saya rasa segelintir sahaja, boleh dikira dengan jari. Jadi saya rasa, kalau satu keluarga mempunyai seorang anak kurang upaya, ini menjadi beban yang sangat besar kepada keluarga itu, khasnya kalau keluarga ini berpendapatan rendah. Saya rasa adalah lebih realistik, kalau kerajaan memberi *tax rebate*, pelepasan cukai kepada keluarga semua keluarga yang mempunyai seorang ahli yang kurang upaya, mungkin RM10,000. Saya rasa RM5,000 pun tidak cukup. Kalau keluarga itu mempunyai seorang kanak-kanak ber'*autistic*', salah seorang ibu bapanya tidak dapat bekerja kerana dia memerlukan penjagaan yang sepenuh masa. Selalunya ibunya terpaksa berhenti kerja untuk menjaga anak-anak ini dan pendapatannya akan terjejas. Bagi budak *autistic*, dia memerlukan latihan.

Tetapi pada waktu sekarang ramai ibu bapa tidak tahu lagi apa itu penyakit *autistic*. Mereka tidak dapat mengenal pasti (*identify*) *symptom-symptomnya* semasa kecil, tetapi mengenal pastinya sewaktu kecil adalah sangat penting kerana lebih awal dia dikenal pasti, lebih awal diberi latihan, lebih baik peluangnya, dia kan pulih. Jadi saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan mesti mengadakan satu mekanisme di dalam semua klinik yang memeriksa kanak-kanak kecil supaya mengenal pasti *symptom* penyakit ini. Yang kedua, banyak sekolah bukannya tempat yang mesra untuk kanak-kanak kurang upaya. Saya ada satu kes dikatakan, dia tidak dapat menjaga diri anak dia lapan tahun. Ibunya setiap hari mesti bawa dia ke sekolah, apabila masa rehat bawa dia ke tandas. Ibu kata, tahun depan kelas dia akan ditingkatkan di tingkat 2 atau tiga. Kalau pihak sekolah tidak faham keperluan budak kurang upaya seperti ini, dan setiap kali perlu dihebohkan melalui media, barulah diambil tindakan.

Saya rasa, kerajaan perlu mengarahkan semua guru besar, supaya menyediakan semua kemudahan infrastruktur untuk budak-bidak yang kurang upaya supaya sekolah ini memberi peluang yang sama kepada kanak-kanak yang kurang upaya. Pada waktu sekarang, kerajaan mengharapkan bahawa memberi RM5,000 untuk anak yang pergi ke universiti, dan orang-orang yang kurang upaya ini boleh berdikari. Mereka.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tinggal tiga minit lagi.

Puan Chong Eng: Masih ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit lagi.

Puan Chong Eng: Tiga minit? Saya rasa adalah perlu kita mengadakan satu *environment* yang tidak ada halangan kepada orang kurang upaya. Ini kerajaan tempatan mesti melaksanakan *by-law* dia supaya semua bangunan tidak kira di swasta atau kerajaan, dia mesti tidak ada halangan untuk orang yang kurang upaya, khususnya di sekolah, di universiti, di hospital, di padang, di *shopping complex*, di *cinema*. Kalau kita tidak ada *environment* sepatutnya ini, saya rasa RM5,000 satu tahun untuk anak yang kurang upaya, pergi ke universiti, ini adalah merupakan upaya yang sangat tidak cukup, dan ia tidak boleh jadi. Golongan ini akan terus bergantung kepada orang lain, tidak boleh berdikari, dan mereka tidak mempunyai peluang pendidikan yang saksama, peluang pekerjaan yang saksama. Jadi saya merayu supaya kerajaan lebih sensitif kepada keperluan dan bukan semata-mata kata sahaja bahawa kerajaan ini ialah masyarakat penyayang, kerajaan penyayang. Tetapi pada tindakannya ia jauh ketinggalan kalau berbanding dengan cakupannya. Saya harap kerajaan cakap serupa bikin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Putatan.

2.59 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Cik Fong Po Kuan: Sebelum itu peraturan mesyuarat. Maaf ya Yang Berhormat bagi Putatan, peraturan mesyuarat sekejap. Peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya hendak minta penjelasan, apakah ia telah menjadi satu peraturan dalam Dewan bahawa petugas-petugas di dalam Dewan ini diwajibkan untuk memakai tudung, tudung kecil. Saya hendak minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya memandang perkara ini serius, sebab itu saya bangkit dan meminta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini pertama kali perkara ini dibangkitkan dalam Dewan ini. Pada pendapat saya tidak diwajibkan, tetapi mereka memilih untuk berbuat demikian. Kalau mereka memilih untuk berbuat demikian, tidak ada apa yang kita boleh buat. Sila, Putatan.

3.00 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersyukur dan berterima kasih kerana diberi peluang untuk turut berbahas ucapan Bajet 2006, yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi Perdana Menteri Malaysia pada 30 September yang lalu.

Dalam kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin bagi pihak rakyat di Sabah khasnya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan disertai dengan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana telah memperuntukkan jumlah yang terbesar pada negeri Sabah iaitu RM2.3 bilion, yang bagi maksud pembangunan seperti perbekalan, pembinaan jalan, penyediaan bekalan air, elektrik serta projek-projek pendidikan dan kesihatan.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, jika kita tinjau apa projek yang akan dilaksanakan di Sabah, yang terbesar akan menelan belanja hanya beberapa projek-projek yang tertentu sahaja termasuklah dalam peruntukan ini, iaitu projek pembesaran airport di Kota Kinabalu yang lama sudah kami tunggu dan kami berterima kasih. Projek ini yang mungkin menelan belanja hampir RM1 bilion, Projek Kalabakan - Sipitang, Projek UMS, Projek Pembesaran Hospital Queen Elizabeth dan Projek Pembaikan Pulih Trek Kereta Api Negeri Sabah, iaitu saya rasa menelan belanja berbilion. Jadi soalan saya di sini Tuan Yang di-Pertua, berapalah jumlah yang tertinggal itu tidaklah begitu cukup untuk pembangunan-pembangunan luar bandar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan lagi hujah saya dengan beberapa isu didahului dengan isu-isu nasional. Kita telah timbulkan soal penyampaian oleh pihak agensi kerajaan ini sungguh membimbangkan dan rasa sedih. Setiap hari kita mendengar keluhan-keluhan dan rintihan-rintihan sama ada daripada rakyat mahupun di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa sistem penyampaian yang ada pada hari ini amatlah menjijikkan, dan ini jelas terbukti dengan kelemahan agensi kerajaan melaksanakan program-program pembangunan.

Ini jelas dapat kita lihat dalam Laporan Audit Negara Tuan Yang di-Pertua. Di Sabah misalnya hanya kurang daripada 70% program pembangunan yang telah diluluskan. Bagi Rancangan Malaysia Kelapan yang berjaya dilaksanakan dan yang selebihnya sama ada gagal dilaksanakan ataupun terbengkalai. Ini dinamakan projek-projek yang sakit termasuklah Projek Kompleks Polis di Kinarut yang masih terbengkalai. Mengapakah ini berlaku? Di mana silap dan cacatnya sistem penyampaian yang kita praktikkan ini? Di mana letaknya slogan “ Cemerlang, Gemilang dan Terbilang” di kalangan anggota atau kakitangan agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan program pembangunan ini? Adakah istilah “turun padang” yang dilaung-laungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dipatuhi oleh mereka ini, dan adakah mereka ini benar-benar bekerja untuk Kerajaan Barisan Nasional atau berniaga?

Dengan tanpa prejudis Tuan Yang di-Pertua, mungkin beberapa persoalan ini akan terjawab dengan beberapa aduan yang saya terima daripada kalangan kontraktor-kontraktor Kelas F di kawasan saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Jalan ceritanya berbunyi begini: “Seorang kontraktor bumiputera Kelas F mendapat satu projek pembangunan yang bernilai RM20,000. Daripada jumlah ini RM2,000 adalah untuk orang yang mengeluarkan JWO projek tersebut dengan izin. Setelah membelanjakan RM14,000 untuk menyiapkan kerja tersebut beliau membuat tuntutan pembayaran. Peringkat seterusnya beliau dibawa untuk pemeriksaan dan RM1,500 lagi untuk laporan pemeriksaan. Langkah seterusnya RM500 lagi untuk membuat baucar pembayaran. Empat bulan kemudian RM200 lagi untuk wang sagu hati bagi mengambil cek. Setelah mendapat bayaran baki, yang telah tinggal hanya RM1,800, ditolak pula faedah bagi bahan-bahan yang diambil secara kredit, si kontraktor tadi mendapat keuntungan kurang daripada RM1,000”, bagi masa enam bulan, Tuan Yang di-Pertua.

Lintah-lintah dalam sistem pengurusan kita ini masih wujud. Dengan pengalaman tadi beliau bersumpah nama projek kerajaan tidak mahulah. Tulangnya pun kena hisap. Jadi saya bercadang kepada kerajaan untuk mencari satu mekanisme, untuk menghapuskan kegiatan-kegiatan antara pegawai-pegawai kerajaan yang terbabit ditukar ke tempat-tempat yang langsung tidak ada tanggungjawab yang tidak melaksanakan pelaksanaan projek-projek kerajaan, dan kalau senang sedikit biarlah dia berserah. Biarlah dia jadi *dead wood*, dengan izin di

jabatan kerajaan ataupun bagi mereka ini latihan sekali lagi. Jadi soal PI ini haruslah diteruskan Tuan Yang di-Pertua.

Seperkara lagi yang harus diambil perhatian ialah mengenai dengan masalah pengurusan peruntukan kewangan terutama sekali bagi projek-projek yang melibatkan Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah (JPPS). Perkara yang ingin saya ketengahkan di sini ialah tempoh masa ataupun dengan izin, *timing* di mana peruntukan dikeluarkan dan tempoh untuk mengimplementasikan projek-projek pembangunan dirancang. Biasanya peruntukan hanya sampai antara bulan Mac dan April. Sementara akaun pula ditutup pada penghujung bulan Oktober setiap tahun. Masalah timbul di sini adalah tempoh yang ada untuk menyiapkan projek-projek yang dirancang adalah hanya enam bulan.

Persoalannya, adakah mutu kerja ataupun spesifikasi kerajaan itu benar-benar dipatuhi. Adakah tempoh enam bulan cukup untuk mengimplementasikan projek-projek tersebut. Walaupun Bajet 2006 ini diperuntukkan berbilion ringgit untuk pembangunan rakyat tidak akan dapat menikmati nikmat pembangunan sekiranya sistem penyampaian kita tidak diperbaiki Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu, saya bercadang kepada kerajaan mengenal pasti satu mekanisme supaya sistem pelaksanaan dan perbelanjaan kerajaan ini diurus dengan cara yang baik, ikhlas, cepat, tepat dan janganlah sama sekali menghabiskan peruntukan melalui Krismas *shopping* nanti.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kita kepada pertahanan negara. Isu pergeseran antara negara Malaysia dan negara Indonesia mengenai tuntutan bertindih ke atas telaga minyak ND6 dan ND7 atau lebih dikenali dengan nama Ambalat dan East Ambalat, dengan izin. Baru-baru ini kita dikejutkan pula dengan isu di mana perairan kita dicerobohi oleh tentera Republik Filipina dan mereka menangkap nelayan kita, dan nelayan kita ditunda ke perairan Republik Filipina dan selepas itu nelayan itu tadi dituduh telah memasuki perairan negara mereka secara haram.

Mereka diminta membayar sejumlah wang yang besar untuk dibebaskan dan oleh sebab mereka enggan berbuat demikian, mereka ditahan dan dituduh kononnya telah mencero bohi perairan mereka. Persoalan saya di sini adalah, adakah sistem pertahanan kita cukup efektif untuk mempertahankan perairan negara kita dan bila kita dapat mencari nafkah negara kita sendiri dengan selamat sama ada di darat ataupun

di lautan? Di darat kita disamun manakala di laut kita pula, kita bukan sahaja disamun oleh lanun tetapi juga oleh pasukan keselamatan negeri jiran.

Soal pelapisan kawasan antarabangsa. Filipina menggariskan sempadannya, kita menggariskan sempadan kita, tidak ada yang menentu, *there's no common boundaries*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Pergerakan sempadan antarabangsa kita tolonglah selesaikan, mintalah menteri-menteri yang berkenaan untuk buat satu lagi dialog dengan negara-negara jiran kita. Dengan bajet yang besar yang diperuntukkan bagi pertahanan adalah menjadi harapan rakyat negara ini bahawa kita akan benar-benar dapat menikmati erti pertahanan dan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Laporan Audit Negara, markas tentera laut Tanjung Gerak, Langkawi walaupun sebanyak 23.67

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat terutama apabila Yang Berhormat menyentuh soal sempadan. Bukan senang kalau kita bercakap soal sempadan, kita sentuh Selatan Thailand, sempadan, di sebelah Singapura, sempadan, jadi apa masalah sebenarnya? Apakah mungkin Yang Berhormat sebagai seorang juruukur berlesen benar-benar berminat dalam masalah ini supaya dapat membantu kerajaan untuk mengukur sempadan yang sedia ada. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat sebagai seorang juruukur berlesen. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Larut, memang berminat juga Yang Berhormat bagi Larut soal sempadan ini. Ini memang masalah besar kita, Yang Berhormat bagi Larut, jadi soalan itu saya sukar untuk menjawab. Biar kita pergi ke pihak-pihak kementerian yang berkenaan untuk berunding, berdialog dengan negara-negara jiran kita supaya kita dapat berada di kawasan yang damai supaya tidak ada ketidakpersefahaman. Jadi izinkan saya teruskan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut.

Soal Laporan Audit Negara mengenai Markas Tentera Laut Tanjung Gerak, Langkawi, walaupun sebanyak RM23.67 juta telah dibelanjakan, kerja-kerja tersebut telah gagal disiapkan mengikut jadual dan walaupun tempoh lanjutan 11 bulan diberikan, masih juga gagal disiapkan dan lebih mengecewakan lagi adalah tidak ada sebarang kerja utama dibuat kecuali pembaikan sahaja. Projek simulator bagi

pesawat jenis Hawk FA18D dan MIG29N bernilai RM285.68 juta juga gagal berfungsi sepenuhnya di mana tiga unit daripada simulator tersebut tidak dapat digunakan kerana rosak dan tidak dapat diperbaiki kerana tidak mempunyai dana yang cukup. Kenapa ianya berlaku? Dan adakah ini menjadi penyebab kepada kemalangan udara yang melibatkan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia?

Adalah disarankan di sini supaya pihak kementerian seharusnya mengkaji kaedah pembayaran kepada kontraktor yang mengendalikan atau membekalkan sebarang kerja ataupun bekalan kepada kementerian di mana pembayaran harus dibuat berdasarkan jumlah jam sebenar dan penyelenggaraan yang sebenar dibuat. Sistem simulator juga perlu dipertingkatkan sejajar kehendak semasa dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) haruslah disertai-mertakan mengisi kekosongan jawatan juruterbang yang kosong demi untuk kepentingan keselamatan negara kita.

Jadi soal ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja dengan TUDM, soal masalah yang dihadapi oleh Polis Marin kita pun bermasalah juga kerana saya difahamkan kapal-kapal bot yang berjenis "X" ini pun telah diambil alih oleh pihak maritim. Jadi polis sekarang hanya buat rondaan setakat 12 kilometer dari pantai kita terutama sekali di antara Filipina dan negeri Sabah.

Saya beralih kepada pelupusan kenderaan terpakai kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita juga haruslah mengambil berat mengenai dengan tatacara bagaimana kereta-kereta terpakai kerajaan dilupuskan. Kereta-kereta tersebut dibiarkan tersadai di mana peralatannya dicuri, dirosakkan dan lain-lain lagi. Di kawasan saya banyak ibu pejabat jabatan kerajaan dan memang banyak kereta yang terpakai di halaman persekitaran pejabat-pejabat itu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi adalah dicadangkan bahawa –kenderaan-kenderaan ini diperbaiki dan dengan izin, *recondition* atau dijual ke negara ketiga sebagaimana yang saya akan bentangkan dalam topik saya selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini kita sibuk membincangkan isu AP. Manakala kita sibuk membincangkan isu ini yang kita fikirkan dapat membantu dan melindungi industri automobil negara, kita terlupa untuk mencari jalan bagaimana caranya kita bukan sahaja dapat membantu dan melindungi industri automobil negara tetapi juga mengembangkan terutama sekali di luar negara. Di sini saya ingin mengambil contoh daripada pengeluaran kereta daripada Jepun yang mana mereka

mengeksportkan kereta terpakai sebagai dengan izin, *recondition* ke negara termasuklah negara kita Malaysia.

Ini bermakna pengeluar kereta negara ini juga boleh mengeksport kereta terpakai dari Malaysia ke negara yang ketiga. Ini tentu sekali bukan sahaja untuk membantu industri mobil negara kita tapi juga dapat membesarkan kereta terpakai di Malaysia yang berlonggok-longgok dan seterusnya meningkatkan ekonomi negara kita. Budaya yang berjimat cermat ini patut kita tekankan semula sekali lagi sebagaimana yang telah diketengahkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jerai minggu yang lepas. Saya amat terharu dengan ucapan Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri kita ketika merasmikan Kongres PPP pada 2 Oktober yang banyak menyentuh mengenai tabiat membazir rakyat Malaysia.

Rakyat Malaysia memang terkenal dengan sikap pemurah dan mereka juga terkenal dengan tabiat membazir dan pembaziran utama adalah agensi-agensi kerajaan. Ini dapat dilihat dalam majlis-majlis yang berkaitan dengan kerajaan di mana satu-satu majlis pecah tanah sahaja menelan puluhan atau bukan ratusan ribu ringgit. Daripada makan minum, perhiasan dan hinggalah ke pertunjukan bunga api. Pembaziran seperti air, penggunaan elektrik, perbelanjaan kenderaan-kenderaan kerajaan yang digunakan bukan waktu pejabat dan banyak lagi. Oleh itu kerajaan hendaklah memandang serius soal pembaziran ini agar dapat mengurangkan beban mengurus kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan hujah saya mengenai beberapa isu yang berkaitan dengan negeri Sabah. Sebagaimana yang saya nyatakan awal-awal tadi, negeri Sabah memang bertuah kerana mendapat peruntukan pembangunan sebanyak RM2.3 bilion dalam bajet tahun depan. Persoalan yang timbul adalah adakah pembangunan yang dirancang itu dapat diimplementasikan pada masa yang ditetapkan dan adakah ianya akan sampai kepada kumpulan sasaran. Dalam kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan untuk mengambil kira keluhan-keluhan dan rintihan-rintihan Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah khususnya mengenai dengan sistem penyampaian kita.

Pengalaman-pengalaman yang sudah, peranan Ahli-ahli Yang Berhormat ini seakan-akan langsung tidak diendahkan oleh sesetengah pihak ataupun agensi kerajaan yang terlibat. Ini jelas terbukti apabila Ahli-ahli Kelab Penyokong Barisan Nasional Sabah telah membuat kunjungan terhormat kepada Pengarah Jabatan

Pembangunan Persekutuan Sabah yang lalu untuk menyampaikan kekecewaan mereka di mana peranan secara langsung dibelakangkan oleh jabatan tersebut. Apakah kami selaku Ahli-ahli Parlimen yang telah diamanahkan oleh rakyat tidak berhak untuk menyuarakan hasrat rakyat yang kami wakili.

Oleh itu, sekali lagi saya menyeru agar kerajaan dapat memastikan bahawa pegawai-pegawai kerajaan, agensi-agensinya dapat memberikan kami kerjasama sepenuhnya dalam menjalankan kewajipan kami. Untuk rekod Dewan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Dato' Ismail Haji Wadin, Pengarah JPPA Sabah yang baru kerana setakat ini beliau telah memberikan kerjasama yang terbaik kepada kami selaku Ahli Parlimen. Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Yes, Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih. Saya bersetuju dan ingin menyokong tentang saranan untuk melibatkan Ahli Parlimen, ahli-ahli wakil rakyat dalam mengemukakan cadangan kepada pembangunan-pembangunan yang dilaksanakan melalui agensi dan kerajaan. Kita melihat sekarang Yang Berhormat bagi Putatan, majlis mesyuarat seperti Majlis Tindakan Daerah umpamanya, Majlis Pembangunan Daerah umpamanya ataupun perancangan jabatan untuk mengemukakan rancangan-rancangan pembangunan kerajaan, tidak terdapat sebarang forum di mana pandangan kita ini dimasukkan secara rasmi dalam melaksanakan perancangan untuk jabatan dan juga agensi ini.

Kita lihat umpamanya di Kementerian Pendidikan, yang melakukan cadangan untuk pembangunan setiap daerah itu dilakukan sendiri oleh pegawai pendidikan daerah, pegawai pelajaran daerah umpamanya. Walaupun kita disarankan oleh kepimpinan kita bahawa wakil rakyat harus melibatkan diri secara terus dalam perancangan agensi itu, tetapi tidak ada forum rasmi yang membolehkan pandangan kita itu diambil secara rasmi. Adakah Yang Berhormat juga ingin mengemukakan saranan ini kepada kementerian dan melihat peranan, idea, pendapat kita itu dapat diambil kira secara rasmi oleh Kementerian-kementerian Persekutuan yang membuat perancangan terhadap jabatan dan agensi mereka.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Beluran. Saya bersimpati juga dengan Yang Berhormat bagi Beluran. Inilah yang

terjadi Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Parlimen di Sabah ini, kasihan. Kasihan, Tuan Yang di-Pertua. Nama sahaja wakil rakyat. Kadang-kadang.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jangan menangis bah. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* Kasi saya peluang.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Apa ini Yang Berhormat bagi Jerai? Saya belum habis. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jangan menangis. Kita orang perjuangan. Jangan menangis. *[Ketawa]* Saya hendak tanya Yang Berhormat, sekarang ini kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat, kita tidak boleh duduk dalam mesyuarat keselamatan daerah dan kadang-kadang ada juga jawatankuasa-jawatankuasa peringkat daerah ataupun peringkat negeri, kita tidak duduk oleh kerana mungkin disebabkan kita ada aturan dan peraturan. Jadi, bolehkah tidak Yang Berhormat mencadangkan kedudukan kita dalam sesuatu jawatankuasa itu, kita tidak perlu menjadi pengerusi jawatankuasa itu tetapi untuk kita memberi pandangan, pendapat dan juga kehendak rakyat.

Ini kerana, yang paling dekat antara rakyat dengan pemimpin ialah orang politik. Pegawai pentadbir menguruskan pentadbiran. Mereka kadang-kadang jauh. Kita lebih dekat. Kita memahami dan kita menyelesaikan masalah mereka. Jadi, kalau kita boleh diletakkan di dalam tempat-tempat yang sewajarnya, bukan kita hendak elaun. Kita hadir mesyuarat untuk memberi pandangan. Sekarang ini kita duduk dalam mesyuarat tindakan daerah. Keselamatan daerah kita tidak duduk.

Peringkat kemajuan negeri kita tidak duduk, bangunan negeri. Jadi, adakah Yang Berhormat boleh mencadangkan, tentang protokol itu Yang Berhormat tidak usah kiralah, tidak apalah. Kadang-kadang dia letak kita di belakang penghulu, tidak apalah. Kita jangan sedih Yang Berhormat, jangan sedih. Jangan bersedih, kerana ini perjuangan Yang Berhormat. Saya pun sedih juga. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai kerana ikut menangis. *[Ketawa]* Inilah rintihan, keluhan-keluhan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah, sebegitu juga Yang Berhormat bagi Beluran yang di sebelah Tuan Yang di-Pertua. Ini memang berlaku di Sabah terutama sekali tabiat, persepsi pegawai-pegawai kerajaan terhadap wakil-wakil rakyat. Dia orang anggap kita ini tidak ada *power*, buat apa jadi wakil rakyat. Yang kompelin, yang kena kompelin wakil rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Yang kena puji, yang betul-betul rakyat meminta tolong,

yang boleh beri pertolongan adalah pegawai kerajaan. Tetapi yang dikompelin, yang melaporkan kekecewaan mereka kepada wakil rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah begitu keadaan. Kita ini Ahli-ahli Parlimen tempat duduk pun tiada. Protokol tiada peduli. Jadi, saya bawa perkara ini bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah. Cerita tentang penglibatan Ahli-ahli Parlimen di kawasan masing-masing memanglah tidak begitu.....

Datuk Ronald Kiandee: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Sabarlah si Beluran. .Yang kau punya lonjakan dari fungsi FAMA ini belum jawab lagi. Jadi inilah. Tetapi soal dengan kerjasama dengan pegawai kerajaan itu memang wujud, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sebagaimana yang saya sentuhkan tadi, pengarah baru JPPA Sabah itu memang kerja kuat sama kita. Turun padang sama-sama kita. Pegawai daerah turun padang sesama kita. Pegawai pendidikan ada turun padang sama kita. Tetapi adalah seseorang yang masih lagi yang berdegil bahawa wakil rakyat ini memerlukan bantuan pegawai-pegawai kerajaan itu, Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya teruskan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Belum habis. Ini ada sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, bagilah peluang. Ini mustahak, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan negeri Sabah dan Sarawak sebagai pengeluar utama sumber industri asas tani. Sebagaimana yang beliau luahkan ketika merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Minoriti Etnik.

Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak pada awal tahun ini amatlah bertepatan dan kami alu-alukan. Hasrat ini juga telah diperkukuhkan dalam pembentangan Bajet 2006 bilamana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperuntukkan sejumlah peruntukan yang besar bagi membangunkan lagi sektor ini. Adalah menjadi harapan saya para petani, penternak dan nelayan di negeri Sabah khasnya bahawa mereka juga mencapai pertumbuhan ekonomi mereka sebagaimana rakan-rakan mereka di Semenanjung Malaysia.

Oleh itu, saya ingin menyeru kepada kerajaan untuk dapat memberikan tumpuan dalam mempercepatkan pembangunan luar bandar, terutama sekali pembangunan infrastruktur jalan raya yang membolehkan golongan masyarakat tani, kebanyakannya tinggal di luar bandar untuk memasarkan hasil pertanian mereka. Kerajaan juga boleh menggunakan kepakaran dan fasiliti Universiti Malaysia Sabah

(UNIMAS) bagi mengembangkan industri rumpai laut di pesisir pantai Putatan bagi meningkatkan lagi ekonomi masyarakat nelayan di kawasan saya ini.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin menyarankan kepada pihak kerajaan untuk menubuhkan industri hiliran bagi industri sawit, membantu sahabat kita, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bagi membolehkan negeri Sabah mencapai pembangunan ekonomi selaras dengan statusnya sebagai pengeluar sawit terbesar bukan sahaja di Sandakan tetapi di negara ini.

Isu kawasan Parlimen -

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana makluman Dewan yang mulia ini, kawasan Parlimen Putatan mempunyai sebanyak tujuh buah sekolah menengah dan sebanyak 12 buah sekolah rendah. Daripada jumlah ini, lima buah sekolah menengah adalah sekolah-sekolah menengah kerajaan, manakala dua buah lagi adalah sekolah menengah jenis kebangsaan yang dikendalikan oleh *Mission* ataupun dengan izin, *Mission School*. Sementara bagi sekolah rendah pula, daripada 12 buah sekolah tersebut, sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), sebuah sekolah jenis kebangsaan yang dikendalikan oleh *Mission* dan selebihnya adalah sekolah rendah kebangsaan.

Saya menyarankan kepada kerajaan, oleh kerana ramai daripada pemimpin-pemimpin negara ini telah pun mendapat pengajian daripada sekolah-sekolah ini, maka saya cadangkan supaya kita membantu sekolah-sekolah ini diperbaiki di mana terdapat sekolah yang sudah usang dan daif.

Dalam perkara ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa beberapa buah sekolah di kawasan Putatan memerlukan pembaikan segera terutama sekali di kampung saya sendiri Bukit Bangsal di mana sering syilingnya telah jatuh yang beamnya sudah pecah dan tandasnya tidak boleh digunakan, rumah-rumah gurunya sudah usang. Semua ini memerlukan perhatian yang mendesak bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini terjadi. Saya ingin juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada laporan Audit Negara muka surat 554 yang menyatakan bahawa kebanyakan sekolah yang dibina tidak menepati spesifikasi, dibina dengan bahan binaan yang rendah mutunya dan lain-lain lagi.

Perkara ini yang amat menyedihkan kerana ianya akan merugikan kerajaan terutama sekali untuk kerja-kerja membaik pulih dan penjagaan-penjagaan bangunan

ini. Kerajaan haruslah menekankan tahap keselamatan pengguna sebagai perkara utama.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pencemaran alam sekitar kawasan Parlimen Putatan sebenarnya telah mencapai tahap yang sangat serius dan sekiranya tidak ada langkah-langkah konkrit yang diambil bagi mengatasi ianya akan melumpuhkan lagi ekonomi negara dari segi jangka panjang. Pertama dari segi kos pemuliharaan dan kedua daripada segi industri pelancongan.

Dengan sistem pembetungan najis dan sistem kumbahan yang tidak lagi efektif serta ditambah pula dengan pencemaran sampah sarap, perairan di persisiran Pantai Kota Kinabalu telah menjadi antara kawasan yang amat tercemar. Keadaan diburukkan lagi dengan aktiviti penangkapan ikan dengan bahan letupan dan racun di mana hampir kesemua karang yang terdapat di rangkaian Pulau Tioman, Taman Tema Negara Tunku Abdul Rahman telah mati. Keadaan ini sudah semestinya memerlukan peruntukan yang besar sekiranya sistem ekologi, karang marin ini ingin dipulihkan semula, tetapi impak yang paling besar adalah negara.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Negara akan kehilangan pendapatan daripada sektor pelancongan yang mana lebih banyak berkisar kepada berkat alam iaitu alam semula jadi. Oleh itu saya memohon agar kerajaan persekutuan melalui mana-mana kementerian agar dapat memberikan perhatian khusus dan menyediakan peruntukan khas bagi membendung dan mengatasi masalah pencemaran alam sekitar ini agar perkara-perkara yang saya sebutkan tadi tidak berlaku.

Dicadangkan juga agar kepakaran Universiti Malaysia Sabah dapat memanfaatkan untuk menjalankan kajian yang menyeluruh mengenai tahap pencemaran di pesisir Pantai Kota Kinabalu dan menyiapkan satu cadangan bagaimana mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua penyiasatan ke atas kes pemalsuan geran tanah yang terletak di Teluk Dumpil yang dibuat sejak tahun 1987 sehingga kini belum lagi diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan tempat itu dijadikan untuk pelancongan, mengapa siasatan tersebut masih lagi belum ada keputusan. Saya ingin mencadangkan agar tanah tersebut dapat dijadikan sebagai kawasan rekreasi dan dijadikan sebagai tapak bagi rehat, bagi rekreasi. Tuan Yang di-Pertua, Datuk Yang di-Pertua *sorry* - sudah tukar.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Tuan Yang di-Pertua selalu melintas kawasan yang indah itu di Putatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bila sudah tukar Yang Berhormat, dia suruh gulunglah itu.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: *[Ketawa]* Jadi ini tidak patutlah Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua pun selalu juga nampak kawasan yang indah itu di Putatan, kami jadikan tanah itu untuk pelancongan, untuk rampai laut. Tuan Yang di-Pertua pun boleh berehat sana.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Kasihan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ya, kasihan Yang Berhormat Jerai, semoga dengan itu, semoga dengan cadangan dan saranan yang saya utarakan ini dapat membuah hasil, dengan itu saya mohon menyokong, saya mengaku.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bera.

3.33 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Pertama kerana membentangkan belanjawan yang menyeluruh dan berjiwa rakyat.

Peruntukan sebanyak RM5.7 bilion yang diperuntukkan untuk membangunkan ekonomi dan infra luar bandar menunjukkan komitmen kerajaan di dalam membela rakyat di luar bandar dan juga pelbagai kategori golongan miskin. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mewujudkan SMI Bank untuk membiayai perusahaan kecil dan sederhana untuk mengembangkan perniagaan mereka. Tahniah juga saya ucapkan kerana pihak kerajaan kali ini memperuntukkan RM2 bilion untuk menubuhkan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera bagi

memastikan pemilikan hartanah bumiputera, hartanah komersial di bandar-bandar. Harapan rakyat dan bumiputera amat tinggi terhadap penubuhan yayasan serta SMI Bank ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Assalamualaikum Yang Berhormat Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Baru hendak masuk...baru...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Tidak apa bagi, bagi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya sila, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Bera, saya tertarik dan dalam ucapan saya itu hari pun saya ada kata tentang Yayasan Harta Tanah. Ini ditubuhkan disebabkan oleh penyelewengan yang berlaku dalam UDA, UDA tipu. UDA sudah tipu rakyat, sudah tipu kerajaan, kerajaan itu rakyat. Boleh tidak Yang Berhormat kita cadangkan segala harta benda yang ada dalam UDA yang ada pada hari ini dipindah masuk di bawah Yayasan Harta dan Yayasan Harta menguruskan kerana banyak penyelewengan yang berlaku. Asas penubuhan dia dahulu untuk membantu bumiputera dalam bandar, jadi kegagalan kita mencapai 30 peratus ini disebabkan oleh pengkhianatan di dalam UDA, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya setuju, kalau boleh saya setuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat tadi. Saya setuju, persoalannya mampukah yayasan yang ditubuhkan tadi kekal dengan objektif-objektif penubuhannya. Kalau kita lihat dari segi sejarah dan trend badan-badan ataupun institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan. Peringkat awalnya memang menjalankan tugas seperti yang termaktub di dalam objektif-objektif penubuhan ini. Tetapi lama-kelamaan institusi ini akhirnya menyimpang, institusi ini akhirnya mementingkan keuntungan dan sebagainya.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:dan tidak lagi kekal sebagai satu agensi yang bertujuan untuk melahirkan bumiputera yang berjaya dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan bangun Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Belum masuk lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya, mukadimah dia kita sudah boleh baca, pepatah Melayu menyatakan sekilas ikan di laut sudah tahu jantan betina dia.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak, mahu tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bermaksud bahawa ini juga berlaku seperti baru-baru ini yang telah kita bahaskan iaitu berhubung dengan syarikat Tabung Haji iaitu dalam akhbar menteri dia menjawab bahawa perancangan awal Tabung Haji untuk mengapungkan di pasaran terbuka diteruskan dan telah memaklumkan kepada Tabung Haji *Plantation* iaitu tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pengapungan syarikat Tabung Haji ini bukan seperti kahwin, tidak bercanggah dengan hukum syarak tetapi persoalan yang kita hadapi iaitu Tabung Haji telah menyeleweng daripada matlamat asal. Tanah-tanah yang dibagi oleh kerajaan-kerajaan negeri dengan premiumnya yang rendah tetapi mahu di cagar dan diapungkan kepada pasaran terbuka, dan ini bermakna sesiapa sahaja boleh membeli saham tersebut, minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, memang saya berhajat hendak masuk Tabung Haji ini di dalam ucapan saya tetapi kerana Yang Berhormat sudah sebut saya akan bangkitkan. Saya bersetuju bahawa Tabung Haji juga merupakan salah satu institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan yang mempunyai matlamat khusus tetapi akhirnya lari daripada matlamat asal penubuhannya. Di dalam Akta 535, Akta Tabung Haji 1995 Seksyen 4, menyebut dengan jelas tentang fungsi-fungsi Tabung Haji ini selain daripada menguruskan tabungan, fungsinya yang jelas ialah untuk mengurus semua perkara mengenai kebajikan jemaah serta merumuskan dasar-dasar yang berkaitan dengannya. Jelas bahawa penubuhan Tabung Haji adalah untuk menguruskan jemaah haji dan perkara-perkara yang berkaitan dengan jemaah haji. Tetapi apa yang berlaku, Tabung Haji juga lari dan menyimpang daripada matlamat penubuhan asalnya. Tabung Haji terlibat dengan perladangan, terlibat dengan pemilikan harta, terlibat di dalam *property* dan sebagainya. Kita pernah dengar dalam tahun 2000 atau 1999 dulu bahawa terdapat satu pelaburan Tabung Haji di Sumatera yang mengalami kerugian besar.

Kesannya adalah kepada penyimpan-penyimpan Tabung Haji pendeposit-pendeposit Tabung Haji. Jadi inilah satu perkara yang amat menakutkan kita dan baru-baru ini pihak Tabung Haji mengumumkan untuk mengapungkan anak syarikat Tabung Haji iaitu *TH Plantation* di dalam bursa saham Kuala Lumpur dan agak kesal saya apabila kita membangkitkan di dalam Parlimen ini tentang keraguan kita tiba-tiba Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab mengatakan perkara ini telah dirujuk kepada majlis fatwa dan tidak ada salahnya dari segi hukum syarak.

Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan kita bukan mempersoalkan tentang hukum kahwin lari dan sebagainya. Ini soal yang besar ini soal pemilikan ekuiti Tabung Haji apabila diapungkan nanti, siapa yang akan memiliki sahamnya? Kalau selama ini Tabung Haji adalah milik bumiputera Islam dan sebagainya apabila diapungkan sesiapa sahaja boleh menjadi pemegang sahamnya. Bukan bumiputera malah orang-orang asing dari luar negara juga boleh memiliki saham dalam Tabung Haji.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Kita tahu bahawa Tabung Haji ini memiliki wang yang cukup banyak sebagai satu dana tempat untuk menyimpan wang mereka yang hendak menunaikan fardu haji dan kita tidak nampak kenapa Tabung Haji dan anak syarikatnya perlu disenaraikan dalam BSKL. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah kalau kita tanya penyimpan-penyimpan yang berjuta orang ini, yang menyimpan wang mereka dalam Tabung Haji kecuali Yang Berhormat bagi Sri Gading [*Disampuk*] dan Yang Berhormat bagi Jerai [*Disampuk*] tidak tahu apakah mereka ini berminat atau tidak adakah penyimpan benar-benar bersetuju memberi sokongan untuk Tabung Haji menyenaraikan anak syarikat *TH Plantation* ini di Bursa Saham Kuala Lumpur atau kita berharap menteri menimbang semula supaya menangguhkan usaha untuk menyenaraikan anak syarikat *TH Plantation* ini, minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya percaya jika diminta pandangan terlebih dahulu saya percaya pendeposit-pendeposit akan memberi pandangan yang berbeza. Pendeposit-pendeposit juga mesti meragui dan mesti tidak yakin tentang hak mereka akan dilindungi. Saya dah beri contoh tadi bahawa pernah satu ketika pelaburan pernah rugi besar di Sumatera, Indonesia rugi besar. Saya tidak kata sebab rugi besar, maka Tabung Haji hendak menaikkan harga mungkin secara kebetulan.

Secara kebetulan pada tahun itu Tabung Haji mengumumkan untuk menaikkan tambang pakej Tabung Haji.

Kebetulan pada masa itu mereka kerugian besar di Sumatera, Indonesia i dalam pelaburannya dan ini menyebabkan pihak pendeposit berasa bimbang jikalau Tabung Haji terlalu terlibat di dalam urusan perniagaan dan sebagainya akhirnya kesannya kepada mereka. Kita hendak tahu daripada Tabung Haji keuntungan yang besar selama ini misalnya apakah keuntungan yang diperolehi oleh pendeposit-pendeposit atau penyimpan-penyimpan. Kalau kita lihat harga pakej Tabung Haji tidak pernah turun tetapi meningkat sepanjang masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Dua orang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sila Yang Berhormat bagi Kinabatangan selepas itu Yang Berhormat bagi Ledang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Isu ini Yang Berhormat melibatkan isu masyarakat dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat kenapa sejak akhir-akhir ini agensi-agensi kerajaan yang diamanahkan mengurus umat Islam khususnya mereka cenderung ke arah membuat pelaburan. Tabung Haji ini bukan pertama kali di Indonesia dia rugi, di Selatan Filipina dia rugi berjuta-juta ringgit. Saya tahu sehingga hari ini ladang tersebut tidak wujud lagi atas nama Tabung Haji tetapi dikorbankan begitu sahaja dan ini perancangan daripada *management* dia.

Saya meminta kerajaan dan Ahli-ahli Lembaga dalam Tabung Haji. Jangan ada mulut, jahit diam, ada telinga dengar ada mata nampak. Kita kena bertindak menyelamatkan kita tidak mahu perkara ini sudah terlanjur kemudian baru kerajaan pula meminta kita untuk *bill out* semula perkara-perkara yang remeh ini. Apa salahnya Tabung Haji mengapungkan Tabung Haji itu dalam bentuk perkhidmatan (*service*), memberi perkhidmatan haji dan sebagainya. Ini wang baitulmal pun saya dengar berhasrat hendak membuka hotel pula. Ini jauh menyeleweng. Jadi kalau perkara sebegini tidak kita kawal akhirnya kalau kepercayaan masyarakat dan pendeposit tidak akan ada lagi kepada kerajaan.

Jadi Yang Berhormat, saya meminta Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan supaya hasrat yang sebegini kalau boleh bawa pergi Parlimen untuk kita bahas. Jangan suka-suka pihak pentadbir mungkin ada agenda di sebalik yang kita

tidak tahu. Kita bukan menuduh ini bulan baik tetapi sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna lagi.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya bersetuju supaya perkara ini kita perlu halusi. Kita di Parlimen perlu membincangkan tentang perkara ini dan apa yang digambarkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi, keuntungan siapakah ini. Ramai pihak yang meragui adakah ini sebagai perkara yang dirancang oleh pihak-pihak yang tertentu untuk keuntungan mereka sendiri. Kalau kita lihat, setiap pengapungan ada satu skim yang dipanggil ESOS ataupun dalam bahasa Melayunya Skim Saham Untuk Kakitangan. Dengan itu apabila berlaku setiap pengapungan, *pink form* akan dikeluarkan mungkin kakitangan biasa akan mendapat satu ataupun dua *pink form* sahaja yang harganya lebih rendah daripada harga IPO.

Tetapi bagaimana dengan kakitangan tinggi? Merekalah yang akan dapat keuntungan secara serta-merta dan automatik. Saya takut di dalam soal Tabung Haji juga ada pihak-pihak tertentu, ada perancangan daripada pihak kakitangan tertinggi untuk mendapat keuntungan secara serta-merta dan dalam masa yang sama mengorbankan kepentingan golongan-golongan pendeposit Tabung Haji yang terdiri daripada orang-orang kampung, dan daripada golongan miskin yang berpendapatan rendah yang menabung RM 50 sebulan hanya semata-mata untuk berpeluang mengerjakan haji dan sebagainya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat kami Yang Berhormat bagi Bera. Sebelum itu Yang Berhormat bagi Bera, tadi Yang Berhormat bagi Larut bertanya tentang sama ada jika cadangan ini ditanyakan, ditanya kepada pendeposit-pendeposit sama ada mereka setuju atau tidak. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, apabila perkara tersebut telah pun disebut dalam surat khabar pada minggu lepas, ramai daripada pendeposit-pendeposit dan sahabat-sahabat yang datangnya dari seluruh negara yang kenal kita telah pun membuat panggilan, sms dan sebagainya yang menyatakan bahawa mereka tidak setuju dengan cadangan untuk mengapungkan Tabung Haji *Plantation*.

Ramai yang tidak setuju, saya belum jumpa, belum jumpa satu individu yang mengatakan setuju malahan pakar-pakar ekonomi daripada pusat-pusat pengajian tinggi juga tidak setuju. Surat khabar hari ini menyatakan bekas Pengarah Urusan Tabung Haji Datuk Hanafiah juga tidak setuju sekiranya Tabung Haji diapungkan dan

saya belum lagi baca kenyataan daripada Profesor Diraja Ungku Aziz. Saya yakin beliau pun tidak setuju. Maksudnya semuanya tidak setuju dan sekarang ini yang kita fikirkan yang pertama untung ialah pertamanya kalau benda itu setuju, pengurus-pengurus kepada cadangan untuk mengapungkan Tabung Haji itu. Sudah tentu *auditors* ataupun syarikat berkaitan yang menguruskan tentang audit, mungkin juga pencetak kepada dokumen-dokumen yang akan untuk tujuan pengapungan dan sebagainya. Apakah Bera setuju ? Sekian, terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya setuju, seperti saya sebut tadi tentang skim e-source dan sebagainya, jadi kita cari yang satu lagi persoalan daripada orang ramai mengapa Tabung Haji hendak diapungkan, anak syarikat dia. Biasanya syarikat diapungkan untuk mendapatkan satu, sumber kewangan yang baru daripada public, apabila ditawarkan kepada public dan sebagainya. Tetapi apakah begitu terdesak. Tabung Haji Plantation yang dikatakan mempunyai lading-ladang yang kecil, tidak pernah kerugian dan sebagainya, tiba-tiba akan diapungkan. Saya setuju pandangan daripada Yang Berhormat Ledang tadi, bahawa tidak ada sebab, tidak ada asas, tidak ada asas perlu disegerakan pengapungan ini. Pandangan-pandangan semua pihak perlu diambil. Penubuhan Tabung Haji ini melibatkan semua pihak, tapi dalam soal ini tiba-tiba diumumkan terus untuk diapungkan dan sebagainya.

Saya agak terkejut, apabila ada pihak daripada Tabung Haji mengatakan tidak ada risiko kepada pihak pemegang saham. Saya lihat, saya rasa perkara ini tidak benar. Apabila diapungkan, Tabung Haji masih merupakan pemegang utama saham. Jikalau ada masalah, pemegang saham utama akan dilibatkan dan kalau kita lihat, berapa banyak syarikat-syarikat yang disenaraikan menghadapi masalah di dalam keadaan ekonomi sekarang ini. Saya rasa ramai di kalangan kita yang tahu tentang perkara ini dan risikonya memang tinggi kerana apabila diapungkan Tabung Haji akan tertakluk kepada manipulasi pasaran dan sebagainya. Sekarang Tabung Haji boleh menguasai apa saja keputusan di dalam Tabung Haji Plantation tetapi apabila diapungkan, keputusan Tabung Haji tidak boleh membuat keputusan sendiri, tertakluk kepada pelbagai rules and procedures dan sebagainya.

Banyak perkara yang perlu mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Agung, AGM dan sebagainya atau pun perlu dipanggil EGM dan sebagainya untuk membuat satu-satu keputusan, walau pun keputusan itu untuk kepentingan pendeposit, LTH dan sebagainya, LTH Plantation selepas diapungkan, tidak boleh membuat sesuka hati.

Jadi sebab itulah, saya kira, pihak Yang Berhormat Menteri yang berkaitan, jangan lihat dari hukum syarak semata-mata, tetapi lebih besar daripada itu. Kita perlu lihat apakah objektif tujuan sebenar penubuhan Tabung Haji, siapakah yang akan menguasai Tabung Haji selepas itu, bagaimana ekuiti pegangan Tabung Haji selepas itu, itu lebih besar. Ini bukan soal syarak semata-mata, tapi lebih besar dari itu.

Saya tidak nampak mengapa begitu, adakah apabila Tabung Haji tidak diapungkan mereka tidak boleh mendapatkan keuntungan. Saya hendak mengambil contoh, semasa Timbalan Yang di-Pertua menjadi Pengerusi Bank Rakyat, ada cadangan supaya Bank Rakyat diapungkan, tetapi kerana tentangan daripada beberapa pihak termasuklah Timbalan Yang di-Pertua, Bank Rakyat tidak diapungkan. Dan sekarang Bank Rakyat menjadi sebuah institusi bank yang terbaik dalam negara kita, pencapaian yang terbaik, memberikan bonus, deviden yang begitu besar kepada pemegang-pemegang atau pendeposit-pendeposit.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Bera. Saya hendak bertanya kepada Bera. Tadi Bera telah mengheret kita kepada Bank Rakyat yang tidak diapungkan pun boleh mengeluarkan dividen hingga 15% hasil daripada idea Timbalan Yang di-Pertua kita ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu dulu Yang Berhormat

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, samalah, mantan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah dengan Plantation ini disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, bahawa satu jaminan bahawa dividen untuk penyimpan-penyimpan dapat diberi dengan tinggi, banyak, sedangkan tadi kita beri contoh Bank Rakyat, tidak perlu disenaraikan boleh memberi sehingga 15%, bahkan sekarang ini orang *queue*, dengan izin, untuk menyimpan, membeli saham di Bank Rakyat tetapi oleh kerana telah diadakan satu dasar bahawa dia tidak boleh dibuka lagi kecuali dalam masa tertentu. Jadi, apakah Tabung Haji yakin seolah-olah dengan anak syarikat ini yang memiliki harta begitu banyak, tanah begitu banyak sehingga ke luar negara, boleh memberi satu jaminan bahawa dividen yang lebih tinggi dapat dikeluarkan kepada penyimpan dalam Tabung Haji. Ini tidaklah perlu kita mengheret Jerai sebagai salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji, adakah Yang Berhormat setuju atau pun Yang Berhormat Sri Gading, kalau disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, satu jaminan bahawa dividen yang lebih tinggi akan

dapat dikeluarkan. Sebaliknya Tabung Haji lebih menjurus kepada perkhidmatan bahawa setiap yang menyimpan dalam Tabung Haji itulah wang untuk mereka menunaikan fardhu haji. Jadi saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Bera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusog bin Yacob]: Sri Gading bangun, hendak bagi juga?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta izin daripada Bera untuk saya mencelah apa yang dikatakan oleh Larut. Ini bukan pihak Tabung Haji hendak membela Tabung Haji. Tabung Haji tidak boleh disamakan dengan bank-bank komersial yang lain kerana urusan niaga Tabung Haji harus berpaksikan kepada syarak, perkara-perkara yang dibolehkan sahaja yang halal yang baik, dia tidak boleh berniaga yang syak pun tidak boleh, jadi dengan sebab itu, keuntungannya tidaklah dapat dibandingkan dengan bank-bank komersial, 12%, 15%, itu sebagai maklumat sajalah. Lain tidak ada, untuk maklumkan saja bagi pihak Jerai jugalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tengah dok berfikir, Larut pun mantan Lembaga Tabung Haji.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini perbincangan Yang Berhormat antara Ahli Lembaga Tabung Haji dengan Ahli Parlimenkah ni?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak minta penjelasan daripada Bera. Larut pun mantan Ahli Lembaga Tabung Haji juga. Adakah Yang Berhormat bersetuju pandangan saya, kalau pendeposit menyimpan duit di Tabung Haji, kemudian Tabung Haji simpan duit itu, tak usah buat apa-apa, simpan harap dapat dividen dan sebagainya. Jadi dengan adanya pelaburan yang bijak dan kadang-kadang ada juga pelaburan yang tidak bijak dan juga kadang-kadang yang membuat keputusan yang mementingkan diri, mengkhianati perjuangan maksud Tabung Haji ada juga. Dengan pelaburan-pelaburan ini kita mendapat dividen, dengan urusan niaga yang kita ada ini kita mendapat perkembangan keuntungan dan hasil daripada keuntungan ini selain daripada memberi perkhidmatan yang sebaik-baiknya kepada jemaah haji, kita juga memberi dividen kepada pelabur-pelaburnya. Jadi kita dua - al-haj dengan pulus, al-haj pun dapat, pulus pun dapat. Jadi dua-dua kita bagi, al-haji – *waid*, pulus – *wawaid*. Macam tadi Sri Gading kata dia ada hukum syarak dan sudah tentu kadang-kadang kita melabur - bagi saya Tuan Yang di-Pertua, pelaburan kadang-kadang menguntungkan, merugikan. Tapi kalau dia rugi kerana penipuan, yang itu saya tidak boleh terima, kalau dia rugi kerana business memang ada untung

rugi dia tidak boleh kita nafikan, kadang-kadang kita labur, labur dia jadi *back fire, turn up to be sour*, tapi kalau pengurusan itu bersih, tak sapu duit, dia tak tipu, dia tak makan duit rakyat semua, yang ini dari segi pelaburan. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya bahawa setakat hari ini Tabung Haji *is in the good hand*, dengan izin, *with a good director, just to tell alright*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Alright.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Yang pertamanya, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Larut, tidak ada *guarantee*, tidak ada jaminan bahawa selepas diapungkan dividen akan bertambah dan sebagainya. Bukan satu yang menghairankan di dalam keadaan ekonomi sekarang banyak syarikat yang disenaraikan Bursa Saham Kuala Lumpur tidak mengeluarkan, tidak mengumumkan keuntungan dan memberi dividen dan sebagainya.

Tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jerai, mengenai perlunya pelaburan, saya setuju, memang Tabung Haji perlu melabur tetapi melabur di dalam aktiviti yang ada kaitan dengan Tabung Haji, dengan haji. Misalnya, katakan membeli hartanah ataupun membeli *apartment* di Mekah atau Madinah supaya tidak perlu lagi sewa hotel orang lain. Sebab salah satu daripada sebab kenaikan pakej haji katanya, dulu semasa saya berbincang, semasa saya membawa rombongan Pemuda UMNO ketika itu berjumpa dengan Tabung Haji kerana tidak bersetuju dengan kenaikan, mereka kata kita terpaksa naikkan kerana Arab Saudi menaikkan sewa dan sebagainya, itu boleh, ataupun...

Seorang Ahli: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:sekejap ya, maksud saya itu adalah contoh bahawa pelaburan yang bersesuaian dengan objektif penubuhan Tabung Haji atau pun kita mengeksport kepakaran kita ke negara-negara lain, di negara-negara yang mempunyai penduduk Islam, Selatan Thailand, Filipina dan sebagainya, bagaimana mengendalikan urusan haji baik, kerana kita mengatakan kita yang terbaik di dalam dunia dari segi menguruskan jemaah haji. Kita boleh jual *software* dan sebagainya atau pergi memberi kursus, ceramah dan sebagainya di rata-rata dunia,

Francaiskan apa yang ada pada Tabung Haji di negara-negara lain supaya negara lain yang memuji orang Islam boleh mengerjakan haji dengan cara yang terbaik seperti yang dilakukan oleh Malaysia tetapi tidak terlibat di dalam membeli misalnya bangunan, pejabat di Kuala Lumpur yang tidak payah saya sebut, semua orang tahu.

Terlibat di dalam perladangan di Sumatera, di Negeri Sembilan, di Filipina dan sebagainya. Ini bukan, jauh menyimpang...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun*] Ya, ya Yang Berhormat....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Cuma satu sahaja hendak beri penjelasan sedikit tentang di Negara Arab Saudi ini Tuan Yang di-Pertua , penjelasan ini. Saudi ini kita tidak boleh memilih harta, tidak boleh, kita sendiri tidak boleh apatah lagi lembaga dan sebagainya kecuali kalau Yang Berhormat Bera berkahwin dengan Tok Arab, Tok Arab pula ambil ibu Arab bawa balik datang ke sini, menikah dengan kita, kita boleh beli harta itu dengan nama ibu Arab itu.

Tetapi syarikat ataupun kerajaan ataupun sesiapa pun individu tidak boleh hendak pergi beli harta di sana. Kemudian, Pak Arab tidak tahu hargadia. Musim haji harganya sekian, dia akan meningkat, meningkat, meningkat. Jadi setakat hari ini sahajalah setelah saya lihat dan saya pun pergi dua tiga kali bersama dengan Tabung Haji, saya ikut mereka belajar macam mana mereka buat dan saya nampak Alhamdulillah kalau dahulu terpaksa orang tua-tua naik jalan kaki, sekarang ini kita pakai lif.

Sekarang ini mereka duduk di *five star* hotel dan sebagainya. Saya bersetuju kepada Yang Berhormat, kita eksport kita punya *expertise* kita itu kepada negara-negara Islam lain untuk menubuhkan lembaga yang macam ini juga dan ini satu pandangan yang cukup baik Yang Berhormat bagi Bera beri dan kita harap Menteri akan boleh beri jawapan kepada kita, terima kasih Yang Berhormat Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak kesimpulan dari apa yang saya bangkitkan tadi iaitu dana yang ditubuhkan dan juga yayasan yang ditubuhkan oleh kerajaan seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membantu Bumiputera di dalam pemilikan hartanah komersial di bandar-bandar harapnya kekal dengan objektif penubuhan itu.

Kita tidak mahu akhirnya kita bentang di Parlimen, kita umumkan pada peringkat awalnya bagus, akhirnya terjadi seperti agensi-agensi yang lain yang seperti disebut oleh Yang Berhormat Jerai seperti yang berlaku kepada UDA. Apa yang telah terjadi kepada PERNAS misalnya. Banyak yang kalau saya hendak sebutkan yang sekarang ini pun banyak lagi agensi kerajaan yang terlibat, yang tidak fokus kepada

objektif penubuhan tetapi akhirnya bercelaru, masing-masing buat, apabila perladangan untung, semua hendak buat perladangan, apabila hartanah untung semua hendak buat hartanah walaupun objektif penubuhan itu berbeza-beza....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Bera. Yang Bera sebut ini Tuan Yang di-Pertua, masuk dekad yang kedua, sudah 20 tahun sudah cerita ini. Yang Berhormat Bera cerita ini agaknya Bera ini ke seratus ribu satu orang bercakap. Di mana usaha kerajaan hendak mempertingkatkan, hendak mempertingkatkan, hendak memberikan kebaikan kepada orang Melayu Bumiputera dalam lapangan perniagaan digagalkan oleh agensi yang diamanahkan.

Agensi itu molek, objektifnya molek, waktu ditubuhkan dan diasaskan oleh kerajaan molek tetapi yang memegang amanah dalam agensi itu pengkhianat, perompak besar. Ini masalah Melayu, yang jadi masalah kepada Melayu inilah masalah Melayu yang makan Melayu, yang tidak amanah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sekarang Yang Berhormat hendak tolong Bera pula?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yalah Tuan Yang di-Pertua. Saya kadang-kadang panas Tuan Yang di-Pertua. Kita bercakap dalam UMNO Tuan Yang di-Pertua, kerana pemimpin UMNO yang pegang kuasa, yang diberikan amanah ini ialah pemimpin UMNO. Yang jadi kerajaan ini pun pemimpin UMNO...

Beberapa ahli: Bagi orang lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tetapi bila orang lain yang bukan UMNO buat penyelewengan kenapa pemimpin-pemimpin kerajaan dan UMNO tidak berani ambil tindakan? Ini masalahnya...kita jadi apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak cukup Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, Yang Berhormat ada masa untuk berucap [*Ketawa*] Ini masa Bera.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini masalahnya, ini masalahnya. Masalah kadang-kadang pemimpin kita tidak berani hendak ambil tindakan penyelewengan yang mengkhianati tujuan bangsa, kerajaan pemimpin saya, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, *bilion* duit, hancur lebuk macam buang garam ke laut Tuan Yang di-Pertua. Ini masalahnya...hasrat kerajaan, hasrat pemimpin cukup baik, cukup murni tetapi diselewengkan oleh perompak-perompak berlesen yang diberikan kuasa, kadangkala tidak terhingga dia punya kuasa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat sudah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Inilah kalau dapat diperbetulkan ini Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah dengan wang yang berbilion yang disediakan oleh kerajaan, orang Melayu tidak duduk di tahap yang ada pada hari ini, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, bulan puasa Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, ya itulah Yang Berhormat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maaf saya. Assalamualaikum Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Waalaikumusalam. Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading dan saya bersetujulah kalau ucapan atau pencelahan Yang Berhormat Sri Gading itu dimasukkan dalam sebahagian dalam ucapan saya. [*Ketawa*]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: [*Bangun*]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, Petrajaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat masa untuk menggulung Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Pendek sahaja, Cuma berkaitan dengan yayasan harta tanah tadi, kalau kita lihat apa yang diumumkan dan yang akan kita ketahui ialah kita akan mempunyai Pengerusi, di mana Pengerusi akan di Pengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi struktur lain siapakah ahli, bagaimana mekanisme untuk kita kendalikan wang RM2 bilion itu belum pasti bagaimana.

Yang saya khawatir kalau kita ada yayasan, tetapi kalau setengah duit itu nanti digunakan untuk mengurus pengurusan maka kita akan tinggal RM1 bilion sahaja untuk berbelanja, untuk sebenarnya membantu rakyat Bumiputera Melayu hanya RM1 bilion tinggal, RM1 bilion sudah hilang untuk kita membayar gaji, untuk kita bayar pengurusan dan sebagainya.

Saya ingin mendapat pandangan dari Yang Berhormat Bera, kalau dapat kita di peringkat negeri sebenarnya sudah ada, agensi-agensi tertentu untuk membantu bagaimana kalau tidak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita membawa semua MB dan ketua-ketua menteri ini duduk bersama, gunakan agensi yang sedia ada supaya kita tidak membazirkan duit kepada pengurusan tetapi diguna penuh RM2 bilion itu untuk memperolehi harta tanah kepada Bumiputera, terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya setuju....,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya minta gulung, minta gulung Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sudah gulung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Satu isu sahaja saya punya iaitu Tabung Haji.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat pun hendak bercakap satu isu sahaja kan?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Ketawa]* Banyak isu sebenarnya, banyak isu sebenarnya. Satu perkara lagi yang saya hendak sebutkan ini, ini sudah seratus ribu kali agaknya sudah disebut. Mengenai garis kemiskinan yang belum lagi dipinda sehingga ke hari ini. Kalau kita lihat masalah yang dihadapi oleh penduduk luar bandar, orang-orang miskin, bila mendaftar untuk mendapatkan bantuan PPRT, untuk mendapatkan bantuan di sekolah dan sebagainya....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Nanti, belum habis lagi. Tidak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat boleh gulung Yang Berhormat, tidak payah beri jalan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah beri jalan lagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya rasa Yang Berhormat...tadi Yang Berhormat ada cerita sedikit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bera belum beri jalan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia beri..

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Belum lagi beri.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dia bagi, sikit, sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat bagi Bera teruskan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tentang PPRT ini, daripada Tabung Haji senaraikan juga baik bantu orang-orang miskin ini, pahala dapat. Kalau kita senaraikan juga saya tidak tahulah pegangan saham dia akan pergi ke tangan orang lain. Kenapa tidak kita apakan dahulu. Oleh kerana pandangan-pandangan begitu ramai telah diberikan oleh Ahli-ahli Parlimen, pemimpin-pemimpin masyarakat yang membantah, bukan kita membantah bermakna kita tidak bersetuju tindakan Tabung Haji tetapi kita lihat dahulu ke arah mana Tabung Haji ini. Jadi macam Yang Berhormat sebut tadi tentang PPRT, apa salahnya, ramai lagi rakyat miskin, kita bantu rakyat miskin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup, Yang Berhormat ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Orang Islam yang terpaksa terhegeh sana, terhegeh sini minta bantuan Baitulmal tidak dapat kadang-kadang. Terima kasih Yang Berhormat. Setuju atau tidak setuju Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bera, sila habiskan ucapan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah sedikit dengan izin Yang Berhormat bagi Bera, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang pun saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, yang kita telah menyuarakan sejak minggu sudah tentang Tabung Haji. Yang Menteri beria-ia hendak senaraikan.

Jadi kita ini apa ni Tuan Yang di-Pertua? Saya sudah geram, sudah pakai Melayu petang ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini masuk, masuk naik angin fasal apa Datuk?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kita mengharapkan Lembaga Pengarah kita, wakil kita Ahli Parlimen duduk dalam Tabung Haji pun tidak dapat berbuat apa-apa. *[Ketawa]* Ini apa sudah jadi ini? Adakah dengan penyenaian ini Tabung Haji gah ke? Kita tidak hendak besok “menang sorak kampung tergadai”. Yang kita punya ni apa, Melayu tidak cukup duit ke? Buat apa hendak pergi *public*? Saya rasa kalau ini diserahkan, bagi peluang pembeli saham Ahli Parlimen sahaja pun sudah cukup. Yang hendak beria-ia sangat hendak pergi *public* ini buat apa? Orang lain belum tahu lagi, Tuan Yang di-Pertua, kekayaan ini hendak bagi kepada kita. Yang kita punya sudah tetap depan mata ni hendak bagi kepada orang. Saya harap Menteri jawablah ini.

Jangan hendak berseronok-seronok besok kita “menang sorak kampung tergadai”. Negeri-negeri dahulu bagi tanah untuk Tabung Haji buat ladang dengan harapan kerana matlamat Tabung Haji dengan keuntungan yang dapat dalam Tabung Haji dapat membantu orang-orang susah yang hendak pergi menunaikan haji, orang-orang kampung yang tidak cukup duit hendak pergi menunaikan haji, Tabung Haji dapat subsidikan ataupun apa yang disebutkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Larut yang mana banyak lagi kaum Islam yang melarat, maka Tabung Haji boleh bagi. Ini yang dah ada depan mata, rezeki kita, harta kita hendak bagi kepada orang lain. Saya minta Menteri lupakanlah sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bera habiskan ucapan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, saya bersetuju. Bukan saya setuju pasal akan “menang sorak kampung tergadai” tetapi takut “menang sorak kampung tergadai”. Sekarang bukan soal takut, sudah lama kita “menang sorak kampung tergadai”. Seperti yang disebutkan oleh sahabat-sahabat tadi tentang agensi-agensinya yang sepatutnya membantu tetapi akhirnya gagal, rugi dan sebagainya. Pernah tiba-tiba umum rugi RM2 bilion dan sebagainya, macam-macam syarikat lagi. Memang masa diumumkan kita bersorak tetapi akhirnya tidak jadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Akhirnya sebut tentang kemiskinan tadi, saya minta supaya pihak EPU meminda dengan segera garis kemiskinan yang ada sekarang. Tidak ada gunanya kita umumkan bahawa sekarang kemiskinan tegar 0.7% sedangkan realitinya lebih banyak daripada itu kerana yang penting kita mesti lihat ialah kuasa mampu beli oleh wang yang ada pada masa sekarang. Apa yang berlaku di bandar-bandar, pendapatan yang sebegitu yang digariskan dalam kemiskinan, RM300 lebih kalau diberi kepada bandar-bandar memang langsung tidak realistik. Di bandar-bandar memang tidak realistik, dengan harga yang begitu naik, barangan yang begitu naik sekarang, semua sekali, dengan tambang bas, tambang teksi dan sebagainya, semua barangan naik, wang yang dipunyai itu kuasa beli yang amat rendah. Jadi perkara ini perlu kita

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, tidak payah beri jalan lagi.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Dan saya mengharapkan dan meminta supaya perkara ini telah disebut berkali-kali di Parlimen ini, tahun lepas saya sebut, tahun ini saya sebut lagi kerana kesan daripada tidak berubahnya garis itu bila tidak dipinda, akhirnya ramai orang yang tidak realistik, ramai orang yang tidak mampu betul-betul tidak layak mendapat bantuan kerana mereka tidak di bawah garis sedangkan mereka hidup di dalam keadaan kemiskinan yang amat teruk. Oleh itu saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Belud.

4.15 petang.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Bajet 2006 kali ini saya hanya akan menyentuh tiga perkara sahaja secara ringkas. Pertama, lantikan kontrak pegawai awam yang telah bersara, kedua, masalah pengangguran dan ketiga usaha kerajaan dalam mengujudkan golongan pengusaha.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan syabas dan terima kasih di atas keprihatinan kerajaan memberi bonus sebulan gaji dan bayaran minimum RM1,500 bagi penjawat awam yang berpendapatan kurang dari RM1,000. Sesungguhnya pemberian ini menggembirakan seluruh warga perkhidmatan awam

namun perkara sebenar yang ingin saya sentuh bukan berkenaan bonus tersebut sebaliknya mengenai dua perkara penting berhubung sektor awam dan penjawat awam.

Perkara pertama ialah berkenaan dengan tempoh persaraan wajib penjawat awam dan kedua mengenai integriti pegawai awam khususnya berhubung masalah rasuah dan komitmen terhadap etika kerja. Berhubung tempoh persaraan wajib para penjawat awam, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memberhentikan melantik pegawai awam secara kontrak setelah mereka mencapai umur persaraan wajib kerana 4 sebab utama.

Pertama, dari segi kos mengurus perbelanjaan, kerajaan menanggung penjawat awam yang berusia lebih daripada 56 tahun untuk bekerja secara kontrak adalah jauh lebih besar berbanding membayar pencen mereka. Ini kerana melanjutkan tempoh persaraan bermakna memberikan ganjaran penuh dari segi gaji, elaun serta bayaran gratuity kepada pesara. Persaraan sebaliknya membolehkan kerajaan membelanjakan hanya separuh daripada gaji pokok pesara tanpa lain-lain tanggungan. Ini tentunya menjimatkan, malahan lebih gaji dan jumlah elaun yang dibayar kepada pesara tersebut dapat digunakan pula untuk membayar sumber tenaga baru tanpa belanja tambahan di pihak kerajaan.

Kedua, melanjutkan kontrak perkhidmatan pegawai yang telah bersara wajib akan menyekat pembangunan kerjaya pegawai muda. Keadaan ini mengakibatkan kekecewaan pegawai yang menunggu proses kenaikan pangkat dan sekiranya ini berlaku, ia boleh menjejaskan mutu kecekapan pegawai yang terlibat. Hal ini sering kita dengar kerana ada sesetengah jabatan yang perkhidmatan pegawai utamanya disambung secara kontrak beberapa kali.

Ketiga, melanjutkan pelantikan pegawai yang telah bersara wajib secara kontrak merumitkan lagi proses birokrasi. Ini kerana pegawai yang bekerja secara lantikan kontrak tidak ada lagi motivasi untuk menyumbang secara yang terbaik. Justeru itu mewajibkan persaraan kepada semua pegawai awam yang mencecah umur persaraan adalah sesuai kerana ia memberi peluang kepada generasi muda yang produktif, inovatif, berpendidikan tinggi dan berdaya saing mengambil alih pentadbiran dan membawa perubahan. Selain itu, setahu saya tidak ada bukti daripada mana-mana kajian bahawa melanjutkan tempoh persaraan pegawai secara lantikan kontrak akan menjadikan produktiviti yang lebih tinggi dan lebih baik.

Keempat, dasar melanjutkan perkhidmatan pegawai secara lantikan kontrak selepas tempoh persaraan berkecenderungan mewujudkan suasana politiking dalam organisasi kerajaan. Golongan yang hampir bersara sering kali menggunakan pengaruh mereka untuk melobi bagi dilanjutkan lagi tempoh perkhidmatan mereka. Ini tentunya proses yang tidak sihat dan boleh menjejaskan reputasi perkhidmatan awam.

Berdasarkan hujah di atas, maka saya mencadangkan supaya pegawai awam yang telah mencapai usia persaraan wajib tidak lagi disambung kontrak perkhidmatan mereka selepas mencapai umur persaraan. Hal ini perlu dinyatakan dengan jelas dalam Pekeliling Kerajaan supaya kesemua pegawai awam akan tahu bahawa tempoh persaraan untuk semua pegawai awam tanpa mengira jawatan adalah pada usia setelah mencecah umur 56 tahun. Sehubungan dengan itu bagi mengelakkan sektor pentadbiran awam tidak menghadapi masalah barisan pelapis yang mantap, kerajaan perlu membuat pengunjuran kakitangan yang akan bersara dengan baik dan menyediakan perancangan sumber manusia yang diperlukan pada masa yang akan datang secara tepat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubungan dengan integriti pegawai awam kita sering mendengar masalah rasuah, *accountability* dan komitmen kerja para pegawai awam yang bermasalah. Akibatnya ini menimbulkan persepsi negatif masyarakat terhadap imej kerajaan dan mengganggu proses pentadbiran. Saya maklum, bahawa kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil beberapa langkah tegas untuk menangani masalah ini. Seperti memperkenalkan kod etika urus tadbir korporat dan memperkenalkan Pelan Integriti Nasional (PIN). Namun tindakan ini pun masih lagi belum dapat mengurangkan rungutan orang awam kepada mutu kecekapan perkhidmatan kerajaan.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan beberapa langkah yang perlu diambil oleh kerajaan untuk mengatasi gejala rasuah dan meningkatkan mutu perkhidmatan awam. Antaranya ialah sudah sampai masanya kerajaan, pertama, menubuhkan badan *amusement*, untuk membolehkan rakyat membuat aduan secara telus, dan terbuka mengenai sebarang salah laku pegawai awam dan kelemahan pentadbiran kerajaan. Kedua, membangunkan satu piawaian *standard*, dengan izin sebagai *benchmark* dalam mengukur tahap integriti penjawat awam ini dan tahap rasuah di sektor kerajaan. Ketiga, mewajibkan jabatan-jabatan kerajaan menyediakan laporan integriti dan rasuah setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang dihadapi oleh negara ialah pengangguran, khususnya di kalangan para siswa. Saya menyokong tindakan kerajaan melancarkan kempen menyeru siswazah yang mencari kerja untuk mendaftar pengangguran mereka dengan Jabatan Tenaga Rakyat. Persoalannya, untuk apakah siswazah menganggur ini diminta mendaftarkan taraf pengangguran mereka?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.Silakan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kota Belud. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, setuju atau tidak kalau kita dalam PIN ini, Pelan Integrasi Nasional ini, kita laksanakan betul-betul dengan amanah. Yang keduanya, pemberi rasuah ini lepas, yang menerima banyak kena hari ini. Jadi boleh atau tidak, pemberi, penerima, jangan penerima sahaja. Pemberi pun kena juga. Kerana hadis itu kita tak selesai. Dari segi kaedahnya *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*, memberi dan menerima dua-dua masuk neraka. Terima kasih. *[Menyampuk]*

Datuk Salleh bin Tun Said: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat itu, saya persetujuilah. Persoalannya untuk apakah siswazah menganggur ini diminta mendaftarkan taraf pengangguran mereka? Apakah mereka yang mendaftar tersebut akan diberikan pekerjaan atau pendaftaran tersebut hanya sekadar untuk mengumpul maklumat sahaja? Sampai ke hari ini pun, saya dapati siswazah yang menganggur masih lagi kabur tentang tujuan kerajaan mengadakan kempen mendaftar pengangguran mereka.

Oleh itu, agensi yang bertanggung jawab perlulah memberikan penerangan yang mencukupi mengenai hal ini. Bagi mengatasi masalah ini, saya menyokong penuh kerajaan memperuntukkan 20.9% daripada KMK negara dalam Bajet 2006 kepada sektor pendidikan sebagai usaha meningkatkan modul insan. Saya berharap peruntukan ini dapat digunakan sebaik mungkin untuk membantu siswazah yang menganggur ini. Ia memberikan mereka kemahiran yang diperlukan bagi membolehkan mereka memasuki pasaran kerja. Biar pun sebelum ini kerajaan telahpun melaksanakan program di atas, seperti memberikan kursus ICT dan meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris, namun hasilnya masih lagi tidak memuaskan. Dan, kita pun tidak diberitahu tentang hasil dan keberkesanannya.

Oleh itu, saya berharap agar usaha kerajaan untuk membangunkan modul insan ini dapat dikaji semula supaya pelaburan yang dibuat dapat mencapai manfaat yang semaksimumnya kepada siswazah menganggur untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan. Saya juga dapati masalah pengangguran ini lebih ketara berlaku di luar bandar berbanding di bandar. Hal inilah yang kemudiannya menyebabkan berlakunya gejala penyalahgunaan dadah dan sosial yang meluas di kalangan belia di luar bandar kerana mereka tidak mempunyai pekerjaan untuk menyara kos hidup.

Oleh itu, adalah amat perlu untuk kerajaan mengatasi masalah pengangguran ini dengan cara membangunkan pusat pertumbuhan di kawasan-kawasan luar bandar, khususnya di negeri-negeri yang kurang maju seperti Sabah, Sarawak dan juga negeri-negeri di Pantai Timur di Semenanjung. Hal ini boleh dilakukan dengan cara menggalakkan aliran FDI ke kawasan luar bandar bukan hanya menumpukan di bandar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi meningkatkan usahawan bumiputera, data tahun 2002 menunjukkan bilangan usahawan bumiputera masih lagi kecil, iaitu 15.4%. Sedangkan kita telah lama bercakap ke arah melahirkan lebih ramai kelas usahawan bumiputera dan bumiputera kelas menengah semenjak era DEB sehingga kini. Pencapaian ini adalah mengecewakan. Oleh itu, telah tiba masanya kerajaan mengambil inisiatif lebih gigih untuk meningkatkan kelahiran usahawan bumiputera dengan memberikan tumpuan kepada aspek berikut:-

- (i) memodenkan sektor pertanian dengan memberi tumpuan untuk melahirkan lebih banyak usahawan melalui program pengembangan dan peranan lebih aktif agensi kerajaan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, LKIM, Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia dan Bank Pertanian Malaysia;
- (ii) membangunkan ekonomi desa di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, yang bermatlamat mempertingkatkan bilangan usahawan bumiputera luar bandar yang berkualiti selaras dengan asas membentuk masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera;
- (iii) membangunkan golongan usahawan melalui latihan dan bimbingan usahawan berasaskan *knowledge base*, pembudayaan keusahawanan dan pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya juga mencadangkan supaya setiap kementerian juga boleh dapat merangka satu dasar ke arah melahirkan usahawan bumiputera tersendiri yang mereka hasilkan. Saya juga mencadangkan supaya setiap kementerian menyasarkan kepada prospek berikut sebagai keutamaan menghasilkan usahawan tersebut, iaitu:

- (i) graduan universiti dan kolej dalam lapangan yang berkaitan dengan disiplin ilmu masing-masing, misalnya melahirkan usahawan berkaitan industri *stationary* atau ofis, industri pakaian seragam, industri pembinaan, pengkomputeran, kejuruteraan, kesihatan, percetakan, perundingan dan sebagainya;
- (ii) pelatih-pelatih institut kemahiran seperti KIKBN, MARA, Kolej Profesional Mara, dan Pusat Giat Mara, dibangunkan sebagai usahawan dalam skala kecil atau besar.

Golongan ini mempunyai kemahiran tetapi tidak mempunyai modal, pengalaman dan keberanian. Jika kerajaan mengadakan projek khas kepada mereka, sama ada berasaskan individu ataupun sukan, ianya tentu membuahkan hasil. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Muar.

4.27 ptg.

Tuan Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih sebanyak-banyak kerana diberi peluang terlibat dalam perbincangan Bajet 2006 pada kali ini. Suka saya mulakan ucapan saya dengan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selaku Menteri Kewangan, di atas Pembentangan Bajet 2006, yang bertemakan Membina Ketahanan Menghadapi Cabaran. Jelas hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah untuk dibina dan dibentuk kekuatan ketahanan dalaman terlebih dahulu sebelum dilonjakkan kita semua menghadapi cabaran dan dugaan yang lebih besar.

Justeru, masyarakat perlu dimantapkan agar kerjasama dapat dijalin dan satu bentuk kefahaman dapat diwujudkan. Ia tidak lain adalah bertujuan untuk memastikan bahawa kita seluruh rakyat Malaysia berbilang kaum, berbilang agama dan bangsa dapat hidup sejahtera di Malaysia ini. Ini kerana dalam masyarakat kita yang berbilang kaum, berbilang agama dan bangsa, terdapat juga mereka yang terdiri dari beberapa

golongan seperti mereka yang kaya, yang miskin, yang kuat dan lemah, yang menjadi pemimpin dan menjadi pengikut, yang sihat tubuh badan, yang lelaki, wanita, tua, muda, kakitangan penjawat awam, dan mereka yang di sektor swasta serta berbagai-bagai lagi.

Ia sudah pastinya mengundang dan memerlukan corak pendekatan yang berbeza dan menuntut kepada kebijaksanaan yang tinggi bagi mengolah kaedah cara bagaimana pengagihan kemakmuran negara dapat dilaku dan dilaksanakan secara adil dan saksama. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada ucapan semasa membentangkan bajet pada 30 September lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan jelas menggariskan empat penumpuan strategik bajet. Iaitu:

- (i) melaksanakan langkah praktik kerajaan ke arah memesatkan kegiatan ekonomi;
- (ii) menyediakan persekitaran mesra perniagaan;
- (iii) membangunkan modal insan, dan
- (iv) meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

Sekali lagi ini menunjukkan bahawa kerajaan mencadangkan satu belanjawan mesra masyarakat di mana kerajaan akan melipat gandakan usaha untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dengan sumber tenaga manusia dan modal insan sebagai aset yang penting. Kesemua ini dilakukan bagi meletakkan negara berada di tahap yang mapan.

Perlu saya sebut di sini bahawa cabaran masa hadapan yang terpaksa kita lalui termasuklah persaingan di peringkat antarabangsa kesan dari proses globalisasi yang amat hebat. Tuntutan transformasi struktur ekonomi dari ekonomi yang berasaskan sumber asli kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan atau K-ekonomi yang lebih tinggi, cabaran mengenai kemunculan *potency digital divide*, dengan izin, antara kawasan bandar dan luar bandar dan di kalangan etnik yang terpaksa kita atasi. Tuntutan meningkatkan *total factor productivity*, dengan izin, terutamanya produktiviti golongan bumiputera. Senario pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih rendah dan dalam dekad yang mendatang dan dalam masa yang sama kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat perlu dijadikan agenda utama kerajaan

Dalam masa yang diperuntukkan ini, saya suka berkongsi tentang beberapa perkara yang menyentuh soal pemilikan ekuiti dan pertumbuhan ekonomi serta soal kesejahteraan dalam kualiti hidup masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ekonomi bumiputera kini amat sulit. Pencapaian kejayaan sehingga kini mungkin boleh terhakis akibat dari tekanan globalisasi dan tuntutan persaingan antarabangsa yang maha hebat. Maka, kegagalan kita melaksanakan dasar dan strategi tindakan alternatif dengan izin dan pemantauan yang mantap boleh menyumbang kepada kesulitan tadi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan mesyuarat**]

Oleh itu, saya menggesa, supaya kita berupaya mencapai penyertaan yang lebih bermakna dan saksama, jika kita melaksanakan tindakan strategik dan dasar yang berkesan. Kita mungkin boleh menarik nafas lega apabila pencapaian matlamat pembangunan sosioekonomi selepas 1970, telah diiktiraf oleh Bank Dunia dalam sebuah kajian *monumental* sebagai suatu yang menakjubkan. Sementara dasar-dasar mikro ekonomi *pragmatic* yang dilaksanakan oleh kerajaan telah membolehkan ekonomi Malaysia bergerak pada landasan pertumbuhan yang tinggi dalam jangka masa 1970 hingga 1990 an. Kejayaan pembangunan negara hasil langsung dari dasar ekonomi baru yang berfalsafahkan pertumbuhan dengan pengagihan.

Walaupun berlakunya kelembapan ekonomi pada pertengahan 1980 an, pencapaian matlamat DEB setelah tamat pada tahun 1990 adalah menggalakkan di mana ianya menggambarkan kejayaan tindakan alternatif kerajaan dalam memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi di kalangan golongan etnik serata di antara bandar dan luar bandar dan ketidakseimbangan wilayah. Walaupun terdapat kritikan terhadap kos melaksanakan DEB, KDNK Malaysia bertumbuh pada kadar yang tinggi 6.7% setahun dalam jangka masa 20 tahun iaitu dari tahun 1971 hingga 1990.

Menjelang tahun 1990, negara telah mencapai keadaan ekonomi dan guna tenaga penuh. Pada masa yang sama, ekonomi Malaysia mengalami transformasi struktur yang ketara. Manakala dari sudut kemiskinan pula, kadar kemiskinan menurun dari 16.5% dalam tahun 1990 ke 6.1% dalam tahun 1997 dan meningkat sedikit ke 7.5% pada tahun 1999 dan terus menurun kepada 5.5% dalam 2002.

Namun begitu, insiden kemiskinan masih lagi tinggi di kalangan isi rumah luar bandar. Isi rumah bumiputera dan di kalangan golongan pribumi di Sabah dan

Sarawak serta golongan orang Asli dan kurang upaya. Kadar kemiskinan juga masih tinggi di sektor-sektor pertanian tertentu termasuk petani padi, pekebun getah, pekebun kecil kelapa, perikanan dan mereka yang bekerja di *estate-estate*.

Seperkara lagi yang perlu diberi perhatian dari aspek kemiskinan ialah isu kemiskinan relatif dan kemunculan *new urban poor* yang terdiri terutamanya daripada *migrant*, mereka yang berhijrah dari luar-luar bandar. Kita perlu memberi nafas baru terhadap pembangunan luar bandar dengan mengambil langkah yang drastik dari segi tindakan dan peruntukan pembiayaan bagi menggembeleng pembangunan luar bandar adalah penting untuk memastikan wujudnya asas ekonomi yang *viable* melalui suntikan pelaburan yang besar serta memastikan terdapatnya pembangunan yang berkesan di luar bandar.

Strategi ini adalah dilihat dapat meredakan kadar penghijrahan penduduk bandar, penduduk desa ke bandar. Atas dasar inilah saya amat menyokong saranan dan iltizam kerajaan untuk membelanjakan sejumlah dana sebanyak RM5.7 bilion bagi memperbaiki ekonomi dan infrastruktur kemudahan rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pemilikan modal penting untuk membiayai aktiviti ekonomi dan seterusnya membantu menjana peluang pekerjaan dan peningkatan penempatan. Keupayaan sesuatu kaum memiliki modal yang tinggi boleh membantunya menjanakan lebih dan mengukuhkan penyertaannya secara berterusan dalam aktiviti ekonomi. Dalam tempoh 1990 hingga tahun 2000, pemilikan modal saham syarikat berhad oleh bumiputera menurun dari 19.3% kepada 18.9% pada tahun 2000 dan menurun pada 18.7% pada tahun 2002. Sungguhpun Rangka Rancangan Jangka Panjang ke-3 RRJP-3 menetapkan sasaran milikan kekayaan bumiputera pada tahap 30% dalam tahun 2010.

Namun berdasarkan kepada trend ini, ia dijangka akan terus meminggirkan kedudukan penyertaan ekonomi bumiputera. Justeru kerajaan perlu segera memamatkan penyertaan milikan harta bumiputera adalah dominan dalam sektor-sektor terpilih dan di kesempatan ini, saya ingin mengambil contoh tentang pemilikan ekuiti bumiputera. Kalau kita lihat saham-saham amanah yang diterbitkan seperti Amanah Saham Bumiputera, Amanah Saham 2020, Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Didik menunjukkan bahawa saiz-saiz tabung yang ditetapkan tidak pun mengehadakan pelaburan maksimum kepada bumiputera. Tetapi apa yang berlaku kepada Amanah Saham Bumiputera, walaupun saiz tabungan tidak dihadkan. Namun mengapakah

pelaburan maksimum kepada pelabur-pelabur bumiputera ini dihadkan kepada RM200 ribu sahaja? Saya ingin menggesa agar pihak kerajaan memberi sedikit penjelasan tentang pengehadan....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Muar. Saya tertarik dengan apa yang diketengahkan oleh Yang Berhormat tentang Amanah Saham Didik ini. Minggu lepas Yang Berhormat, saya telah cuba memasukkan sedikit wang kepada anak saya dalam Amanah Saham Didik. Tetapi, malangnya tidak dapat diterima kerana syernya sudah habis dijual. Bagaimana pendapat Yang Berhormat tentang soal yang mereka yang ingin melabur dalam Amanah Saham Didik ini tidak boleh masuk lagi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Fahamkah?

Seorang Ahli: Faham. Faham. Saya sokong *[Dewan riuh sebentar]*

Tuan Razali bin Ibrahim: Faham. Faham bah. *[Ketawa]* Saya mendapat maklumat sedikit ini, saiz tabung bagi Amanah Didik ialah RM0.7 bilion unit. Walaupun tidak di tetapi minta diperbaikilah kalau menteri boleh betulkan. Walaupun tidak dihadkan satu-satu pemegang atau anak-anak di bawah Tabung Didik ini tidak dihadkan jumlah pelaburan, tetapi saiz tabung RM0.7 bilion ini, ini merupakan had maksimum. Saya faham kalau kita tidak ada sekatan, mungkin pulangan kepada pelaburan itu mungkin menjadi sedikit, tetapi masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat bagi Putatan ini boleh diambil kira untuk kita besarkan saiz dana Amanah Saham Didik ini supaya lebih ramai orang boleh menabung. Ini kerajaan yang suruh, kerajaan suruh masyarakat menabung. Maka, hendaklah dibesarkan dan ramai pelabur daripada Amanah Saham Didik ini adalah anak-anak kecil kerana itu *requirement* ataupun itu keperluan yang dikenakan.

Saya rasa perkara ini tidak sepatutnya berlaku, walaupun perlu dikawal, tetapi sepatutnya dibesarkan lagi sebab jumlah mereka yang berada di bawah umur yang layak melabur ini cukup besar dan RM0.7 bilion ini merupakan satu jumlah yang pada saya sedikit untuk kita kongsi ramai-ramai. Terlalu sedikit, sebab itu di sini kalau boleh saya sebutkan bagi Amanah Saham 2020, saiz tabung RM3 bilion yang mana tidak dihadkan, maka siapa yang boleh menyimpan atau melabur dalam Amanah Saham 2020, laburlah seberapa banyak yang mungkin sebelum saiz dana RM3 bilion penuh. Tetapi mengapa yang saya ingin sebutkan tadi, saya ulang semula, kenapa Amanah

Saham Bumiputera yang boleh memberi pemilikan ekuiti Bumiputera yang tidak dihadkan saiz tabungan, tetapi dihadkan jumlah pelaburan RM200 ribu.

Saya ingin mencadangkan supaya perkara ini dikaji semula dan kalau boleh dibuka dan kalau dibuka kita akan lihat sebegitu ramai sebenarnya kaum bumiputera boleh terus menyimpan, melabur dan ini boleh membantu pemilikan ekuiti bumiputera dalam negara. Jadi saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Mengenai pemilikan ekuiti bumiputera, tadi Yang Berhormat ada fokus pada ekuiti bumiputera. Setuju tidak Yang Berhormat, kalau untuk mencapai ekuiti 30% untuk bumiputera ini, dua perkara yang penting mesti dilakukan oleh kerajaan yang satu kita mesti mengembangkan k-Ekonomi kita supaya semua kaum ada peluang untuk mendapatkan, mengaktifkan diri dalam kegiatan ekonomi.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan untuk mempercepatkan lagi pencapaian 30% untuk bumiputera, adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan supaya satu rangkaian atau satu kerjasama yang tulen (*genuine*) dengan izin, antara bumiputera dengan bukan bumiputera dalam negara ini untuk kita mempercepatkan lagi menjana objektif negara kita iaitu satu kerjasama yang lebih erat dan juga lebih kuat dan kukuh pada masa-masa depan. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Ibrahim: Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Puchong. Sebab itu di awal tadi saya menyatakan bahawa cabaran yang terpaksa kita hadapi dalam mengendalikan sebuah negara bernama Malaysia ini cukup unik kerana kita mempunyai mereka yang datang dari latar belakang yang berbeza. Sebab itu saya katakan tadi ekonomi perlu dikongsi bersama supaya kerajaan dapat memberi jaminan dalam baki beberapa tahun dalam rancangan Malaysia ini sebelum kita menjadi negara maju *gap* dengan izin, di antara bumiputera dengan bukan bumiputera ini dapat dikecilkan kerana ini sesungguhnya akan memberi jaminan untuk kita berada dalam keadaan sejahtera yang kita rasa selesa dapat duduk bersama di antara mereka yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, kaum, agama dan bangsa.

Saya setuju supaya kerajaan dapat memikirkan kaedah bagaimana *smart partnership* dengan izin, ini dapat kita terus laksanakan. Sebab itu pendekatan yang bijaksana hendaklah diwujudkan dalam memperbaiki prestasi-prestasi ini dan dalam

masa yang sama penyediaan peruntukan kewangan yang mencukupi kepada golongan bumiputera sama ada melalui PROSPER, Exim Bank, SME Bank biarlah benar-benar telus berkesan dan menepati sasaran agar ia dapat memastikan pegangan milik bumiputera ini dapat diteruskan dan tidak terhakis.

Saya mengharapkan penubuhan bank-bank ini tidak pula nanti akan menambahkan satu lagi birokrasi dalam kita membantu golongan bumiputera kerana kita tahu sebelum ini pun terlalu banyak birokrasi yang diwujudkan di bawah bank-bank yang sedia ada. Jadi saya mengharapkan niat baik ini dapat kita jayakan demi untuk mencapai matlamat yang kita harap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa hakikat abad ke 21 bukanlah satu abad yang mudah bagi negara dan rakyatnya. Bagi satu pihak, globalisasi menuntut negara meningkatkan daya saing di pasaran global. Akan tetapi pada pihak lain masih terdapat jurang yang besar dalam masyarakat Malaysia termasuk perbezaan ekonomi antara intra kaum, antara bandar dengan luar bandar, antara pelbagai lapisan penduduk dan wilayah.

Jika masalah nasional ini tidak ditangani maka kemungkinan besar nanti ia akan menjejaskan perpaduan masyarakat dan seterusnya kemajuan negara secara keseluruhannya tidak dapat dicapai. Ini kerana keadaan ini boleh memberi impak yang besar kepada kemajuan dan kestabilan sosial dan politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan di awal tadi dan seperti yang dijadikan asas kepada Bajet 2006 ini di mana usaha untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat akan diteruskan, maka suka saya menegaskan dalam mengejar kemajuan kita tidak boleh lari dalam menyediakan kemudahan asas kepada kehidupan demi kesejahteraan rakyat.

Kualiti hidup seperti yang didefinisikan oleh satu kajian yang dijalankan oleh Universiti of Toronto membawa maksud satu tahap di mana seseorang individu dapat menikmati satu kemungkinan dalam kehidupannya. Kemungkinan-kemungkinan yang dimaksudkan di sini lahir dari peluang keterbatasan yang ada dalam setiap individu. Ia wujud dalam keadaan diri individu itu sendiri dan juga dari suasana sekeliling. Secara mudahnya kualiti hidup bolehlah diertikan sebagai penyediaan kemudahan, keadaan dan suasana persekitaran yang selesa kepada setiap individu yang hidup secara bermasyarakat dengan memberikan ketenangan, kedamaian dan kesejahteraan kepada diri individu itu.

Justeru, sebagai kerajaan yang sentiasa memikirkan soal kesejahteraan rakyatnya saya amat mengalu-alukan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai banyak perkara seperti soal kemudahan rumah kediaman yang selesa, peningkatan kualiti alam sekitar, menyediakan bekalan api, elektrik, air serta menyediakan kemudahan kesihatan yang mencukupi kepada rakyat.

Walau bagaimanapun, saya hanya ingin menyentuh satu sudut yang secara langsung menyumbang kepada kehidupan rakyat yang sejahtera dan berkualiti iaitu soal keselamatan yang menjamin kesejahteraan rakyat ini terus terlaksana iaitu mengenai pasukan Polis Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk mengiktiraf keperluan bagi meningkatkan keupayaan pasukan polis dalam mendaulatkan undang-undang dan dalam masa yang sama berperanan untuk mengekalkan keamanan dan kesejahteraan hidup masyarakat. Dalam masa yang sama saya juga ingin merujuk kepada Laporan Suruhanjaya Diraja penambahbaikan perjalanan dan pengurusan PDRM yang diumumkan pada 16 Mei 2005 yang lalu.

Terdapat banyak syor dan saranan yang dibuat oleh suruhanjaya ini namun saya ingin menyentuh mengenai satu perkara sahaja iaitu mengenai syor penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis atau *Independence Police Complaint and Misconduct Commission* (IPCMC) dengan izin, yang pada hemat saya boleh mengganggu keselesaan dan kesejahteraan sedia ada jika tidak dipantau dengan teliti.

Beberapa seksyen dalam IPCMC yang dicadangkan ini jelas melangkaui garisan kerahsiaan yang boleh memberi implikasi buruk dan tidak membawa kepada keputusan seperti yang kita harapkan. Sebahagian pindaan yang dicadangkan ini boleh mengundang bahaya jika jatuh ke tangan musuh-musuh negara. Tiada mana-mana negara di dunia yang berkongsi maklumat *intelligence* atau *classified information* dengan izin dengan mana-mana pihak lain selain daripada pihak berkuasa. Melalui IPCMC ini nanti senarai pemberi maklumat juga terpaksa dikeluarkan oleh pihak polis pada badan ini.

Saya merasakan bahawa kewibawaan dan setengah cara kerja PDRM perlu dilindungi dan dikekalkan demi keselamatan dan kepentingan negara. Malah sering kali pegawai-pegawai polis yang berkaitan dalam satu siasatan hanya mengetahui perkara-perkara tertentu dan dilarang daripada mengetahui maklumat di luar bidang tugas atau pengkhususan mereka. Saya merasakan integriti dan kemampuan PDRM

menyelesaikan lebih 40% kes-kes yang dilaporkan pada tahun 2004 mengatasi kadar 20% yang ditetapkan oleh Interpol jelas menunjukkan kemampuan PDRM tidak boleh dipertikaikan.

Saya menyeru supaya janganlah kita menggadaikan keselesaan dan kesejahteraan yang di kecapi ini hanya atas nama ketelusan dan kebebasan kerana kebebasan mutlak tidak bermakna kita dapat hidup bebas dan sejahtera. Sehubungan dengan itu, Muar mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rasah.

4.47 ptg.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kerana dibenarkan membahaskan Bajet tahun 2006 ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kerana pihak Kementerian Kerja Raya telah mulai melebarkan lebuh raya dari Tol Seremban ke Tol Senawang supaya lebuh raya dapat jadi enam laluan atau enam *lane*. Ini memang dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas yang sentiasa berlaku di kawasan ini.

Walau bagaimanapun, majoriti penduduk di Seremban berharap Plaza Tol Seremban perlu dipindahkan dan lokasi yang dicadangkan adalah ke batu 4 Jalan Labu Seremban iaitu berdekatan dengan Organic Garden Labu. Ini adalah kerana

- (i) Plaza Tol Seremban kini tidak dapat memuatkan lagi trafik yang begitu sesak khususnya pada hari Sabtu, hari Ahad dan hari cuti di mana kenderaan datang berduyun-duyun dari utara dan selatan;
- (ii) Plaza Tol Seremban terlalu dekat dengan lebuh raya utara Selatan.
- (iii) Plaza Tol Seremban tidak dapat dinaikkan taraf lagi kerana tiada tanah lapang untuk dibuat demikian.
- (iv) Plaza Tol Seremban terlalu dekat dengan plaza tol yang lain seperti Plaza Tol Port Dickson dan Plaza Tol Senawang. Jarak di antara mereka cuma lebih kurang 2 kilometer. Keadaan ini menyebabkan kesesakan lalu lintas berlaku.
- (v) pemandu dari Senawang, Port Dickson dan Seremban Selatan menggunakan *North South Highway* dengan izin, untuk ke 'Auckland', Kemayan dan Seremban 2 yang kesemuanya terletak di bandar Seremban. Juga sebaliknya kerana tiada lagi alternatif jalan yang elok

dan sesuai. Ini bermakna pengguna-pengguna jalan tempatan juga terpaksa menggunakan *North South Highway*.

Keadaan ini pasti memburukkan kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Utara Selatan. Oleh itu saya memberi sokongan kuat supaya dapat dipindahkan Plaza Tol Seremban ke Batu 4, Jalan Labu berdekatan *farm* organik yang lebih kurang 3.5 kilometer ke utara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan ini juga adalah cadangan di bawah *Negeri Sembilan States Structure and Development Plan* tahun 2001 ke 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga cadangkan pembinaan sebuah jalan baru iaitu *Northern East West Link* untuk bandar Seremban iaitu sambungan jalan Senawang ke Rasah, Auckland dan ke Seremban 2. Panjangnya 5 kilometer termasuk menaikkan taraf sembilan simpang jalan. Jika cadangan saya dapat dilaksanakan, maka trafik tempatan boleh dipisahkan daripada trafik laluan dan kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Utara Selatan dapat diatasi. Begitu juga trafik di bandar Seremban akan ada alternatif sebab ada *Southern East West Link road*. Tambahan pula pengguna jalan di Senawang juga tidak perlu membayar tol jalan. Ini adalah yang kita tunggu-tunggu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah bekalan air merupakan satu isu yang semakin serius di Negeri Sembilan. Masalah serius ini berlaku adalah disebabkan Negeri Sembilan telah membangun dengan begitu pesat. Bekalan air yang sedia ada didapati semakin tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian. Oleh itu catuan air perlu dilaksanakan oleh Jabatan Bekalan Air bagi kawasan yang didapati loji rawatan airnya telah berada di paras yang minimum khususnya di bandar Seremban, ibu negeri Negeri Sembilan, dan juga di daerah Jelebu. Kerajaan Negeri Sembilan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita amat mengambil berat masalah bekalan air dan berusaha kuat untuk mengatasi masalah yang semakin meningkat serius.

Barangkali perlu juga beli air dari negeri Melaka., Bagaimana untuk mengatasi masalah ini? Saya berpendapat cadangan pembinaan tambahan loji rawatan air adalah amat diperlukan. Sebagai contohnya, tambahan keperluan air di daerah Jelebu adalah disebabkan oleh pembinaan kawasan perumahan dan komersial dalam Rancangan Malaysia Kelapan, program-program pembangunan seperti Pusat Penyelidik Ikan Air Tawar, Gelemi Lemi dan cawangan Universiti Malaysia, Bandar Baru Jelebu, Pusat Pelancong *Forest View Resort* dan *Highland Valley Resort* telah

pun diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Ini menunjukkan bahawa keperluan air domestik, industri dan komersial pasti akan meningkat dan anggaran penggunaan air sehari menjelang tahun 2008 adalah 2.5 juta gelen. Loji rawatan air yang sedia ada hanya boleh membekal air bersih sebanyak 400 ribu gelen sehari sahaja. Maka dengan ini adalah perlu dilaksanakan projek pembinaan Loji Rawatan Air Fasa 2 di Titi, Jelevu dengan seberapa segera.

Dengan adanya sistem bekalan air yang lebih lengkap dan efisien, ini pasti akan membawa kemakmuran kepada semua lapisan masyarakat sama ada di sektor perindustrian mahupun di sektor pelancongan. Pelabur-pelabur juga akan lebih yakin untuk datang melabur ke Negeri Sembilan dengan adanya sistem bekalan air yang berdaya harap.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran kesedaran kos projek Loji Rawatan Air Titi Fasa 2 ini adalah sebanyak RM8 juta. Memandangkan kos projek ini adalah tinggi, saya berharap Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dapat membantu kerajaan negeri untuk melaksanakan projek-projek bekalan air yang amat diperlukan supaya pengguna-pengguna dapat bekalan air yang bersih dan mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin memohon jasa baik Kementerian Kerja Raya di Dewan yang mulia ini, iaitu keperluan pemasangan lampu jalan di lebuh raya dari Simpang Nilai dan datang ke bandar Seremban. Setakat ini cuma ada lampu-lampu jalan lebuh raya dari Kuala Lumpur ke Nilai dan ke KLIA. Oleh sebab aktiviti pelancongan di Negeri Sembilan memang masih lemah sedikit, tidak ramai pelancong datang ke Negeri Sembilan. Saya rasa pemasangan lampu-lampu jalan boleh membantu kelemahan ini di seluruh Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, dari Simpang Nilai ke bandar Seremban perlu dipasang lampu-lampu jalan dengan segera kerana tanpa lampu-lampu jalan di lebuh raya ini, bermakna di sebelah lebuh raya ke Seremban ini tidak menarik dan tidak maju. Oleh itu walaupun kos pemasangan agak tinggi, saya berhasrat ia dapat juga dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berbanding dengan negeri-negeri yang lain seperti negeri Melaka dan negeri Pulau Pinang, di Negeri Sembilan pelancong-pelancong adalah kurang datang, tempat yang popular cuma pantai Port Dickson dan Kuala Pilah sahaja. Oleh itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar amat mengambil berat tentang industri pelancongan di negeri ini dan telah berusaha kuat untuk menjadikan bandar-bandar di

Negeri Sembilan seperti Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah lebih indah dan lebih bersih supaya dapat menarik lebih ramai pelancong datang ke negeri ini.

Baru-baru ini kerajaan negeri telah ada satu cadangan projek iaitu membina laluan pejalan kaki berbumbung dari Stesen Kereta Api Seremban ke Terminal Bas Seremban. Cadangan pembinaan laluan pejalan kaki ini adalah amat baik untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada penumpang-penumpang yang menggunakan perkhidmatan kereta api dan bas. Mereka dapat bergerak antara kedua-dua stesen tanpa berjalan di bawah cahaya matahari yang panas atau dibasahi oleh air hujan di waktu hujan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jarak perjalanan di antara kedua-dua stesen ini adalah dekat iaitu tidak sampai 1 kilometer. Pemandu-pemandu teksi tidak dapat menyediakan perkhidmatan kerana perjalanan ini sangat dekat. Kertas kerja dan lukisan pelan telah disediakan oleh pihak Majlis Perbandaran Seremban dan didapati anggaran kos pembinaan laluan pejalan kaki ini adalah sebanyak RM3.6 juta. Saya harap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat salurkan peruntukan kepada kerajaan negeri agar projek yang dicadangkan ini dapat dilaksanakan dan saya percaya pelaksanaan projek ini adalah satu kebaikan, bukan sahaja dapat beri kemudahan kepada orang ramai tetapi juga dapat menjadikan bandar Seremban lebih indah dan lebih menarik dan seterusnya dapat meningkatkan industri pelancongan di Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, penjaja bergerak adalah satu perniagaan kecil yang boleh dilihat di mana-mana negara sama ada di Asia mahupun di Amerika Syarikat. Di bandar-bandarnya masih boleh nampak ada penjaja-penjaja bergerak menjual makanan dan minuman ringan jika sesuatu jalan itu ada dilalui oleh orang ramai. Cuma jalan-jalan besar yang cukup sibuk barulah tidak dapat berniaga.

Sebagai contohnya di New York, terdapat juga penjaja menjual makanan dan minuman ringan di tepi jalan seperti minuman kopi, air kotak dan minuman *fast food* seperti burger, *hot dog* dan ada juga yang menjual buah-buahan, surat khabar dan majalah. Bagi penjaja-penjaja di tepi jalan ini, saya rasa penjaja-penjaja ini kadangkala juga boleh memainkan peranan membantu mencegah kes-kes jenayah berlaku, khususnya jenayah ragut atau keselamatan di waktu malam kerana penjaja-penjaja ini juga boleh jadi mata pandangan kepada masyarakat.

Oleh itu, saya berpendapat lesen-lesen penjaja bergerak boleh kita keluarkan atau diperbaharui mengikut keperluan tempatan sekurang-kurangnya satu atau dua di sesuatu jalan bagi golongan yang benar-benar memerlukan kerana modal perniagaan ini adalah kecil. Ini juga boleh menjadi satu hasil pendapatan kepada mereka supaya dapat hidup dengan selesa.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan tempat letak kereta di bandar Seremban adalah di tahap yang amat serius. Saya difahamkan setakat ini di kawasan Majlis Perbandaran Seremban cuma ada 5,000 tempat letak kenderaan. Disebabkan kemajuan masyarakat kita boleh dikatakan ramai anak-anak negeri telah mampu memperoleh kereta. Ini telah menjadi kawasan Majlis Perbandaran Seremban tidak cukup tempat untuk letak kereta.

Mengikut laporan yang dikaji oleh pihak tertentu, didapati 7,000 lot *parking* adalah diperlukan dalam tempoh masa satu, dua tahun ini. Oleh itu, saya cadangkan Kerajaan Persekutuan dapat membantu membuat kompleks letak kereta untuk pengguna kita. Bantuan Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan kerana kebanyakan pihak swasta kurang berminat untuk membina kompleks letak kereta. Barangkali pulangan hasil dari pembinaan kompleks ini memang ambil masa yang panjang. Saya juga cadangkan kompleks letak kereta ini di Jalan Lee Sum Seremban yang dimiliki oleh MPS dapat dipertingkatkan menjadi *multi purpose complex* dalam usaha mengatasi masalah letak kereta di Majlis Perbandaran Seremban ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan Bajet 2006 juga telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini baru-baru ini adalah satu bajet yang baik dan sempurna. Bajet ini sekali lagi menunjukkan kerajaan amat ambil berat rakyat jelata, khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Bajet 2006 ini juga dapat sokongan untuk melaksanakannya dengan licin dan *implement* dengan sebaik-baiknya ikut jadual, masa yang ditetapkan, kita mesti capai kejayaan. Dalam Bajet 2006 ini elaun kakitangan awam telah ditambah. Sekali lagi selaku pegawai-pegawai kerajaan, memang adalah tanggungjawab mereka untuk menunaikan bajet ini dan *effectiveness*....

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Aman.

Dato' Goh Siow Huat: Ya.

Tuan Jimmy Donald: Minta penjelasan dari Yang Berhormat. Bonus kakitangan awam telah diberi. Macam mana pendapat Yang Berhormat tentang bonus yang diberi kepada pesara-pesara kita, hanya RM200 sahaja. Pada hal mereka pun telah memberi perkhidmatan yang begitu baik. Kalau mereka tidak membina negara, saya rasa Malaysia tidak maju seperti yang kita dinikmati sekarang. Apa pendapat Yang Berhormat kalau kita cadangkan wakil rakyat juga diberi, semua pesara juga diberi elaun yang sama rata?

Dato' Goh Siow Huat: Terima kasih. Saya rasa memang selaku wakil rakyat, kalau kerajaan mampu, kerajaan boleh bagi jugalah. *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini tentang *effectiveness* dan *efficiency* kakitangan kerajaan adalah amat penting. Kita perlu timbangkan *ability* atau keupayaan seseorang pegawai kerajaan dari semasa ke semasa. Tindakan yang sepatutnya perlu diambil jika seorang pegawai itu gagal dalam tanggungjawab jawatannya. Saya bersetuju jika jawatan itu, gajinya, elaunnya tidak cukup, perlu buat *adjustment*.

Kita buat *adjustment* supaya pegawai dan kakitangan awam dapat mempunyai suasana kerja yang ceria dan bahagia. Boleh kata *work happily* dan *stay happily* dan *efficiency* dan kualiti kerja dapat sentiasa dipertingkatkan. Sebagai contohnya, projek-projek, kontrak kerajaan perlu dilaksanakan dengan segera. Saluran peruntukan ke kerajaan negeri perlu tetap dan cepat. Jadi saya dengan ini menyokong Bajet 2006 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Beluran.

5.07 ptg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: Blind spot.

Datuk Ronald Kiandee: Ya ada..... *spot* dekat sini Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* *Part times*lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa sebab?

Datuk Ronald Kiandee: Dia tidak terang lampu.

Tuan Devamany a/I S. Krishnasamy: Dato' Speaker tidak boleh nampak sebelah sini.

Datuk Ronald Kiandee: Tetapi speaker tengok boleh. *[Ketawa]*. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lampu kena terang sikitlah. *[Ketawa]*

Datuk Ronald Kiandee: Ya. Saya akan turut membahaskan Bajet 2006 yang sedang kita bahaskan ketika ini. Saya berkesempatan menghantar sekumpulan 40 orang penuntut tingkatan enam daripada kawasan saya ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk satu program yang dinamakan sebagai “Program Selangkah Ke Menara Gading”.

Di dalam program ini, penuntut-penuntut yang dihantar ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) ini, didedahkan dengan kehidupan kampus dan bertujuan untuk memotivasikan penuntut ini agar mereka akan cemerlang dalam peperiksaan STPM dan akan berpeluang dimotivasikan untuk memasuki universiti selepas peperiksaan STPM. Bererti, saya mendedahkan mereka ini kepada peluang untuk menjadi graduan dalam kehidupan mereka.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya juga berjumpa dengan sekumpulan penuntut-penuntut universiti tempatan yang sudah pun bergelar sebagai graduan tetapi saya didedahkan dengan masalah besar yang dihadapi oleh mereka iaitu peluang untuk mendapatkan pekerjaan. Mereka ini tergolong dalam kategori graduan yang menganggur.

Itu merupakan dilema yang saya hadapi dalam masa saya memotivasikan penuntut tingkatan 6 untuk menjadi graduan. Pada masa yang sama saya berhadapan dengan masalah graduan menganggur hasil daripada sistem pendidikan yang ada dalam negara kita dan sekumpulan pelajar yang dinamakan sebagai graduan menganggur ini merupakan sebahagian, rupa-rupanya sebahagian daripada 80 ribu lebih penuntut yang keluar daripada universiti tempatan tetapi hingga hari ini masih gagal mendapatkan pekerjaan. Yang menyedihkan lagi sebahagian besar 90 peratus daripada mereka adalah merupakan pelajar-pelajar graduan keluar universiti bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, kita banyak mendengar keluhan tentang masalah graduan menganggur ini, pelbagai pihak telah memberikan pendapat, pihak kementerian, pihak Kementerian Sumber Manusia memberikan pendapat mereka tentang masalah dan punca graduan menganggur ini. Kita rumuskan beberapa faktor,

yang pertama disebabkan oleh ketiadaan *soft skill* di kalangan graduan kita. *Soft skill* yang dimaksudkan termasuklah kemahiran berkomunikasi, keyakinan diri ketika ditemu duga, kurang daya keterampilan, lemah penguasaan Bahasa Inggeris dan lemah penguasaan komputer. Itu satu daripada faktor yang disenaraikan pada kita.

Terdapat juga dikatakan sikap diskriminasi yang diamalkan oleh majikan tertentu, ini termasuklah diskriminasi terhadap *gender*, bangsa dan juga kemahiran-kemahiran lain. Dikatakan juga ini disebabkan oleh istilah yang dipanggil sebagai tragedi *of the anti-commons* ataupun graduan yang tidak memenuhi kehendak, peluang, pasaran yang ada, peluang-peluang pasaran pekerjaan yang ada dan dikaitkan dengan *mismatching* terhadap graduan-graduan terutama daripada sains sosial, sains komputer dan sebagainya, itu sebab-sebab yang didedahkan pada kita. Begitu juga dikatakan bahawa graduan menganggur disebabkan oleh peluang yang begitu besar untuk belajar di peringkat universiti.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Datuk Ronald Kiandee: Konsep *study first* dan bayar kemudian yang dilaksanakan oleh PTPTN

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Cameron Highlands.

Datuk Ronald Kiandee: mendorong lebih ramai di kalangan penuntut-penuntut untuk masuk ke universiti, silakan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua terima kasih, rakan seperjuangan saya daripada Beluran. Baik saya ingin penjelasan dikatakan mengenai *skill* ini yang dikatakan tadi dan isu mengenai pengangguran.

Saya rasa ada pandangan rata-rata mengatakan bahawa kualiti akademik dan kualiti pembinaan sahsiah di kalangan para graduan kita akibat sistem pendidikan yang longgar menjadi satu isu kini di rata-rata tempat. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Beluran sejauh manakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan bahawa sistem pendidikan kita gagal dan perlu dirombak semula seperti tahun 60'an dan 70'an di mana golongan-golongan graduan yang keluar boleh berjuang di medan kerja dan juga di dalam kehidupan mereka. Apakah yang boleh kita buat? Dirombak semula semua sistem pendidikan Malaysia.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands, saya akan sampai kepada *point* itu dan *point* itu merupakan *whole* kepada cadangan-cadangan-cadangan yang akan saya kemukakan, terima kasih.

Faktor lain yang dikatakan graduan memilih kerja, inilah yang didedahkan kepada kita oleh pihak kementerian, pihak media dan pihak-pihak tertentu yang bercakap tentang graduan menganggur ini. Kita melihat bahawa kerajaan prihatin, *responsive* terhadap masalah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Belut, kerajaan telah mengambil langkah termasuklah perwujudan skim latihan siswazah ini, skim latihan siswazah yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia. Kita lihat bahawa RM150 juta telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk melatih semula graduan kita.

Ini termasuk melalui institusi-institusi seperti latihan perindustrian, Pusat Latihan Teknologi Tinggi ADTEC ini, Institut Kemahiran Belia dan akhir sekali saya terbaca bahawa graduan yang menganggur ini juga dipelawa untuk mengikuti kursus-kursus melalui kolej-kolej komuniti. Ini satu daripada tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi kemelut graduan menganggur ini. Kita lihat juga kerajaan telah mewujudkan Skim Latihan Siswazah Menganggur Berhad yang dikendalikan melalui Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi dan kementerian lagi satu lagi kementerian yang lain.

Ini merupakan tindakan, dikatakan bahawa Skim Siswazah Menganggur ini, perwujudan Skim Latihan Siswazah Menganggur yang lain daripada skim latihan siswazah oleh kementerian akan mengambil pakai model yang digunakan di Australia yang dikatakan berjaya melatih graduan untuk *employable* dalam pasaran pekerjaan di negara, dan itu yang dikatakan bahawa model ini akan mengikuti model Australia yang akan pergi mencari semua graduan menganggur negara ini, didaftarkan mereka ini dalam skim pendidikan-pendidikan oleh gabungan dua, tiga kementerian ini dan mereka ini akan dilatih dan sebagainya untuk memberikan nilai tambahan kepada graduan kita.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ini kalau dalam konteks kesihatan ianya merupakan langkah-langkah merawat. Sedangkan kalau kita lihat istilah kesihatan yang paling sering digunakan oleh pakar-pakar kesihatan, *prevention is better than cure*. Kita melihat segala tindakan yang diambil oleh kerajaan, Skim Latihan Siswazah, Skim Latihan Siswazah Menganggur

merupakan langkah-langkah yang dikategorikan sebagai langkah-langkah *damage control*. Rawatan dan bukannya langkah-langkah *prevention* dalam konteks kesihatan.

Dengan itu kita bertanya, soalan yang banyak kita tanya mengapa IPT kita tidak mampu mengeluarkan graduan yang mempunyai *added values* terhadap *soft skill* ini. Mengapa mereka ini perlu dilatih semula? Apakah ijazah yang mereka peroleh daripada IPT sama ada IPTA ataupun IPTS itu tidak cukup untuk membolehkan mereka ini *employable* dalam pasaran pekerjaan negara kita. Tentulah silap persoalan, di mana silap sistem pendidikan pengajian tinggi yang ada di negara kita? Pengisian kursus, adakah ianya tidak dikawal oleh pihak-pihak tertentu yang ditubuhkan untuk menilai, melihat, pengisian kursus yang ada, yang ditawarkan oleh IPTA kita.

Benarkah terdapat banyak IPTS yang menawarkan khusus-khusus yang tidak diluluskan oleh pihak-pihak tertentu, kualiti pengajaran. Inilah persoalan-persoalan yang kita tanya mengapa perlu '*diadded value*kan' graduan kita ini? Kenapa kita tidak cari *the root cause of the problems*, itulah soalan kualiti pengajaran kita. Kita lihat di IPTS sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, banyak IPTS, tenaga pengajar IPTS ini yang cuma berkelulusan ijazah pertama, ijazah sarjana muda dan sebahagian besar daripada IPTS ini menawarkan kursus-kursus ijazah sarjana muda.

Bererti dalam konteks ini tenaga pengajar yang ada di sebahagian besar daripada IPTS ini yang berkelulusan sama dengan kursus-kursus yang ditawarkan dalam IPTS. Apakah ini bukan menjadi punca

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pensiangan bangun.

Datuk Ronald Kiandee: terhadap kemelut graduan menganggur yang kita hadapi.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih daripada Beluran. Hanya hendak tambah sedikit mengenai dengan *added value* yang telah dimaksudkan oleh Yang Berhormat Beluran tadi. Saya mempunyai dua orang anak yang bersekolah dahulu di state dan dalam gred 11 dan 12, ini bermakna tingkatan 5 ataupun tingkatan 6. Dalam persekolahan tersebut dalam tingkatan 5 dan 6 ini mereka telah didedahkan dengan *internship*. Sekiranya jurusan itu adalah jurusan dari segi kedoktoran maka dalam masa-masa cuti mereka dihantar

ke sekolah-sekolah ataupun *medical center* ini untuk mempelajari kaedah-kaedah perubatan dan sebagainya.

Daripada pendedahan di Tingkatan 5 dan 6 ini dan teruslah ke tingkatan 6 mereka sudah mempunyai jurusan-jurusan yang tertentu. Jadi bila mereka lulus daripada IPTS dan IPTA ini maka mereka sudah mempunyai satu objektif atau matlamat di mana arah tuju mereka akan pergi. Ini bermakna adakah Yang Berhormat daripada Beluran setuju supaya rombak yang telah dimaksudkan oleh Yang Berhormat Cameron Highlands tadi dibuat di peringkat yang terawal lagi iaitu di peringkat SPM dan di peringkat STPM supaya mereka ini dapat didedahkan dengan jurusan-jurusan ataupun bidang-bidang yang tertentu untuk mendapatkan yang profesional. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee: Saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Ini merupakan *the root cause of the problem*. Soal pengisian kursus program yang ditawarkan oleh universiti. Soal pendekatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Cameron Highlands, yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pensiangan merupakan perkara-perkara *root cause of the problem* yang harus dilihat oleh kementerian. Inilah yang hendak saya sampaikan dalam perbincangan kali ini. Saya juga mengajak kementerian untuk melihat ya Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Beluran memang polisi kerajaan kita Malaysia berhasrat untuk menjadi pusat pendidikan untuk seluruh dunia supaya kita mendapat *foreign exchange* dan memang kalau kita hendak menjadi pusat pendidikan untuk seluruh dunia ratusan dan ribuan kursus dan juga mungkin ribuan IPTS akan ditubuhkan di Malaysia dan saya rasa penuntut-penuntut memang ada yang hendak memilih belajar sastera orang Bajau, ada yang hendak menjadi *historian* pakar sejarah, ada yang hendak menjadi engineer. Memang mereka tahu kalau hendak belajar sejarah apa peluang untuk bekerja.

Jadi saya rasa kerajaan tidak haruslah memberi latihan semula kerana ini tidak ada *conclusion* nanti. Jadi cuma kita mesti mendidik penduduk-penduduk di Malaysia apa peluang, di mana peluang seperti di *plantation*, di marin *technology* ataupun kedoktoran, bidang undang-undang *and so on*. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat kalau kita hapuskan bantuan kepada graduan yang menganggur kerana mereka telah memilih kalau hendak minum kopi 'O' *order* kopi 'O' memang kopi 'O'

akan dihantar, kalau teh hendak teh memang teh akan dihantar. Jadi gunakan peruntukan ini untuk membuat jalan, bekalan api elektrik di luar bandar kita di Malaysia.

Datuk Ronald Kiandee: Saya setuju dengan Sri Aman. Tuan Yang di-Pertua, saya bawa isu ini untuk memperlihatkan bahawa wang sejumlah RM150 juta yang kita gunakan untuk melatih semula graduan kita ini tidak harus berlaku dan tanggungjawab untuk melihat graduan itu *employable* termasuklah di *added value* kan dengan *soft skill*, keterampilan, bahasa Inggeris, komputer dan sebagainya itu harus dilakukan oleh pihak universiti sama ada IPTS ataupun IPTA. Saya mengajak kementerian untuk melihat adakah 533 IPTS yang ada di negara kita ini terlalu banyak. 29 IPTS yang ada pada kita ini perlu ditambah ataupun apakah jumlah yang begini ini tidak terkawal lagi oleh pihak Lembaga Akreditasi Negara yang menyebabkan graduan kita ini keluar tetapi tidak *employable* dalam pasaran pekerjaan kita.

Dalam konteks ini apa pendirian kerajaan terhadap cadangan menggabungkan IPTS yang ada di negara kita ini. Kita lihat apabila banyak bank yang ada di negara kita kerajaan membuat keputusan untuk menggabungkan bank-bank ini. Satu peraturan dan satu cadangan yang konkrit dilaksanakan oleh kerajaan dengan mengamalkan *anchor bank-anchor bank* yang tertentu dan kemudian bank-bank yang lain yang kecil menjadi sebahagian daripada penggabungan bank-bank yang dilakukan oleh kerajaan. Tetapi dalam konteks untuk menggabungkan IPTS ini kita tidak melihat sebarang langkah tindakan yang konkrit yang diambil oleh kementerian dalam isu penggabungan universiti IPTS-IPTS yang ada.

Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kursus yang ditawarkan oleh Kementerian Sumber Manusia yang dikatakan memakan RM150 juta setakat ini, kursus-kursus seperti pembangunan eksekutif, pemasaran, perakaunan perniagaan, perancangan kewangan dan pengurusan harta, *Microsoft Certified System, Engineer, Cisco Certified Network* dan *Professional, Linux System Administrator, web publishing and web application development*, bahasa Inggeris, pemandu pelancong, pengurusan acara, keusahawanan, saya rasakan semua kursus-kursus nilai tambahan yang dilakukan yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia ini terhadap graduan kita boleh dilaksanakan di dalam universiti kita. Apa masalahnya universiti tidak boleh melakukan kursus-kursus jangka pendek ini untuk menilai tambahkan graduan kita

tidak dilakukan oleh pihak universiti dan membiarkan satu agensi, satu kementerian untuk melatih untuk ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Ronald Kiandee: Panjang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa panjang lagi diperlukan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 20 minit, 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 15 minit. Teruskan.

Datuk Ronald Kiandee: Teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Belum sampai 5.30.

Datuk Ronald Kiandee: Ya, *again* persoalan. Apakah tiga tahun untuk mendapatkan ijazah sekarang ini yang diputuskan oleh kementerian. Jangka waktu yang singkat untuk mendapatkan nilai tambah *soft skill* di kalangan universiti. Adakah kerajaan menilai semula tiga tahun untuk mendapatkan ijazah ini untuk dilanjutkan kepada empat tahun seperti saya dan rakan-rakan yang lain dahulu? Kalau ini dilakukan bererti kursus-kursus jangka pendek yang dikendalikan oleh kementerian-kementerian lain boleh dikendalikan oleh pihak universiti sendiri. Bererti apabila keluar graduan ini maka graduan itu bukan sahaja bersijil tetapi kompetitif dan *employable* dalam pasaran tenaga kerja negara. Saya minta kementerian melihat ini sebagai *root cause problem* yang harus ditangani. Dan *again* persoalan sama ada kita *too exam oriented*, tidak memberi peluang untuk membina keterampilan diri, sistem semesta yang kita gunakan mengongkong penuntut universiti untuk semata-mata lulus peperiksaan dan tidak berpeluang untuk membina keterampilan diri. Ini juga merupakan faktor yang harus dilihat oleh kerajaan dalam menghadapi kemelut graduan menganggur ini.

Soal *entry qualification* untuk IPTS, kita lihat IPTS sebagai institusi pengajian tinggi yang diberi peranan untuk mengambil penuntut-penuntut yang tidak layak mengikuti IPTA. Kita melihat bahawa *entry qualification* sering kali merupakan *entry* yang lebih rendah yang digunakan oleh IPTS jika dibandingkan dengan *entry qualification* yang digunakan oleh IPTA. Apakah ini juga menyebabkan kemelut graduan menganggur ini berlaku di negara kita? Apakah ini juga menyebabkan graduan kita yang keluar sebahagian besar dari PTS gagal mendapat pekerjaan

disebabkan *entry qualification*? Saya mengajak kementerian supaya melihat sudut ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, okey, Tuan Yang di-Pertua sering melihat saya.

Seorang Ahli Parlimen: Masa sudah cukup.

Datuk Ronald Kiandee: Masa cukup?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Datuk Ronald Kiandee: Sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sambung hari esok? Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.